



MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (935722-K)



PENGEMBANGAN GLOBAL

LAPORAN TAHUNAN DUA RIBU LIMA BELAS



MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (935722-K)



PERTUMBUHAN GLOBAL

LAPORAN TAHUNAN DUA RIBU LIMA BELAS

MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD
LAPORAN TAHUNAN 2015

D A

L A

M

LAPORAN INI

GAMBARAN / 02. Mengenai Laporan Ini / 04. Visi dan Misi / 05. Sorotan Tahun 2015 / 06. Pasaran Eksport **KATA-KATA KEPADA PEMEGANG SAHAM** / 10. Penyata Pengerusi / 12. Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif **RANGKA KERJA KORPORAT** / 14. Profil Korporat / 16. Pencapaian Utama / 18. Maklumat Korporat / 20. Struktur Korporat / 21. Struktur Organisasi **STRATEGI PERNIAGAAN** / 24. Strategi: Keutamaan dan Kemajuan / 26. Model Perniagaan / 28. Tinjauan Gula Global dan Trend Pasaran **ULASAN PRESTASI** / 30. Ulasan Kewangan Kumpulan / 32. Maklumat Penting Kewangan / 33. Prestasi Kewangan Suku Tahun / 34. Penyata Nilai Tambah / 35. Analisis Segmen / 36. Ringkasan 5 Tahun Kewangan / 38. Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan / 40. Perhubungan Pelabur / 40. Prestasi Saham / 41. Kalendar Kewangan **KUNCI KEJAYAAN** / 42. Anugerah & Pengiktirafan / 46. Kalendar Peristiwa Penting / 52. Sorotan Media **ULASAN PERNIAGAAN** / 56. Ulasan Perniagaan & Tinjauan **ULASAN KEMAMAPANAN** / 60. Kesihatan & Keselamatan / 64. Kajian Modal Insan / 66. Tanggungjawab Sosial Korporat **TUNGGAK KEPIMPINAN** / 74. Lembaga Pengarah / 76. Profil Para Pengarah / 82. Pengurusan Kanan / 84. Profil Pengurusan Kanan **PENYATA TADBIR URUS** / 90. Penyata Tadbir Urus Korporat / 108. Program Latihan yang Dihadiri oleh Pengarah / 109. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman / 114. Pengurusan Kesenambungan Perniagaan / 114. Integriti Korporat / 115. Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan / 119. Laporan Jawatankuasa Audit / 123. Maklumat Pematuhan Tambahan **PENYATA KEWANGAN** / 127. Penyata Tanggungjawab Pengarah / 128. Laporan Para Pengarah / 132. Penyata Para Pengarah / 132. Perakuan Berkanun / 133. Laporan Juruaudit Bebas / 135. Penyata Pendapatan Komprehensif / 136. Penyata Kedudukan Kewangan / 138. Penyata Perubahan dalam Ekuiti Disatukan / 139. Penyata Perubahan dalam Ekuiti / 140. Penyata Aliran Tunai / 142. Nota kepada Penyata Kewangan / 199. Maklumat Tambahan **MAKLUMAT LAIN** / 200. Analisis Pegangan Saham / 201. Senarai 30 Pemegang Saham Utama / 203. Senarai 10 Hartanah Dimiliki oleh Kumpulan MSM / 204. Ringkasan Hartanah Dimiliki oleh Kumpulan MSM / 206. Ringkasan Hartanah Pajakan oleh Kumpulan MSM / 207. Direktori Korporat / 208. Notis Mesyuarat Agung Tahunan / 212. Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan / 213. Butiran Pentadbiran bagi Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") Kelima (Ke-5) / Borang Proksi



PENYATA
PENERUSI

10



PROFIL
KORPORAT

14



URUSAN
KEWANGAN

32



LEMBAGA
PENGARAH

74

MESYUARAT
A G U N G
T A H U N A N

KE

05



MAKLUM BALAS ANDA!
www.msmsugar.com

Carian Laporan Tahunan MSM 2015
di dalam dua aplikasi di bawah:



DEWAN BANKUET 1, ARAS B2
MENARA FELDA, PLATINUM PARK, NO. 11
PERSIARAN KLCC, 50088 KUALA LUMPUR



SELASA, 10 MEI 2016
11.00 PAGI



SELAMAT DATANG

KE LAPORAN TAHUNAN MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (MSM)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan ini merupakan satu lagi elemen asas dalam perjalanan kami ke arah laporan tahunan bersepadu sepenuhnya, amalan untuk membina keyakinan pelabur dan pihak berkepentingan serta meningkatkan prestasi masa depan kami.

MENGENAI LAPORAN INI

Kami telah melaburkan idea dan usaha ke dalam pengeluaran dokumen ini untuk memberikan kepada anda – pihak berkepentingan yang dihargai – pandangan yang menyeluruh dan objektif mengenai ekonomi, sosial, tadbir urus, dan prestasi alam sekitar serta pandangan ke dalam strategi perniagaan kami juga prospek masa depan yang tepat pada masanya, telus dan mudah untuk difahami. Oleh itu, bahagian ini membentangkan rangka kerja yang luas bagi kandungan yang telah kami teliti dan dibentangkan bersama secara sistematik.



SKOP

Laporan Tahunan ini meliputi tahun kewangan dari 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015 (TK2015) dan merangkumi semua perkembangan utama mengenai MSM sehingga kelulusan penyata kewangan tahunan.

Laporan kami memberi tumpuan kepada MSM sebagai satu Kumpulan serta merangkumi anak-anak syarikat operasi kami, iaitu MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Logistics Sdn Bhd. Data kewangan dan bukan kewangan dari anak-anak syarikat telah disatukan bagi memudahkan rujukan. Kami juga menyertakan maklumat penting yang boleh membantu pihak-pihak berkepentingan kami membuat penilaian berdasarkan maklumat daripada MSM dan bagaimana kami dapat mewujudkan secara strategik dan mengekalkan nilai-nilai pemegang kepentingan untuk jangka panjang.



RANGKA KERJA LAPORAN

Kami sediakan penyata kewangan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Kesemua penyata kewangan ini juga mematuhi peruntukan pendedahan yang ditetapkan di bawah Peraturan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad.

Semua penyata kami telah diaudit oleh PricewaterhouseCoopers, di mana laporan tidak berkelayakan adalah pada muka surat 133. Untuk memudahkan rujukan, set penuh penyata kewangan tahunan boleh didapati di laman web kami atau boleh diminta melalui Setiausaha Syarikat kami.

MSM komited untuk mengekalkan standard tadbir urus korporat dan kepimpinan yang cemerlang, dan akan terus mengkaji proses laporan kami untuk memastikan kami menepati amalan terbaik industri dan dengan itu mewujudkan nilai berkekalan bagi pihak-pihak yang berkepentingan.

VISI

ANTARA 10 SYARIKAT



GULA TERBAIK

MENJELANG TAHUN 2020

MISI

UNTUK MEMBANGUN DENGAN CEMERLANG SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT PENGELUAR GULA YANG BERDAYA SAING DAN MESRA ALAM SERTA MENGHASILKAN PRODUK YANG DIKTIRAF BERKUALITI TINGGI. UNTUK MENJADI SYARIKAT TERKEMUKA DALAM PERNIAGAAN GULA DENGAN MENYEDIAKAN PRODUK-PRODUK DAN PERKHIDMATAN BERNILAI TINGGI BAGI MENGEKALKAN PERTUMBUHAN JANGKA PANJANG YANG MAMPAN DALAM JUMLAH DAN KEUNTUNGAN. UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN KOMERSIL YANG KONSISTEN DAN SEIMBANG DENGAN:



MEMENUHI KEPERLUAN
PELANGGAN KAMI



MEMBERI PRESTASI
TERBAIK UNTUK PARA
PEMEGANG SAHAM



MEWUJUDKAN PELUANG
KERJAYA YANG MEMBERI
KEPUASAN KEPADA
KAKITANGAN



MEMBINA HUBUNGAN YANG
SALING MEMBERI MANFAAT
DENGAN RAKAN-RAKAN
NIAGA UTAMA





MENGAMBIL BAHAGIAN DAN MENYUMBANG
SECARA BERKESAN KEPADA PEMBANGUNAN
NEGARA DAN KEBAJIKAN SERTA KEMAJUAN
MASYARAKAT DI MANA KAMI BEROPERASI

KEUNTUNGAN BERSIH
RM275.30 JUTA



HASIL
RM2.31
 B I L I O N



J U M L A H
 A S E T

RM2.72
 B I L I O N

PENGELUARAN TERTINGGI

1,033,519
 T A N



SOROTAN TAHUN 2015

J U M L A H
 PEMBAYARAN
 DIVIDEN

RM182.78
 J U T A

BILANGAN PEKERJA

2014: **1,144**



2015: **1,203**

BERTAMBAH KEPADA: 4.9%



TOP 3 PRODUK JUALAN TERTINGGI

GULA KASAR | GULA HALUS DAN KASTOR MENYUMBANG

80% DARI HASIL JUALAN ADALAH

RM2.27 JUTA

PASARAN EKSPORT

5 PASARAN EKSPORT UTAMA



42,937 TAN
SINGAPURA



22,520 TAN
KOREA SELATAN



21,050 TAN
MYANMAR



16,838 TAN
NEW ZEALAND



12,789 TAN
HONG KONG

AU
01 8,369.00
AUSTRALIA

BD
02 3,894.00
BANGLADESH

KH
03 600.00
KEMBOJA

CA
04 24.00
KANADA

CN
05 4,919.95
CHINA

AE
06 904.69
DUBAI

FJ
07 524.00
FIJI

PF
08 73.00
POLINESIA
PERANCIS

GH
09 825.00
GHANA

GU
10 25.00
GUAM

HK
11 12,788.77
HONG KONG

ID
12 7,966.00
INDONESIA

Jumlah dalam tan

KR 13 KOREA	22,520.31	LK 14 SRI LANKA	3,294.15	MU 15 MAURITIUS	600.00
MM 16 MYANMAR	21,050.00	NZ 17 NEW ZEALAND	16,838.08	NC 18 NEW CALEDONIA	1,886.00
NP 19 NEPAL	910.00	MP 20 KEPULAUAN MARIANA UTARA	25.00	PK 21 PAKISTAN	4,175.00
PH 22 FILIPINA	748.00	PG 23 PAPUA NEW GUINEA	4,099.00	WS 24 SAMOA	142.00
SA 25 ARAB SAUDI	2,900.00	SG 26 SINGAPURA	42,937.31	TH 27 TAHITI	49.31
TW 28 TAIWAN	50.00	TR 29 TURKI	250.00	VT 30 VIETNAM	8,575.00

ENK



**MENGEMBANGKAN
PASARAN**

PORT

KAMI

Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat, kami telah membuka pejabat perdagangan antarabangsa di Dubai. Bermula Januari 2016, MSM Dubai akan bertanggungjawab untuk memperoleh dan membekal gula mentah bagi keperluan Kumpulan MSM. Selain itu, MSM Dubai juga bertanggungjawab menguruskan aktiviti perdagangan gula mentah dan bertapis untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat di rantau APAC.



PENYATA PENGERUSI

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
Pengerusi

Assalamualaikum w.b.t

PARA PEMEGANG SAHAM,

SAYA DAN LEMBAGA PENGARAH DENGAN BERBESAR HATI MEMBENTANGKAN KEPADA ANDA LAPORAN TAHUNAN MSM MALAYSIA UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (TK2015).

Dengan sukacitanya saya ingin berkongsi dengan anda bahawa Kumpulan MSM telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM372 juta dan keuntungan selepas cukai RM275 juta, pencapaian terbaik yang belum pernah dicapai. Dengan keputusan ini, saya juga ingin mengumumkan pembayaran dividen akhir sebanyak 14 sen sesaham bagi TK2015. Menokok kepada dividen interim terdahulu sebanyak 12 sen sesaham, jumlah dividen setahun berjumlah 26 sen sesaham. Ini membawa kepada jumlah pembayaran dividen untuk tempoh setahun kepada RM182.78 juta atau nisbah pembayaran dividen bersih sebanyak 66 peratus.

Izinkan saya untuk membawa anda ke perjalanan ringkas merentasi 2015.

Tahun 2015 sememangnya akan diingati sebagai tahun yang dipenuhi dengan berbagai cabaran. Terutamanya kebimbangan pertumbuhan dalam kuasa ekonomi besar, aliran modal antarabangsa yang tidak menentu dan kejatuhan mendadak harga minyak dan komoditi global. Faktor-faktor ini telah memberi kesan kepada Ringgit sejak permulaan tahun.

Meskipun industri gula terus menghadapi halangan yang pelbagai pada TK2015, di bawah pimpinan Dato' Sheikh Awab dan pasukannya, kami kekal berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran kami dan yakin untuk prospek TK2016. Saya dan Lembaga Pengarah yakin bahawa pelan agresif yang telah kami mulakan untuk meningkatkan bahagian pasaran kami akan membolehkan kami untuk kekal berada di barisan hadapan dalam pasaran tempatan manakala kami akan mengembangkan jangkauan kami lebih jauh ke dalam arena global.

Dalam TK2015, kami telah merangka pelan tindakan strategik yang menyeluruh dan kemudiannya melaksanakan pelan tindakan untuk jangka masa terdekat. Pelan ini menyatakan tindakan tertentu dan pendekatan untuk memastikan hala tuju berkumpulan yang bersepadu, semua pasukan terlibat secara proaktif dan berterusan untuk mencapai matlamat kami mengikut garis masa yang ditetapkan.


Di bawah pelan tindakan strategik ini, kami telah memperkenalkan Budaya Prestasi Tinggi, yang menitikberatkan kecemerlangan operasi yang pelbagai di kesemua peringkat dan mendorong integrasi dalam Kumpulan MSM, seterusnya meningkatkan pengeluaran dan kecekapan pengedaran. Secara ketara, usaha ini membantu kami untuk mencatat peningkatan jumlah pertumbuhan selama lima tahun berturut-turut untuk bahagian pengeluaran perniagaan kami.

Walau bagaimanapun, MSM bukanlah hanya mementingkan keuntungan maksimum sehingga meminggirkan kepentingan perniagaan yang lain. Kami berbangga kerana telah melaksanakan berbagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) sejak awal penubuhan kami bagi memperbaiki kehidupan pelbagai masyarakat di mana kami beroperasi. Pendirian proaktif ini adalah berpandukan kepada kepercayaan kami bahawa strategi dan kemampuan perniagaan perlu sehaluan di mana pertumbuhan berterusan MSM hanya boleh berlaku apabila pihak-pihak berkepentingan – dalaman dan luaran berkembang bersama kami.

Bagi memastikan pelaksanaan tumpuan yang berpadanan dan berkesan, kami menyalurkan sumber kami untuk usaha-usaha CSR di atas beberapa teras, seperti mengambil berat terhadap komuniti, penglibatan pekerja, peningkatan penjagaan alam sekitar dan pengurusan pasaran. Dengan amat sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa sejumlah RM5 juta pembayaran zakat telah diagihkan kepada pihak-pihak berkuasa yang relevan di pusat-pusat operasi MSM di Perlis, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Ini, berserta dengan beberapa inisiatif CSR yang lain memaparkan dengan jelas dedikasi MSM terhadap peranan khusus kami sebagai rakan kerajaan dalam membangunkan negara.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Datuk Hanapi Suhada dan Dato' Zakaria Arshad yang menyertai Lembaga Utama sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif menggantikan Datuk Haji Faizoull Ahmad dan Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah.

Di tahun ini dan tahun-tahun mendatang, saya yakin bahawa MSM akan terus berdaya tahan dan cekal dalam usaha kami untuk mempertahankan kedudukan kami sebagai peneraju pasaran. Terima kasih saya ucapkan kepada anda di atas sokongan yang berterusan dan juga kepada para kakitangan kami di atas dedikasi yang tinggi ketika menghadapi saat-saat sukar. Kami berhasrat untuk mencapai keuntungan yang mampan dalam pengeluaran dan hasil kami untuk menjaga dan meningkatkan nilai untuk anda.



YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
Pengerusi

A man in a black suit, white shirt, and striped tie is sitting in a black office chair at a glass desk. He is smiling and looking towards the camera. A silver laptop is open on the desk in front of him. The background shows a large window with a view of a city skyline.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

PARA PEMEGANG SAHAM SEKALIAN,

TAHUN KEWANGAN 2015 (TK2015) TERBENTUK OLEH KETIDAKTENTUAN DALAM ASET PASARAN GLOBAL DI MANA KEBIMBANGAN MENGENAI PERTUMBUHAN DAN DASAR MONETARI YANG TEGAS DALAM BEBERAPA KUASA EKONOMI UTAMA TIDAK MENJEJASKAN KOMUNITI PERNIAGAAN DAN KEWANGAN.

Harga minyak menunjukkan aliran menurun dari separuh pertama 2014 hingga ke TK2015 mengakibatkan ketidaktentuan bukan sekadar dalam sektor minyak dan gas asli, malah ekonomi Malaysia secara keseluruhannya, terutamanya kebergantungan terhadap sektor tersebut untuk pertumbuhan. Sepanjang tahun juga prestasi nilai Ringgit susut dibandingkan denominasi nilai matawang Dolar Amerika Syarikat (AS).

Bagi pasaran gula global, tahun ini memperlihatkan lebihan selama empat tahun berturut-turut dan secara langsung menyebabkan harga kekal rendah. Pada dasarnya, sebahagian besar pasaran gula kian menurun dengan kuantiti stok pada tahap yang tinggi, harga komoditi yang rendah dan ketidaktentuan keadaan makroekonomi yang menyebabkan kawalan harga.

Berlatarbelakangkan keadaan ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) telah mengharungi cabaran ini dengan jayanya.

Kami memperoleh keuntungan sebelum cukai sebanyak RM372 juta dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM275 juta, pencapaian keuntungan tertinggi dicatatkan dalam sejarah syarikat. Ini dicapai di sebalik hasil perolehan berjumlah RM2.31 bilion. Perbelanjaan tahunan menurun sebanyak 11.31 peratus, lantas membuktikan keberkesanan langkah-langkah kecekapan dan pengawalan kos dalaman yang bermula sejak 2014.

Penguasaan pasaran domestik kami kekal teguh sebanyak 65 peratus pada tahun ini, mencerminkan kedudukan kami sebagai peneraju gula bertapis di Malaysia. Permintaan majoriti terdiri dari segmen domestik dan industri manakala segmen eksport menunjukkan potensi yang baik untuk pertumbuhan.

TK2015 merupakan tahun yang penting bagi MSM kerana kami berjaya mencapai kapasiti pengeluaran tertinggi sebanyak 1.03 juta tan. Kapasiti pengeluaran akan meningkat dengan pembinaan kilang penapisan bertaraf tinggi di Tanjung Langsat, Johor. Setelah pembinaannya selesai, kilang ini mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 2.25 juta tan berbanding 1.25 juta tan yang sedia ada kini. Majlis pecah tanah kilang penapisan gula bersepadu yang terbesar di Malaysia dijadualkan pada Mac 2016, menyatakan komitmen kami untuk bergerak ke arah matlamat menjadi antara 10 pemain utama gula global menjelang 2020.

Pada bulan Februari 2016, kami berbangga dengan pelancaran pejabat rasmi pertama di luar Malaysia yang berpangkalan di Dubai. Dikenali sebagai MSM Trading International DMCC (MSM Dubai), hab dagangan ini bertanggungjawab untuk

menguruskan aktiviti perdagangan gula mentah dan gula bertapis antarabangsa bagi membolehkan kawalan nilai rangkaian perniagaan yang lebih menyeluruh terutamanya di pasaran Timur Tengah dan Afrika Utara. Usaha ini akan disokong oleh pejabat perwakilan di negara-negara strategik seperti Indonesia, Thailand, China dan India.

Kami tetap agresif untuk meneroka peluang penggabungan dan pengambilalihan (M&A) terutama dalam perniagaan berkaitan aset gula serta pakatan strategik dalam usaha mengembangkan perniagaan kami. Pada masa yang sama, kami proaktif mencari peluang pada skala global untuk menjadi pemain gula bersepadu yang terlibat dalam industri hulu, pertengahan, hiliran dan perdagangan selaras dengan strategi jangka panjang syarikat.

Tumpuan perniagaan dalam negara pula dikhususkan untuk meningkatkan dan membangunkan jenama terkemuka, "Gula Prai". Saya berbangga untuk berkongsi dengan anda bahawa kami telah menubuhkan satu jabatan baru; "Jabatan Pembangunan Produk" yang memberi tumpuan pada pembangunan dan inovasi produk dalam usaha mengukuhkan pasaran dan fokus terhadap pelanggan.

Jangkaan untuk 2016 amat tinggi, tetapi secara umumnya, keadaan ekonomi semasa memerlukan kita untuk berwaspada dalam mengemudi cabaran yang mendatang. Saya mempunyai keyakinan penuh terhadap kakitangan syarikat untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan kita terus menjadi peneraju pengeluaran gula bertapis terbesar negara dan juga sebagai pemacu dalam perniagaan gula serantau dan global.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua kakitangan yang telah menyumbang demi pencapaian terbaik syarikat pada TK2015. Semoga kita terus berusaha, berkorban dan konsisten bagi menjayakan inisiatif yang dinyatakan di atas. Kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan pihak-pihak berkepentingan, terima kasih di atas segala sokongan anda. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan kami dan rakan-rakan niaga di atas sokongan anda yang berterusan.



DATU' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

PROFIL KORPORAT



MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (MSM) TELAH DISENARAikan DI PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD PADA 28 JUN 2011 DAN KINI MEMEGANG 65 PERATUS PASARAN DOMESTIK.

MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (DIPERBADANKAN PADA 10 MAC 2011)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dan kini memegang 65 peratus pasaran domestik.

MSM menawarkan pelbagai produk yang terdiri daripada gula putih bertapis pelbagai saiz butiran kepada gula perang lembut. Produk-produk ini dipasarkan dan dijual dalam pelbagai pilihan pembungkusan di bawah jenama - Gula Prai. MSM juga menjual molases, hasil sampingan yang terhasil daripada proses penapisan, kepada syarikat-syarikat penyulingan dan pengeluar etanol, makanan haiwan dan yis, di antara produk-produk lain.

MSM menjual kepada pelbagai pelanggan termasuk syarikat-syarikat utama dalam industri minuman dan konfeksioneri, hotel, restoran, kedai-kedai makanan dan pengguna isi rumah.

MSM PRAI BERHAD

(DIPERBADANKAN PADA 6 OKTOBER 1959)

MSM Prai Berhad (MSM Prai) merupakan usahasama antara Kuok Brothers Sdn Bhd, Mitsui & Co dan Nissin Sugar Manufacturing Company, ditubuhkan untuk mengurangkan pergantungan Malaysia ke atas gula bertapis yang diimport.

MSM Prai mengendalikan kilang penapisan gula Prai di Pulau Pinang, di pantai barat utara Semenanjung Malaysia. Kilang ini merupakan kemudahan penapisan gula terbesar di negara ini dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 960,000 tan metrik gula bertapis, menyumbang hampir kepada 84 peratus daripada jumlah kapasiti pengeluaran Kumpulan MSM.

Kilang ini secara strategik terletak berhampiran Pelabuhan Pulau Pinang dan mempunyai jeti khusus yang membolehkan tongkang menurunkan gula mentah yang diambil dari kapal-kapal dengan mudah dan kos efektif untuk disimpan bagi penapisan.

Landasan kereta api yang terletak di dalam MSM Prai menghubungkan MSM Prai kepada gudang-gudang di Sungai Buloh, Selangor dan Johor Bahru, Johor yang membolehkan produk-produk gula bertapis dihantar menerusi gerabak kereta api dengan kecekapan kos kepada pelanggan-pelanggan kami di kawasan rantau tengah dan selatan Semenanjung Malaysia.

Pengangkutan jalan raya turut digunakan untuk menyokong pergerakan landasan kereta api di antara gudang dan penghantaran akhir ke premis-premis pelanggan kami.

Sebahagian daripada gula yang dihantar dari kilang penapisan Prai ke gudang di Sungai Buloh adalah dalam bentuk pukal longgar yang membolehkan pembungkusan akhir dilakukan di gudang. Kilang penapisan ini juga mampu menghantar gula secara pukal melalui lori tangki kepada pelanggan yang memilih untuk menerima produk terus ke dalam silo simpanan mereka.

Untuk penghantaran ke Timur Malaysia dan luar negara, produk gula akan dihantar menerusi kontena dari kilang penapisan Prai ke Pelabuhan Kontena Butterworth Utara Pulau Pinang, yang terletak berdekatan dari kilang dan dimuatkan ke dalam kapal-kapal. Kilang ini berupaya memuatkan dan menghantar sehingga 30 unit kontena eksport seluas 20 kaki sehari.

MSM PERLIS SDN BHD*(DIPERBADANKAN PADA 26 MEI 1971)*

MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) mengendalikan kilang penapisan gula di Chuping, Perlis, di bahagian utara barat Semenanjung Malaysia dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 180,000 tan metrik gula bertapis, yang mewakili kira-kira 16 peratus daripada jumlah kapasiti Kumpulan MSM.

Pada masa ini, kesemua produk gula bertapis MSM Perlis dijual di pasaran domestik dan fokusnya dijangka akan kekal tertumpu di Malaysia. Rancangan sedang diatur untuk mengembangkan kapasiti penapisan gula MSM Perlis kepada 200,000 tan metrik setahun melalui pemasangan peralatan tambahan seperti mesin emparan dan peningkatan automasi proses pengeluaran.

MSM Perlis mempunyai kemudahan gudang dilokasinya, dan juga terminal kargo pukal di Prai, Pulau Pinang, di mana produknya diedarkan ke seluruh Malaysia melalui jalan raya dan laut. Terdapat juga bilangan pelanggan yang mengambil sendiri produk-produk gula bertapis secara langsung dari gudang yang terletak di MSM Perlis dan dari terminal kargo pukal.

MSM LOGISTICS SDN BHD*(DIPERBADANKAN PADA 23 NOVEMBER 1990)*

MSM Logistics Sdn Bhd (MSM Logistics) ialah syarikat logistik milik penuh MSM Prai Berhad dan berkhidmat untuk keperluan MSM bagi pengangkutan produk dan perkhidmatan penghantaran yang boleh dipercayai di seluruh negara.

Bilangan 47 trak MSM Logistics merangkumi 31 treler kargo 20 tan, dua lori tangki 10 tan, dua lori tangki 15 tan, lima lori tangki 20 tan dan tujuh lori tangki 30 tan. Ia memainkan peranan utama dalam rangkaian pengedaran MSM dengan memastikan produk kami sampai kepada pelanggan dan gudang MSM di seluruh negara dalam keadaan baik dan tepat pada masanya. Visi MSM Logistics adalah untuk menyediakan perkhidmatan penghantaran yang cekap kepada pelanggan MSM dan mengekalkan standard profesionalisme yang tinggi dan kebolehpercayaan.

MSM SUGAR REFINERY (JOHOR) SDN BHD*(DIPERBADANKAN PADA 8 APRIL 2015)*

MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor), akan mengendalikan operasi kilang penapisan gula MSM yang baru, berpusat di Tanjung Langsat, Johor bakal menjadi kilang penapis gula yang terbesar di Malaysia. Apabila siap, jumlah kapasiti pengeluaran tahunan Kumpulan akan meningkat sehingga 3.25 juta tan.

Didirikan di atas sebidang tanah 50,63 ekar, kompleks bersepadu ini adalah di bawah pembangunan untuk Fasa 1, iaitu untuk menghasilkan 3,000 tan sehari pengeluaran gula bertapis (RSO) atau satu juta tan pada kapasiti pengeluaran tahunan. Ianya dijadualkan beroperasi sepenuhnya menjelang akhir 2017 dan pembangunan Fasa 2 akan bermula pada tahun 2025. Gabungan kapasiti pengeluaran tahunan Fasa 1 dan Fasa 2 mampu meningkat sehingga dua juta tan.

Selain itu, MSM Johor membolehkan pembinaan kapasiti yang boleh diterjemahkan kepada harga yang kompetitif pada produk akhir. Ini membolehkan MSM memasuki negara-negara jiran, seterusnya mengukuhkan lagi bahagian pasaran domestik MSM dan menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi gula bertapis berkualiti tinggi.

MSM TRADING INTERNATIONAL DMCC*(DIPERBADANKAN PADA 1 OKTOBER 2015)*

MSM Trading International DMCC (MSM Dubai) merupakan cabang perdagangan MSM. Ia menerima lesen dagangannya dari *Dubai Multi Commodities Centre* (DMCC).

Perniagaan utamanya adalah untuk menjalankan aktiviti perdagangan gula, kedua-duanya iaitu gula mentah dan bertapis untuk menampung permintaan yang semakin meningkat di rantau ini, khususnya di Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) dan rantau Asia Pasifik (APAC).

Penubuhan MSM Dubai akan disokong oleh sebuah pejabat perwakilan di Jakarta, Indonesia. Ia dijangka menguruskan permintaan yang semakin meningkat di rantau ini manakala meningkatkan jualan eksport dengan harga yang kompetitif kepada negara-negara jiran seperti Singapura, Korea Selatan dan negara-negara Asia Pasifik lain.

Usahaniaga di Dubai ini dijangka membina keupayaan MSM ke arah menjadi sebuah jenama global dengan struktur antarabangsa yang tersendiri. Dengan perkembangan ini, niat meningkatkan kecekapan, kualiti dan perkhidmatan dalam rantaian bekalan gula akan menjadi lebih berkesan.

PENCAPAIAN UTAMA

JEJAK KEMANISAN MSM

1959



PENUBUHAN MSM PRAI DI PRAI, PULAU PINANG

1964

MSM PRAI MEMULAKAN OPERASI DI PRAI, PULAU PINANG



1971



PENUBUHAN MSM PERLIS DI CHUPING, PERLIS

1973

MSM PERLIS MEMULAKAN OPERASI PENGILANGAN DAN PENAPISAN DI CHUPING, PERLIS



2020



MSM MENJADI DI ANTARA 10 SYARIKAT GULA TERBAIK DUNIA

2017

MSM SUGAR REFINERY (JOHOR) SDN BHD DIJADUALKAN UNTUK MULA BEROPERASI DI TANJUNG LANGSAT, JOHOR



2016



PELANCARAN MSM TRADING INTERNATIONAL DMCC SERTA MAJLIS PECAH TANAH MSM SUGAR REFINERY (JOHOR) SDN BHD

2015

PENUBUHAN MSM SUGAR REFINERY (JOHOR) SDN BHD & MSM TRADING INTERNATIONAL DMCC DI DUBAI



2014



MSM PRAI BERHAD MENYAMBUT ULANGTAHUN KE-50

1976



MSM PRAI MEMULAKAN SISTEM AUTOMASI DALAM SEKTOR PENGLUARAN

1980

MSM PERLIS MEMULAKAN OPERASI PENAPISAN GULA MENTAH IMPORT



1990



PENUBUHAN MSM LOGISTICS SDN BHD, SEBUAH SYARIKAT LOGISTIK MILIK PENUH MSM PRAI

1992

GUDANG MSM DI SUNGAI BULOH MEMULAKAN OPERASI DENGAN KEMUDAHAN LANDASAN KERETAPI DARI MSM PRAI



2011

PEMERBADANAN MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD DAN PENYENARAIAH MSM DI PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA



2010



KEUPAYAAN PENAPISAN MENINGKAT KEPADA 960,000 TAN SETAHUN DI MSM PRAI DAN 150,000 TAN SETAHUN DI MSM PERLIS

2007

MSM PRAI MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENAPISAN KEPADA 800,000 TAN SETAHUN



2002



GUDANG MSM DI JOHOR BAHRU MEMULAKAN OPERASI DENGAN KEMUDAHAN LANDASAN KERETAPI DARI MSM PRAI

MAKLUMAT KORPORAT

PADA 31 MAC 2016



PENGERUSI

Pengarah Bukan
Eksekutif Bukan Bebas

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA
DATO' HAJI ABDUL SAMAD

PRESIDEN

/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD



LEMBAGA PENGARAH

YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad

Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Dato' Zainal Haji Ismail

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Dato' Rosini Abd Samad

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datuk Lim Thean Shiang

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datuk Hanapi Suhada

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(Dilantik pada 7 Oktober 2015)

Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(Meletak jawatan pada 1 April 2016)*

Datuk Faizoull Ahmad

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(Bersara pada 2 Jun 2015)

Dato' Zakaria Arshad

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(Dilantik pada 1 April 2016)*

Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

* seperti pengumuman awam pada 31 Mac 2016

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 45, Menara Felda
Platinum Park
No. 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel : +603 2859 0000
Faks : +603 2859 0016

PENYENARAIAN PASARAN SAHAM

Pasaran Utama
Bursa Malaysia Securities Berhad
Disenaraikan sejak 28 Jun 2011
Kod Stok: 5202

SETIAUSAHA SYARIKAT

Abd Rashid Atan (MIA 18390)
Koo Shuang Yen (MIA 7556)

PENDAFTAR SAHAM

Symphony Share Registrars Sdn Bhd
Aras 6, Symphony House
Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46
47301 Petaling Jaya, Selangor
Malaysia
Talian Bantuan : +603-7849 0777
Faks : +603 7841 8151/8152

JURUAUDIT

Tetuan PricewaterhouseCoopers
Akauntan Bertauliah
Aras 10, 1 Sentral
Jalan Travers, Kuala Lumpur Sentral
50706 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel : +603 2173 1188
Faks : +603 2173 1288
Laman web : www.pwc.com

PERHUBUNGAN PELABUR DAN PERTANYAAN

Aras 44, Menara Felda
Platinum Park
No. 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel : +603 2181 5018
Faks : +603 2181 5015
www.msmsugar.com
info@msmsugar.com



STRUKTUR KORPORAT

PADA 21 MAC 2016

6.03%

LEMBAGA KUMPULAN
WANG SIMPANAN
PEKERJA

40.03%

FELDA GLOBAL
VENTURES
SUGAR SDN BHD

17.08%

LAIN-LAIN
PEMEGANG SAHAM

20.00%

KOPERASI
PERMODALAN
FELDA MALAYSIA
BERHAD

10.97%

FELDA GLOBAL
VENTURES
HOLDINGS
BERHAD

5.89%

AMANAHRAYA
TRUSTEE
BERHAD

MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD

100%

MSM PRAI BERHAD

100%

MSM TRADING &
DISTRIBUTION
SDN BHD

100%

MSM SUGAR
REFINERY
(JOHOR)
SDN BHD

100%

MSM LOGISTICS
SDN BHD


100%

MSM PERLIS
SDN BHD

100%

MSM TRADING
INTERNATIONAL
DMCC

STRUKTUR ORGANISASI



* Anak syarikat MSM Malaysia Holdings Berhad

MEMENUHI

PERING





KATAAN PERMINTAAN

Kami adalah pengeluar gula bertapis terbesar di Malaysia dan menguasai bahagian pasaran domestik sebanyak 65%. Dengan pencapaian yang berbagai, kami sedang membina kilang penapisan gula bersepadu yang terbesar di Tanjung Langsat, Johor, dilengkapi dengan teknologi terkini. Setelah pembinaannya selesai, kapasiti pengeluaran gula tahunan akan berganda. Lantas, ini akan menyokong visi syarikat untuk menjadi antara 10 pemain terkemuka gula dunia menjelang 2020.

STRATEGI: KEUTAMAAN DAN KEMAJUAN



PERTUMBUHAN

STRATEGI UTAMA

- Penambahan kapasiti

KEUTAMAAN STRATEGIK

- Penambahan pengeluaran Gula Bertapis sebanyak 3,000 tan sehari melalui projek pembinaan Kilang Penapisan Gula di Tanjung Langsat, Johor yang dijadualkan siap pada tahun 2018

- Memperluaskan kehadiran dalam penilaian rangkaian gula

- Penubuhan unit perdagangan antarabangsa di Dubai
- Kehadiran di sektor hulu dan hilir melalui Penggabungan & Pengambilalihan/Usaha Sama



KECEMERLANGAN OPERASI

- Mengoptimumkan penggunaan aset

- Meningkatkan keuntungan operasi
- Mengoptimumkan penggunaan kapasiti

- Membangunkan fokus minda pelanggan

- Peningkatan dalam pegangan pasaran gula dalam negara
- Peningkatan volum jualan

- Mengejar kecemerlangan operasi

- Implementasi inisiatif pengurangan kos
- Implementasi sistem ERP
- MSM Perlis mengusahakan pensijilan kualiti yang lebih tinggi



INSAN

- Membangunkan budaya berprestasi tinggi

- Implementasi Skor Seimbang di seluruh Kumpulan
- Penyelarasan Nilai-nilai MSM di seluruh Kumpulan
- Pelaksanaan Program Pembangunan Eksekutif

- Meningkatkan kepuasan kakitangan

- Servis Layan Diri Kakitangan (ESS) – portal Sumber Manusia (HR), e-tuntutan, e-penyata gaji de seluruh Kumpulan MSM
- Rumusan CA bagi tempoh 2015-2018 dengan anak-anak syarikat Kesatuan Pekerja

KEMAJUAN 2015

- Perjanjian Jual Beli Tanah dimuktamadkan pada 16 Mac 2015
- Menandatangani Kontrak EPC dengan Sharkara International (FZC) pada 26 Ogos 2015
- Memperoleh Lesen Perkilangan daripada MITI pada 21 Ogos 2015
- Memperoleh kelulusan Perbadanan Pelaburan Negeri Johor (JSIC) pada 7 September 2015
- Menandatangani perjanjian pembiayaan RM1.25 bilion projek Kilang Penapisan Gula Johor dengan CIMB Islamic Bank Bhd dan HSBC Amanah Bank Bhd pada 11 Disember 2015

- Pembelian sebuah unit pejabat di Jumeirah Lakes Towers (JLT) Dubai, United Arab Emirates
- Memperoleh Lesen Perdagangan pada Oktober 2015 melalui Pusat Pelbagai Komoditi Dubai
- Kelulusan daripada Pihak Berkuasa Indonesia telah diperolehi untuk persediaan pejabat perwakilan MSM International Trading DMCC di Jakarta, Indonesia
- Meneroka beberapa tawaran yang berpotensi dalam rangkaian operasi gula

- Keuntungan operasi yang lebih tinggi sebanyak RM 371.81 juta
- Mencapai 90 peratus daripada sasaran 88 peratus
- Usaha berterusan untuk meningkatkan keutamaan pelanggan melalui inisiatif penyelidikan kajian pasaran dan pembangunan produk

- Pegangan pasaran gula dalam negara meningkat kepada 65 peratus
- Mencapai peningkatan volum jualan sebanyak 5 peratus

- Mencapai pengurangan kos keseluruhan Syarikat sebanyak RM17 juta
- 80 peratus selesai
- 90 peratus selesai

- Selesai
- Selesai
- Selesai

- Melancarkan E-Tuntutan & E-Penyata gaji
- Selesai

KEUTAMAAN UNTUK 2016

- Memastikan kemajuan pembinaan kilang penapisan gula baru berada di landasan betul, kekal dalam bajet dan mematuhi keperluan yang ditetapkan

- Untuk menubuhkan pejabat perwakilan di pasaran utama yang disasarkan
- Pakatan Strategik pada aktiviti perdagangan dengan pemain perdagangan gula global yang bereputasi
- Melaksanakan sekurang-kurangnya satu Penggabungan & Pengambilalihan/Usaha Sama

- MSM Perlis – Mengganti dan menaik taraf peralatan proses
- MSM Perlis – Pemasangan peralatan cekap proses
- MSM Prai – Meningkatkan keupayaan kilang, kecekapan dan keberkesanan dengan penggunaan tenaga yang lebih rendah

- Mengekalkan pegangan pasaran gula dalam negara
- Pembungkusan Baru dan Perbezaan Produk
- Pelancaran produk baru

- Meneruskan inisiatif pengurangan kos
- Selesai 100 peratus
- Pensijilan SEDEX untuk MSM Perlis

- Pengurusan Pelatih & Program Biasiswa MSM
- Program Kepimpinan & Pembangunan Eksekutif
- Pelancaran nilai korporat di seluruh Kumpulan

- Kiosk HR-ESS di semua anak-anak syarikat
- Kaji selidik kepuasan kakitangan
- Program keseimbangan kerja dan kehidupan kakitangan

MODEL PERNIAGAAN

KEMASUKAN



KEWANGAN

Aset Bersih: RM2.04 bilion
 Deposit, Tunai dan Baki Bank: 1.24 bilion
 Hutang Semasa: RM419.54 juta



ASET

MSM Prai: 960,000 tan (kapasiti pengeluaran)
 MSM Perlis: 180,000 tan (kapasiti pengeluaran)



INSAN

Kakitangan: 1,205



SOSIAL DAN HUBUNGAN

Agensi Kerajaan, Komuniti dan Pengawal Selia (IRB, MIDA, KPDKK, MITI, MATRADE, Bursa, SC, Bank Negara, MOF, DOE,)




ASLI

Gula mentah: 880,000 tan (volum pembelian)

APA YANG KAMI LAKUKAN

Pembelian gula mentah yang merupakan bahan utama dalam pengeluaran gula bertapis



PENYUMBERAN GULA MENTAH

Penapisan gula mentah untuk menghasilkan gula bertapis



PENAPISAN GULA MENTAH

Pengendalian aspek penyimpanan dan logistik gula bertapis ke Pasaran



PENGURUSAN LOGISTIK

Menjual gula bertapis ke pasaran tempatan dan eksport



PASARAN

BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI

NILAI DICIPTA UNTUK PIHAK BERKEPENTINGAN

PENCIPTAAN NILAI DARI MASA KE SEMASA

PENGELUARAN



KEWANGAN

Pendapatan: RM2.31 bilion
Pendapatan Sesaham: RM39.16
Nisbah Pembayaran Dividen:
66.39 peratus
Pulangan ke atas Ekuiti
Pemegang Saham: 13.5 peratus



ASET (Pengeluaran)

MSM Prai: 854,202 tan
MSM Perlis: 179,317 tan



INSAN

Gaji: RM57.54 juta
Latihan: RM826,607
Peluang pekerjaan: 104



SOSIAL DAN HUBUNGAN

Cukai: RM91.832 juta
Zakat: RM5 juta



- » Mengurus pembelian gula mentah dengan cekap yang merupakan bahan mentah utama bagi pengeluaran gula bertapis
- » Mengoptimumkan aset pengeluaran (MSM Prai dan MSM Perlis) dalam mengeluarkan gula bertapis untuk dijual kepada pasaran
- » Pengurusan masyarakat, agensi-agensi kerajaan dan jangkakan pengawal selia melalui penglibatan dan program penyertaan berterusan daripada syarikat
- » Pengurusan tenaga kerja seramai 1,205 kakitangan
- » Pembinaan Kilang Penapisan Gula di Tanjung Langsat, Johor untuk pasaran domestik dan eksport yang akan membawa keuntungan tambahan, membolehkan MSM menguasai pasaran masa depan dan memenuhi permintaan dalam negara

- » Pemegang Saham – Keuntungan selepas cukai sebanyak RM275 juta dan pembayaran Dividen sebanyak RM182.78 juta
- » Aset Pengeluaran – Gabungan pengeluaran tahunan terkini sebanyak 1.25 juta tan metrik gula bertapis dari dua buah kilang penapisan
 - Menambah pengeluaran sebanyak 1 juta tan metrik gula bertapis setahun melalui projek pembinaan Kilang Penapisan Gula di Tanjung Langsat, Johor. MSM akan berupaya mengeluarkan gula bertapis sebanyak 2.25 juta tan metrik selepas ia mula beroperasi.
- » Kakitangan – 1,205 kakitangan yang secara tidak langsung memberi manfaat kepada ekonomi tempatan melalui jaminan pekerjaan dan perbelanjaan domestik. Jumlah kos kakitangan bagi TK2015 adalah RM79.28 juta
- » Kerajaan – Pembayaran zakat sebanyak RM5 juta
– Menyumbang cukai korporat sebanyak RM91.83 juta terus kepada kerajaan negeri dan persekutuan
- » Social – Derma dan tajaan RM1.36 juta pada tahun 2015 melalui aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat

PENCIPTAAN NILAI DARI MASA KE SEMASA


TINJAUAN GULA GLOBAL DAN TREND PASARAN

EMPERAN GULA DUNIA: PENGELUARAN DAN PENGGUNAAN




sumber: www.fas.usda.gov

LEBIHAN/DEFISIT IMBANGAN PENGELUARAN GULA GLOBAL BERBANDING HARGA GULA DUNIA




sumber: www.illovosugar.co

HARGA GULA MENTAH DUNIA (AS SEN/LB)



HARGA ISTIMEWA (FREE ON BOARD) (AS SEN/LB)



sumber: www.illovosugar.co

ULASAN KEWANGAN KUMPULAN



HASIL KEUNTUNGAN MSM TERUS MENINGKAT KEPADA RM2.31 BILION PADA TK2015 (TK2014: RM2.28 BILION), DISEBABKAN OLEH PENINGKATAN JUMLAH VOLUM JUALAN SEBANYAK 4.53 PERATUS KEPADA 1,034,088 TAN (TK2014: 989,290 TAN). KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI MENINGKAT 7.11 PERATUS KEPADA RM275 JUTA (TK2014: RM257 JUTA), MENANDAKAN PENINGKATAN MARGIN SEBANYAK 11.93 PERATUS (TK2014: 11.27 PERATUS).

Hasil MSM terus meningkat kepada RM2.31 bilion pada TK2015 (TK2014: RM2.28 bilion), disebabkan oleh peningkatan jumlah volum jualan sebanyak 4.53 peratus kepada 1,034,088 tan (TK2014: 989,290 tan). Keuntungan selepas cukai meningkat 7.11 peratus kepada RM275 juta (TK2014: RM257 juta), menandakan peningkatan margin sebanyak 11.93 peratus (TK2014: 11.27 peratus).

Prestasi kewangan kukuh ini membolehkan pembayaran dividen akhir sebanyak 14 sen sesaham yang bersamaan dengan RM98.42 juta dan akan dibayar pada 10 Jun 2016. Berasaskan tahun penuh, keseluruhan dividen Kumpulan berjumlah 26 sen sesaham. Ini diterjemahkan kepada jumlah pembayaran sebanyak RM182.78 juta dan nisbah pembayaran bersih sebanyak 66.39 peratus, meningkat daripada TK2014 sebanyak 65.65 peratus.

Sebahagian besar produk yang ditawarkan oleh kami dibentuk oleh pasaran Industri (45 peratus), diikuti oleh pasaran Domestik (38 peratus) dan pasaran Eksport (17 peratus). Berbanding dengan TK2014, komposisi permintaan menyebelahi kepada pasaran Industri manakala pasaran eksport perlu diterokai dengan lebih lanjut.

Anggaran pembelanjaan Kumpulan MSM berjumlah AS\$400 juta untuk tujuan perolehan gula mentah pada tahun 2015 di mana perlindungan nilai dilindungi pada kadar purata RM3.83 berbanding kadar purata pasaran yang lebih tinggi pada RM3.91. Hasilnya, Kumpulan telah berjaya mengurangkan impak penurunan Ringgit pada TK2015 dengan berkesan.

Dasar perdagangan dan perlindungan nilai yang kami gunakan untuk kaedah perolehan gula mentah digabung dengan bekalan dinamik dan permintaan yang baik dan strategi lain untuk berkembang ke luar negara seharusnya memacu pertumbuhan haluan eksport untuk tahun-tahun yang akan datang.

Ini juga dibantu dengan meningkatkan skala operasi pejabat perdagangan antarabangsa kami di Dubai. Syarikat baru ini akan menjadi pemacu untuk pengembangan dalam pasaran eksport, terutamanya oleh lokasinya yang strategik di antara negara-negara hemisfera timur dan barat.

Di pasaran tempatan, kami secara aktif memantau perkembangan pembinaan kilang penapisan kami di Johor yang dijangka siap pada akhir tahun 2017. Kapasiti pengeluaran gula bertapis akan meningkat kepada 2.25 juta tan metrik setahun berbanding 1.25 juta tan setahun berdasarkan kapasiti kini. Ini akan memastikan MSM berada di dalam kedudukan yang baik bagi memenuhi permintaan pasaran domestik dan antarabangsa, dan dengan itu meletakkan MSM sebagai Syarikat pengeluar gula bertapis yang terkemuka.

HASIL
RM2.31
B I L I O N

KEUNTUNGAN
SELEPAS CUKAI

RM275

J U T A

JUMLAH BAYARAN
DIVIDEN

RM182.78


J U T A

PENGELUARAN

1,033,519

T A N

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN



Nota:

1. Jumlah jualan adalah SELEPAS pelarasan penyatuan
2. Jumlah jualan tidak termasuk jualan molases

PRESTASI KEWANGAN SUKU TAHUN

2015

	Suku Pertama RM'000	Suku Kedua RM'000	Suku Ketiga RM'000	Suku Keempat RM'000
Perolehan	508,486	588,320	546,491	663,966
Keuntungan daripada operasi	88,508	104,840	86,805	91,659
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	90,325	105,515	84,521	91,767
Keuntungan milik pemegang ekuiti Syarikat	71,026	79,134	63,872	61,264
Pendapatan asas sesaham (sen)	10.10	11.26	9.09	8.71
Dividen satu peringkat sesaham (sen)	–	–	12.00	14.00


2014

	Suku Pertama RM'000	Suku Kedua RM'000	Suku Ketiga RM'000	Suku Keempat RM'000
Perolehan	498,261	595,426	559,735	628,071
Keuntungan daripada operasi	69,973	101,690	60,895	103,824
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	72,063	102,939	64,497	104,799
Keuntungan milik pemegang ekuiti Syarikat	56,332	77,755	47,962	74,964
Pendapatan asas sesaham (sen)	8.01	11.20	6.82	10.66
Dividen satu peringkat sesaham (sen)	–	–	10.00	14.00

PENYATA NILAI TAMBAH

	2015 RM'000	2014 RM'000
NILAI TAMBAH		
Hasil	2,307,263	2,281,493
Pembelian barangan dan perkhidmatan	(1,845,242)	(1,838,757)
Nilai tambah oleh Kumpulan	462,021	442,736
Pendapatan operasi yang lain	4,686	6,169
Lain-lain (kerugian)/keuntungan – (bersih)	25,769	(4,345)
Pendapatan kewangan	7,862	12,891
Kos kewangan	(7,546)	(3,719)
Nilai tambah yang boleh diagihkan	492,792	453,732
AGIHAN		
Kepada Kakitangan		
Kos pekerjaan	79,282	60,261
Kepada Kerajaan/Agensi-agensi yang Diluluskan		
Cukai dan Zakat	96,832	87,286
Kepada Para Pemegang Saham		
Dividen	182,775	168,715
Simpanan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa depan		
Susut nilai dan pelunasan	41,382	49,172
Keuntungan terkumpul	92,521	88,298
Jumlah agihan	492,792	453,732

ANALISIS SEGMENT



HASIL MSM 2015 (RM JUTA)

1,022 DOMESTIK



980 INDUSTRI



11 MOLASES



294 EKSPORT



HASIL MSM 2014 (RM JUTA)

1,213 DOMESTIK



735 INDUSTRI



11 MOLASES



322 EKSPORT




RINGKASAN 5 TAHUN KEWANGAN

	2015 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Hasil	2,307,263	2,281,493	2,202,480	2,301,319	2,299,554
Kos Jualan	(1,818,173)	(1,814,139)	(1,765,592)	(1,927,133)	(1,845,576)
Keuntungan Kasar	489,090	467,354	436,888	374,186	453,978
Lain-lain Pendapatan Operasi	4,686	6,169	11,270	3,498	742
Perbelanjaan Jualan Agihan	(71,914)	(75,402)	(57,886)	(53,608)	(54,312)
Perbelanjaan Pentadbiran	(70,734)	(53,122)	(42,738)	(43,529)	(38,421)
Perbelanjaan Operasi Lain	(5,085)	(5,527)	(252)	(3,254)	(355)
Lain-lain (Keuntungan)/Hasil – Bersih	25,769	(4,345)	1,501	3,544	(1,494)
Keuntungan Daripada Operasi	371,812	335,127	348,783	280,837	360,138
Pendapatan Kewangan	7,862	12,891	15,017	15,371	11,538
Kos Kewangan	(7,546)	(3,719)	(4,895)	(11,049)	(12,303)
Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai	372,128	344,299	358,905	285,159	359,373
Zakat	(5,000)	(4,500)	(17,481)	(16,580)	–
Cukai	(91,832)	(82,786)	(86,747)	(66,551)	(95,557)
Keuntungan bagi Tahun Kewangan	275,296	257,013	254,677	202,028	263,816

	2015	2014	2013	2012	2011
NISBAH KEWANGAN					
Pulangan atas Ekuiti Pemegang Saham	13.5%	13.2%	13.7%	11.6%	15.7%
Pulangan atas Aset Keseluruhan	10.1%	10.2%	11.7%	8.6%	12.5%
Nisbah Hutang Ekuiti	0.3	0.3	0.2	0.3	0.3
Lindungan Dividen	1.5	1.5	1.7	1.5	0.7

2,307,263

HASIL (RM'000)



489,090

KEUNTUNGAN KASAR (RM'000)



371,812

KEUNTUNGAN DARIPADA OPERASI (RM'000)



372,128

KEUNTUNGAN SEBELUM ZAKAT
DAN CUKAI (RM'000)




275,296

KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN (RM'000)




RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

JUMLAH ASET



■ HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN
■ LAIN-LAIN ASET
■ ASET BUKAN KETARA
■ BELUM TERIMA
■ INVENTORI






■ HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN
■ LAIN-LAIN ASET
■ ASET BUKAN KETARA
■ BELUM TERIMA
■ INVENTORI

Jenis Aset	Jumlah RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	660,615
Lain-lain aset	42,677
Aset bukan ketara	648,474
Belum terima	516,827
Inventori	729,910
Tunai dan setara tunai	123,902

Jenis Aset	Jumlah RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	473,975
Lain-lain aset	41,311
Aset bukan ketara	649,557
Belum terima	209,091
Inventori	674,270
Tunai dan setara tunai	469,999


JUMLAH LIABILITI



Jenis Liabiliti	Jumlah RM'000
Modal saham	351,490
Premium saham	366,765
Lain-lain rizab	694,307
Pendapatan tertahan	624,454
Liabiliti cukai tertunda	75,378
Pemiutang	188,492
Pinjaman daripada syarikat berkaitan	60,000
Pinjaman	359,537
Liabiliti cukai semasa	1,982

Jenis Liabiliti	Jumlah RM'000
Modal saham	351,490
Premium saham	366,765
Lain-lain rizab	694,307
Pendapatan tertahan	531,933
Liabiliti cukai tertunda	76,699
Pemiutang	242,470
Pinjaman	248,390
Liabiliti cukai semasa	6,149

PERHUBUNGAN PELABUR




LIPUTAN PENYELIDIKAN EKUITI

- 01 AFFIN HWANG INVESTMENT BANK
- 02 ALLIANCE DBS RESEARCH
- 03 AmRESEARCH
- 04 CIMB
- 05 MAYBANK IB RESEARCH
- 06 MIDF RESEARCH
- 07 M&A SECURITIES
- 08 RHB RESEARCH INSTITUTE

Perhubungan Pelaburan lagi di dalam mukasurat 103 hingga 105.

PRESTASI SAHAM



KALENDAR KEWANGAN

2015 DUA RIBU LIMA BELAS

11 FEBRUARI 2015

Pengumuman keputusan disatukan belum beraudit bagi Suku Tahun Keempat berakhir 31 Disember 2014

31 MAC 2015

Pengumuman Akaun Beraudit Tahunan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014

11 MEI 2015

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Keempat

Notis Kelayakan Dividen untuk dividen akhir satu peringkat sebanyak 14 sen sesaham biasa bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014

Penerbitan Laporan Tahunan 2014

26 MEI 2015

Pengumuman keputusan belum beraudit bagi Suku Tahun Pertama berakhir 30 Mac 2015

2 JUN 2015

Mesyuarat Agung Tahunan Keempat

2 JULAI 2015

Pembayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak 14 sen sesaham biasa bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014

19 OGOS 2015

Pengumuman keputusan belum beraudit bagi Suku Tahun Kedua berakhir 30 Jun 2015

25 NOVEMBER 2015

Pengumuman keputusan belum beraudit bagi Suku Tahun Ketiga berakhir 30 September 2015

Notis Kelayakan Dividen untuk dividen interim satu peringkat sebanyak 12 sen sesaham biasa bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2015

29 DISEMBER 2015

Pembayaran dividen interim satu peringkat sebanyak 12 sen sesaham biasa bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2015

2016 DUA RIBU ENAM BELAS

23 FEBRUARI 2016

Pengumuman keputusan disatukan belum beraudit bagi Suku Tahun Keempat berakhir 31 Disember 2015

30 MAC 2016

Pengumuman Akaun Beraudit Tahunan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2015

18 APRIL 2016

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelima

Notis Kelayakan Dividen untuk dividen akhir satu peringkat sebanyak 14 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

Penerbitan Laporan Tahunan 2015

10 MEI 2016

Mesyuarat Agung Tahunan Kelima

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



01

02

03

01 EXCELLENCE IN MANUFACTURING SECTOR
 Dianugerahkan oleh: Global Leadership Awards 2015

02 BEST BRAND IN SUGAR MANUFACTURING
 Dianugerahkan oleh: Global Branding Awards 2015

03 SUPER BRAND – BEST BRAND IN REFINED SUGAR PRODUCER
 Dianugerahkan oleh: 5th Asia Success Awards 2015



04

05

04

BEST MANUFACTURING SECTOR

Dianugerahkan oleh: 6th Middle East Business Leadership Awards 2015


05

MERIT IN NACRA 2015

Dianugerahkan oleh: The National Annual Corporate Reports Awards (NACRA)

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

PENSIJILAN



HACCP

HALAL



OHSAS

MS1722:2011

- **Pensijilan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP)** oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
- **Pensijilan HALAL** oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Pensijilan bagi mengesahkan pematuhan kami terhadap proses pembuatan makanan yang ketat
- **OHSAS 18001: 2007**
Pensijilan oleh SIRIM QAS kerana mematuhi Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
- **MS1722: 2011**
Pensijilan oleh *The International Certification Network* kerana mematuhi Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan



KOSHER

FOOD SAFETY



ISO 9001

- Pensijilan Kosher oleh *London Beth Din Certified Company*
- Pensijilan Sistem Keselamatan Makanan 22000: 2010
Pensijilan oleh SGS Malaysia kerana mematuhi Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan

- ISO 9001: 2008
Pensijilan oleh SIRIM QAS dan *The International Certification Network* kerana mematuhi Sistem Pengurusan Kualiti dalam:
 - Pembelian gula mentah
 - Perkhidmatan pemasaran bagi jualan eksport dan domestik
 - Penerimaan dan penggudangan gula bertapis
 - Pembekalan gula bertapis kepada pelanggan
 - Pengeluar gula bertapis dan produk-produk berkaitan

KALENDAR PERISTIWA PENTING

KORPORAT

01 Lawatan Delegasi Pakistan, MSM, Menara Felda, Kuala Lumpur

8 JANUARI 2015



02 Persidangan Gula Kingsman Dubai ke-11, Grand Hyatt, Dubai

**31 JANUARI –
3 FEBRUARI 2015**



03 Latihan Forum Bantuan Bencana Serantau ASEAN 2015, MSM Perlis

26-28 MEI 2015



04 Mesyuarat Agung Tahunan ke-4 MSM, Menara Felda, Kuala Lumpur

2 JUN 2015



05 Pameran Perdagangan Makanan dan Minuman Malaysia, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur

11-13 JUN 2015



06 Persidangan Gula Antarabangsa Asia ke-21, Resort Laguna dan Spa Bali, Indonesia

**18-20
OGOS 2015**



- 07** Menandatangani Perjanjian, Reka Bentuk, Pemerolehan dan Pembinaan Kejuruteraan di antara MSM dan Sharkara International, Menara Felda, Kuala Lumpur

28 OGOS 2015



- 08** Menandatangani perjanjian pembaharuan kolektif antara Kesatuan dan Kumpulan MSM, Hotel GTower, Kuala Lumpur

4 SEPTEMBER 2015



- 09** Persidangan Gula Kingsman India ke-6, Hyatt Regency, New Delhi

28 SEPTEMBER 2015



- 10** GTR Asia – Persidangan Kewangan Eksport dan Perdagangan Malaysia 2015, Mandarin Oriental, Kuala Lumpur City Centre (KLCC)

27 OKTOBER 2015



Kesan daripada pelaburan terhadap kakitangan ini mempunyai dua matlamat iaitu: kakitangan dilatih untuk mengambil tanggungjawab yang lebih besar dalam organisasi. Selain membantu memberi motivasi kepada kakitangan lain serta lebih bertanggungjawab terhadap tugas mereka ia juga membantu keupayaan syarikat untuk mencapai perancangan penggantian bagi jawatan-jawatan kritikal di dalam syarikat.

Selain daripada menumpukan kepada tenaga kerja yang sedia ada, kami juga sangat aktif dalam mencari tenaga pekerja mahir melalui amalan pengambilan pekerja yang selaras dengan keperluan industri dan juga pasaran tenaga kerja.

Sebagai pengiktirafan kepada keupayaan mahasiswa di masa hadapan, kami mewujudkan kerjasama di antara universiti-universiti, kolej tempatan dan serantau untuk meningkatkan kesedaran kepada mahasiswa tentang potensi daya saing MSM dan juga program latihan teknikal yang ditawarkan. Kami juga menumpukan lebih banyak sumber pengurusan di dalam latihan teknikal di mana para pelatih akan lebih terdedah kepada kerja-kerja praktikal dengan tujuan untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan di dalam bidang kepakaran yang mereka pilih. Pengalaman yang berharga ini ditambah dengan hubungan baik yang dibina semasa menjalani latihan akan meningkatkan prospek MSM sebagai majikan pilihan yang utama di kalangan pelatih dan industri.

Begitu juga dengan bidang program pelatih pengurusan dan program biasiswa yang sedang dilengkapkan adalah untuk memastikan graduan baru yang berjaya memasuki program ini bukan sahaja mendapat pendedahan yang menyeluruh mengenai operasi syarikat tetapi juga dapat membina kerjaya yang berkekal dengan kami.

Di MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), kami berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa terdapat perkara yang lebih penting kepada institusi korporat daripada semata-mata untuk mendapatkan keuntungan dan memaksimumkan nilai pemegang saham dalam setiap tempoh pelaporan. Malah, sejak penubuhannya, MSM proaktif memulakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk meningkatkan kebajikan masyarakat di mana kami beroperasi.



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SEDIKIT KEMANISAN NIKMAT BERPANJANGAN

Kami berbangga dengan pendirian proaktif kami yang teliti menggabungkan CSR ke dalam operasi perniagaan teras kami, kerana kami percaya bahawa strategi perniagaan dan kemampanan perniagaan saling memerlukan, iaitu pertumbuhan berterusan hanya akan berlaku apabila pemegang kepentingan berkembang maju bersama-sama dengan kami.

Dengan ini, kami telah mencipta beberapa teras untuk memastikan fokus yang tepat dan pelaksanaan berkesan mengenai inisiatif CSR kami, iaitu. menjaga masyarakat, penglibatan pekerja, pengurusan pasaran, dan peningkatan alam sekitar.

DI BAWAH PROGRAM IBADAH KORBAN KAMI DI PERLIS, MSM TELAH MENYUMBANG LIMA EKOR LEMBU SEMPENA HARI RAYA HAJI. INDIVIDU YANG KURANG BERNASIB BAIK, IAITU FAKIR MISKIN, IBU TUNGGAL, WARGA EMAS, SERTA ANAK-ANAK YATIM, MENDAPAT MANFAAT DARIPADA SUMBANGAN INI.

MENJAGA MASYARAKAT

Meraikan Perayaan Bersama-sama

Majlis-majlis perayaan adalah saat-saat yang sangat sesuai bagi MSM untuk menyalurkan sumbangan kewangan dan bahan untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik.

Dalam TK2015, kami telah menganjurkan beberapa projek komuniti sempena bulan Ramadhan yang mulia termasuk majlis memasak bubur lambuk dan berbuka puasa bersama keluarga yang kurang bernasib baik di kawasan kami beroperasi.

Di bawah Program Korban Ibadah kami di Perlis, MSM telah menyumbangkan lima ekor lembu sebagai sebahagian daripada aktiviti Hari Raya Haji. Individu yang kurang bernasib baik, fakir miskin, ibu tunggal, warga emas, serta anak-anak yatim, mendapat manfaat daripada sumbangan ini.

Sempena sambutan Maulidur Rasul, MSM telah menaja 10,000 naskhah akhbar Utusan Malaysia untuk diedarkan kepada orang ramai semasa sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri, di MAEPS, Serdang.

Menggalakkan Kecemerlangan Pendidikan

MSM percaya bahawa mempromosikan peluang-peluang pendidikan yang berkualiti adalah kunci kepada pembangunan kebajikan masyarakat yang mampan. Kepercayaan ini bermula sejak tahun 1973, apabila MSM (dahulunya dikenali sebagai Malayan Sugar Manufacturing) memperuntukkan RM600,000 untuk menubuhkan Kerusi MSM dalam Perindustrian Kimia di Fakulti Teknologi Perindustrian di Universiti Sains Malaysia (USM).

Pada TK2015, inisiatif ini telah dijenamakan semula sebagai Dana Biasiswa MSM dengan objektif menyumbang ke arah penyelidikan dan inovasi saintifik di Malaysia. Ini dapat dicapai melalui pelaksanaan penyelidikan saintifik berasaskan industri dengan unsur-unsur inovasi untuk faedah awam dan pertumbuhan ekonomi.

Dana Biasiswa MSM, menyalurkan RM250,000 pada setiap tahun untuk USM, dikhaskan untuk individu cemerlang dan berkeelayakan yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana berasaskan penyelidikan dalam mana-mana subjek yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Teknologi Industri, USM. Kuantum biasiswa adalah RM30,000 setahun selama dua tahun meliputi yuran pengajian, gaji atau elaun, serta perbelanjaan penyelidikan.

Bagi TK2015, tema penyelidikan ialah "Inovasi Teknologi Hijau: Laluan utama untuk merevolusikan dunia teknologi" telah diterima pakai dalam mencerminkan kepercayaan fakulti bahawa inovasi teknologi hijau akan memberikan manfaat yang besar kepada penduduk umum dan ekonomi untuk jangka masa panjang. Empat calon lepasan ijazah telah dianugerahkan biasiswa dalam tahun ini.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SEDIKIT KEMANISAN NIKMAT BERPANJANGAN

MSM turut menaja RM3,000 bagi menyokong Pameran Teknologi Kejuruteraan 2015 (Engitex 2015), yang menyaksikan pelbagai syarikat kejuruteraan tersohor, profesional terkenal dan pendidik dari seluruh negara hadir bersama-sama untuk menarik perhatian pelajar kejuruteraan tentang kepentingan inovasi.

Bagi mempromosikan permainan catur di kalangan pelajar muda, MSM telah menganjurkan *7th Gula Perlis Open Chess Challenge* di Perlis, di mana yuran penyertaan yang dikutip dari peserta berjumlah lebih RM4,000 telah disumbangkan kepada kontinjen catur Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perlis bagi mereka menyertai pertandingan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia. Diadakan setiap tahun sempena Hari Keputeraan DYMM Raja Perlis, lebih daripada 360 peserta dari negeri-negeri di Malaysia mengambil bahagian dalam pertandingan tahun ini.

RM4,000

YURAN PENYERTAAN YANG DIKUTIP DARI 7TH GULA PERLIS OPEN CHESS CHALLENGE TELAH DISUMBANGKAN KEPADA MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH PERLIS

Memenuhi Kewajiban Negara

Bagi tahun di bawah kajian, sebanyak RM5 juta telah diagihkan oleh MSM sebagai menunaikan kewajipan zakat yang telah dibuat kepada pihak berkuasa berkaitan di mana MSM beroperasi iaitu di Perlis, Prai dan Wilayah Persekutuan.

Bagi mempromosikan kunjungan ke Zoo Negara sempena ulang tahun ke-9 pasangan panda Liang Liang dan Xing Xing, MSM telah menaja 450 kg gula kastor bagi tujuan membuat kek berbentuk panda oleh Fakulti Hospitaliti dan Pengurusan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pencapaian ini memperoleh catatan dalam *Malaysia Book of Records* sebagai replika kek panda terbesar di negara ini.

MSM juga telah menaja RM3,000 bagi menyokong usaha khidmat masyarakat di Kemboja yang dijalankan oleh Fakulti Sains Kesihatan Antarabangsa UiTM Puncak Alam. Inisiatif-inisiatif ini membantu meningkatkan kedudukan Malaysia di mata dunia.

Sokongan Gaya Hidup Sihat

MSM amat sedar tentang kepentingan amalan gaya hidup sihat dalam membina komuniti yang sihat.

MSM telah menaja RM6,000 untuk larian Marathon Perlis 2015 yang diadakan pada 31 Mei 2015, acara larian julung kali diadakan anjuran bersama kerajaan negeri Perlis dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara. Marathon ini adalah yang kedua terbesar dalam negara selepas Marathon Sarawak.

Mempromosikan sukan rali di kalangan belia, MSM telah membuka kemudahan Chuping sebagai tuan rumah *Automobile Association of Malaysia (AAM) Malaysian Rally Championship 2015* selama dua hari pada 4 dan 5 April 2015. Kejohanan yang dipertandingkan sebanyak lebih dari 15 peringkat meliputi 130 kilometer, menyaksikan penyertaan hampir 20 kereta rali berkuasa tinggi.



RM250,000

DANA BIASISWA MSM

Mempunyai persekitaran yang bersih adalah pra-syarat untuk hidup sihat. Setiap dua minggu, lima kakitangan daripada MSM Prai terlibat sama dalam program komuniti Taman Tunku di Butterworth dengan menyumbangkan masa dan tenaga secara sukarela untuk memperindah taman awam tersebut. Usaha sama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai ini bermula pada 2013 berikutan MSM Prai mengiktiraf nilai rekreasi ruang awam yang ditawarkan kepada komuniti sekitarnya.

Pada tahun 2015, kakitangan MSM Prai telah mencatatkan hampir 2,000 jam melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan am di taman ini, seperti memotong rumput dan kerja pembersihan. Di samping itu, MSM Prai turut menyediakan 10 unit tong sampah yang ditempatkan di kawasan strategik sekitar Taman Tunku untuk menggalakkan penjagaan kebersihan di kawasan taman ini.

Menghulur Tangan Dalam Bantuan Bencana

Sebagai warga korporat yang prihatin dengan kebajikan sosial dekat di hati kami, kami menyatakan simpati yang tidak terhingga kepada komuniti yang terjejas akibat bencana alam di seluruh negara.

Pada TK2015, MSM telah menyumbang RM300,000 kepada Tabung Derma Banjir yang ditadbir oleh syarikat induk kami, Felda Global Ventures, bagi membantu mangsa-mangsa banjir besar di beberapa negeri. Di samping itu, MSM turut menyalurkan hampir RM20,000 bantuan wang tunai kepada mangsa banjir di lokasi seperti Parit, Temerloh, dan pelbagai penempatan lain di Pantai Timur.

MSM AMAT SEDAR TENTANG KEPENTINGAN AMALAN GAYA HIDUP SIHAT DALAM MEMBINA KOMUNITI SIHAT.



Untuk terus meningkatkan keberkesanan inisiatif bantuan bencana di masa hadapan di kedua-dua peringkat serantau dan domestik, kilang MSM Perlis telah digunakan sebagai salah satu tempat untuk latihan lapangan bagi *ASEAN Regional Forum Disaster Relief Exercise 2015* yang disertai oleh peserta dari 27 negara ahli *ASEAN Regional Forum* dan institusi yang ditubuhkan dalam negara ahli. Forum ini, dipengerusikan bersama oleh Malaysia dan China dengan lebih

daripada 2,500 orang yang hadir, telah mengadakan ujian usaha koordinasi ketenteraan sivil, mencipta sinergi dan usaha penyelarasan bantuan ke arah menyokong keberkesanan pelaksanaan Perjanjian ASEAN mengenai Pengurusan Bencana dan Tindak Balas Kecemasan sebagai landasan umum untuk pengurusan bencana di rantau ini.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SEDIKIT KEMANISAN NIKMAT BERPANJANGAN

PENGLIBATAN KAKITANGAN 2015

Keseimbangan Yang Sihat

MSM percaya bahawa kehidupan yang produktif tidak hanya tertumpu kepada tugas dan tiada masa senggang. Sesungguhnya, kami amat menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif dengan mempromosikan aktiviti sukan dan keseimbangan kerja serta kehidupan untuk kakitangan di setiap peringkat Syarikat.

Jadual di bawah merangkumi aktiviti sukan yang sering dianjurkan oleh kakitangan kami di pusat-pusat operasi kami.

- **13 MAC**
MENYERTAI PERTANDINGAN BOLING 2015, FELDA, WILAYAH ALOR SETAR
- **28 MAC**
PERLAWANAN PERSAHABATAN ANTARA KELAB SUKAN GULA PERLIS DAN PERSATUAN LEMBAGA KEBAJIKAN PELADANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
- **11-18 APRIL**
MENYERTAI LIGA BOLA SEPAK FELDA ALOR SETAR, PIALA PENGURUS BESAR WILAYAH
- **22 MEI**
KEJOHANAN BOLING MSM PERLIS, PUSAT BOLING KANGAR
- **9 JUN**
KEJOHANAN FUTSAL ANJURAN MSM PRAI
- **8 JULAI**
PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK, BERSEMPENA PROGRAM RAMADHAN
- **4 OKTOBER**
PERTANDINGAN MEMANCING MSM PERLIS, BASYIR AYER HITAM, KEDAH
- **10 OKTOBER**
MENYERTAI 2015 *CYCLING SIPMA TOUR* DI KOMPLEKS SUKAN TUANKU SYED PUTRA, KANGAR, ANJURAN JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERLIS
- **10 OKTOBER**
PROGRAM SENAMROBIK MSM PERLIS SEMPENA HARI SUKAN KEBANGSAAN TAMAN MAS MANIS, PERUMAHAN MSM PERLIS
- **27 OKTOBER**
KEJOHANAN BADMINTON 2015 ANJURAN MSM PRAI
- **14 NOVEMBER**
MENYERTAI KEJOHANAN BOLING OPERASI PERDAGANGAN ANJURAN BANK ISLAM DI SUNGAI PETANI, KEDAH

Memudahkan Komunikasi Dalaman

Kami telah menyediakan kemudahan intranet untuk kakitangan bagi memudahkan komunikasi berkesan antara kakitangan Kumpulan MSM. Intranet ini meliputi ciri-ciri yang berguna seperti mesej segera, halaman profil pekerja individu dan platform untuk berita dan pertukaran maklumat.

Sesungguhnya, MSM percaya bahawa selain sekatan maklumat sensitif, adalah penting untuk komunikasi menjadi terbuka dan dua hala, untuk menghapuskan pembentukan mentaliti "silo" yang akan mengurangkan produktiviti di kalangan kakitangan. Dalam hal ini, kami juga mengadakan sesi *Townhall* untuk menggalakkan kakitangan di semua peringkat Syarikat untuk memaklumkan tentang kebimbangan dan isu-isu mereka kepada pihak pengurusan kanan, yang kemudian akan mempertimbangkan perkara-perkara ini dan seterusnya menyelesaikannya.

Ke arah Proses yang lebih hijau

Pada permulaan TK2016, bahagian sumber manusia telah memperkenalkan sistem atas talian layan diri kakitangan yang menyediakan kakitangan akses lebih mudah kepada slip gaji mereka, serta permohonan untuk tuntutan dan cuti. Rancangan sedang diatur untuk meletakkan kiosk di kilang-kilang kami untuk membolehkan kakitangan di pusat-pusat operasi kami mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini.

Pendigitalan urusan ini tidak hanya menjadikan ianya lebih mudah untuk kakitangan melaksanakan urusan-urusan tersebut, tetapi juga sebahagian dari inisiatif pro-alam sekitar untuk mengurangkan kesan karbon kami melalui pemansuhan percetakan dan kos sampingan untuk kertas, toner/dakwat dan elektrik.

Induksi Pekerja Baru

Di MSM, kami percaya bahawa adalah penting bagi semua kakitangan untuk suka terhadap tugas mereka, kerana dengan itu barulah mereka boleh melakukan yang terbaik. Pengenalan budaya kekeluargaan dan prihatin di tempat kerja diperkenalkan bagi membantu kakitangan merasa dihargai dan bersepadu dengan Syarikat.

Program induksi untuk kakitangan baru kami ini mempunyai maksud yang sama. Semua ketua jabatan akan meluangkan masa dengan kakitangan baru mereka, memberi taklimat kepada mereka mengenai peranan dan tanggungjawab jabatan masing-masing. Interaksi tidak terhenti di situ – kakitangan baru juga dijadualkan masa mereka bersama kakitangan pengurusan kanan dan lain-lain pasukan sokongan penting untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Syarikat, dasar dan prosedur, serta aspirasi untuk pertumbuhan berterusan.



PENGURUSAN PASARAN

Reputasi MSM sebagai peneraju industri pengeluaran gula yang bertanggungjawab adalah sesuatu yang sangat kami hargai. Sesungguhnya, ia adalah amat memuaskan apabila individu atau organisasi yang berurusan dengan MSM, mereka boleh yakin bahawa mereka berurusan dengan entiti yang terdiri dari individu yang mengutamakan pengurusan pihak berkepentingan luaran yang bertanggungjawab dalam semua aspek kami, sama ada perkongsian pengetahuan dengan ahli-ahli industri, pengurusan pembekal, atau penglibatan dengan pelanggan.

Pelbagai anugerah dan pengiktirafan industri yang kami menangi selama ini, serta penyelenggaraan berprestij Pensijilan Pengurusan Kualiti kami Sistem ISO 9001: 2008, mengukuhkan tekad kami dan komitmen kami yang tidak berbelah bahagi kepada pengurusan yang teliti terhadap interaksi luaran kami yang akan membantu meluaskan kehadiran kami di arena global dan menyertai barisan pemain gula terkemuka di dunia pada tahun 2020.

Perkongsian Pengetahuan Dengan Ahli Industri

Pada TK2015, MSM telah terlibat secara aktif dalam aktiviti yang berkaitan dengan industri gula dan ekonomi yang lebih luas, dengan peranan sebagai peserta dan penaja kepada penceramah dan ahli panel untuk perbincangan topik panel. Acara tersebut termasuk:

- Persidangan Teknologi Industri Gula 2015 di Jepun;
- Persidangan Gula Antarabangsa Asia ke-21 di Indonesia;
- Persidangan Gula Tahunan Kingsman ke-6 di India;
- Persidangan Gula Tahunan Kingsman ke-11 di Dubai;
- GTR Asia – Persidangan Dagangan & Eksport Kewangan Malaysia 2015; dan
- *The Marketplace Fair @ Bursa* di Malaysia.

Pengurusan Pembekal

Kod Tatalaku Pembekal kami telah dibangunkan ke tahap yang memastikan semua pembekal kami mematuhi standard etika MSM yang tinggi dan mematuhi semua undang-undang tempatan negara yang berkenaan.

Dengan adanya Kod Tatalaku ini, pihak berkepentingan yakin bahawa semua pembekal dan kontraktor kami diperlukan untuk melaksanakan peranan mereka dengan penuh tanggungjawab tanpa ragu-ragu, dengan perbuatan rasuah atau kelakuan yang tidak bertanggungjawab lain adalah dilarang sama sekali. Selain menyediakan ruang kerja yang selamat untuk kakitangan mereka, Kod Tatalaku kami memerlukan layanan yang saksama daripada tenaga kerja mereka tanpa sebarang ketidakadilan dan amalan diskriminasi.

MSM memastikan pematuhan pembekal dengan Kod Tatalaku Pembekal kami melalui taklimat bersama pembekal dan kontraktor mengenai keperluan kilang kami, termasuklah keperluan alam sekitar.



ISO 9001:2008
PENSIJILAN PENGURUSAN KUALITI

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SEDIKIT KEMANISAN NIKMAT BERPANJANGAN

Penglibatan Pelanggan

Pelanggan mewakili tunggak penting bagi mana-mana usaha berterusan, dan MSM mengiktiraf nilai bahawa perkhidmatan pelanggan yang sangat baik boleh menghasilkan bukan hanya keuntungan kami, tetapi juga untuk kebajikan dan kepuasan pelanggan.

Di MSM, kami bangga dalam langkah-langkah yang telah kami laksanakan untuk menyediakan sokongan profesional, tepat pada masanya dan mesra. Kakitangan perkhidmatan pelanggan kami sedia menerima panggilan dari pelanggan melalui talian Hotline Pelanggan kami 1300-22-5252, dengan platform perkhidmatan yang dilengkapi dengan pasukan berdedikasi yang sentiasa bersedia untuk melaksanakan lawatan ke premis pelanggan sekiranya diperlukan.

Kualiti Produk

Selaras dengan ikrar MSM untuk memberikan hanya produk yang terbaik kepada pelanggan-pelanggan kami, kami secara aktif mengambil langkah-langkah untuk mengukuh dan meningkatkan kualiti produk kami – yang merupakan aset tidak ketara yang kami perolehi setelah pelancaran produk utama kami, Gula Prai, lebih daripada setengah abad yang lalu. Sistem dan proses di kilang penapisan MSM Prai dan MSM Perlis sentiasa dipantau untuk pengeluaran berkualiti tinggi yang konsisten.

Sesungguhnya, ia memberikan kami kepuasan apabila mempunyai produk yang bukan sahaja menepati Pensijilan Sistem Keselamatan Makanan ISO 22000: 2005 dan Pensijilan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, tetapi juga keperluan ketat Prinsip Panduan Pembekal. Tambahan pula, pada tahun 2014, MSM telah menerima Kod Hijau daripada syarikat-syarikat peneraju Makanan & Minuman

(F&B) di Malaysia yang membuktikan pematuhan kami terhadap amalan piawaian etika buruh.

Pensijilan tersebut adalah tambahan kepada pengiktirafan MSM yang diberikan bagi mematuhi piawaian halal global dan kosher (produk MSM adalah halal, yang diperakui di bawah MS 1500: 2009 dan kosher yang disahkan oleh Bahagian Kashrut London Beth Din untuk MS 1722: 2011), serta piawaian kesihatan dan keselamatan yang ditetapkan oleh Perkhidmatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSAS 18001) dan Sistem Pengurusan Kesihatan Pekerjaan dan Keselamatan Malaysia (MS 1722).

Sememangnya, maklumat seperti pensijilan ini dipaparkan dengan jelas pada pembungkusan produk kami dan juga laman web untuk tujuan pengenalan dan rujukan.



PADA TAHUN 2014, MSM TELAH MENERIMA KOD HIJAU DARIPADA SYARIKAT-SYARIKAT PENERAJU MAKANAN & MINUMAN (F&B) DI MALAYSIA YANG MEMBUKTIKAN PEMATUHAN KAMI TERHADAP AMALAN PIAWAIAN ETIKA BURUH.

KAMI TELAH MENGURANGKAN PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN 2015 KAMI SEBANYAK 22 PERATUS DARIPADA TK2014 UNTUK MENGURANGKAN KOS CETAKAN DAN KERTAS

PENINGKATAN ALAM SEKITAR

Sebagai pengeluar yang bertanggungjawab, MSM sentiasa menyedari kesan alam sekitar daripada operasi kami, dan sentiasa mencari peluang untuk menggalakkan gaya hidup sihat dengan mengurangkan kesan karbon dan mengurangkan pembaziran sumber semula jadi yang berharga.

MSM telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Alam Sekitar Komprehensif (EMS) yang menyediakan garis panduan yang jelas untuk operasi yang bertanggungjawab di seluruh rantaian nilai kami, dari kilang penapisan kami di Prai dan Perlis, hingga ke amalan harian di gudang dan Ibu Pejabat kami. Dengan EMS ini, kami sentiasa memantau parameter berikut: pencemaran/pelepasan dan juga penggunaan air serta tenaga.

Sistem penapisan-nano rawatan sisa cangkah kami membolehkan kami memproses pelepasan yang dihasilkan oleh *Ion Exchange Resin (IER)* kami. Garam yang terhasil boleh digunakan semula untuk penjaan semula resin, manakala baki selebihnya ditapis dan dibersihkan sebelum dilepaskan.

Untuk mengurus penggunaan tenaga dan gas asli kami, kami telah mencipta satu sistem yang inovatif yang menggabungkan fungsi penyejat kami *Mechanical Vapour Re-Compressor (MVR)* dan *Vertical Crystallization Tower (VKT)*. Sistem ini secara mendadak mengurangkan jumlah stim yang diperlukan untuk proses pendidihan gula.

Gas asli, bahan pembakaran fosil paling bersih sedia ada, digunakan di kedua-dua kilang penapis kami untuk mengurangkan pengeluaran jelaga dengan ketara dan pelepasan sulfur daripada serombong dandang, manakala pasukan pengangkutan dan logistik kami bersungguh-sungguh memastikan semua kenderaan kami

adalah selamat dan layak dipandu dengan enjin di tahap optimum bagi penjimatan bahan api yang maksimum.

Bergantung kepada beban yang akan diangkut, kami berusaha untuk memaksimumkan penggunaan gerabak kereta api disebabkan kecekapan kos dan tenaga berbanding pengangkutan melalui trak. Dalam TK2015, kami telah meningkatkan bilangan kotak pukal untuk penghantaran pantas dan cekap ke kemudahan gudang kami di Sungai Buloh.

MSM juga menjana kira-kira separuh daripada keperluan tenaga sendiri menggunakan turbin tekanan belakang, dengan wap ekzos disalurkan kepada proses untuk pemanasan. Selain itu, sebahagian daripada gas serombong dandang kami dengan kandungan karbon dioksida 8-10 peratus digunakan dalam proses karbonisasi.

Pemasangan pan vakum berstruktur sarang lebah di MSM Perlis telah membawa kepada pengurangan dalam penggunaan wap, membolehkan MSM Perlis untuk mencapai 20 peratus penjimatan kos tenaga tahunan. Kami juga mengitar semula proses pemeluwapan kami untuk pengeluaran wap dandang. Selain itu, MSM Perlis menggunakan minyak pelincir yang dikitar semula sebagai minyak untuk garisan padang di sekolah-sekolah di Perlis. Garisan trek di atas rumput tersebut akan memudahkan aktiviti sukan sekolah.

Dalam TK2015 juga, kami telah menukar lampu neon kami kepada unit lampu yang terdiri daripada diod pemancar cahaya (LED) yang terang, tahan lama, dan cekap tenaga. Ini dilakukan di kedua-dua kilang penapisan kami dan Ibu Pejabat, dengan pencahayaan yang diaktifkan oleh sensor untuk penjimatan tenaga.

MSM juga menggalakkan penggunaan sistem tanpa kertas untuk dokumentasi terpilih bagi mengurangkan percetakan dan kos sampingan untuk kertas, dakwat/toner, dan elektrik.

Sejajar dengan teras ini untuk mengurangkan cetakan, jumlah mukasurat Laporan Tahunan 2015 kami telah dikurangkan sebanyak 22 peratus daripada laporan tahun lepas. Tambahan pula, kami telah memuat naik laporan terdahulu ke laman web kami (www.msmsugar.com) dan telah diagihkan bersama-sama dengan laporan ringkas kami versi PDF dalam format CD untuk mudah, tontonan tanpa kertas.

Untuk mengurangkan pelepasan berkaitan pengangkutan, kami kerap menggalakkan pelanggan, pembekal, dan kakitangan untuk menggunakan kemudahan telepersidangan bagi mengurangkan perjalanan. Kakitangan juga digalakkan untuk berkongsi kereta apabila ke Ibu Pejabat untuk mesyuarat dan fungsi lain.

Tumpuan berterusan MSM terhadap kecekapan dan kemampuan telah menyebabkan penurunan yang ketara dalam penggunaan sumber seperti bahan api, elektrik, dan air. Hasil kos operasi bukan sahaja lebih rendah, tetapi juga mengurangkan sisa dan pencemaran. Pendirian pro-alam sekitar kami telah mendapat perhatian pihak berkepentingan kami selama ini. Yang jelas, dalam TK2015, MSM Perlis telah dikunjungi oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebanyak tiga kali: 21 April, 24 Jun dan 12 November. MSM Prai juga menjadi tuan rumah kepada JAS pada 23 Ogos dan 6 Oktober.

LEMBAGA



**YB TAN SRI HAJI MOHD
ISA DATO' HAJI ABDUL
SAMAD**

01

**DATO' SHEIKH AWAB
SHEIKH ABOD**

08

**DATO' ZAINAL
HAJI ISMAIL**

02

**YB DATUK NOOR
EHSANUDDIN MOHD
HARUN NARRASHID**

04

**DATO' ROSINI
ABD SAMAD**

06

PENGARAH



DATUK LIM THEAN
SHIANG

05

DATO' HAJJAH ROSNI
HAJI ZAHARI

03

DATO' MOHD EMIR
MAVANI ABDULLAH

07

DATUK HANAPI
SUHADA

09

DATO' ZAKARIA
ARSHAD

10

PROFIL PARA PENGARAH

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD

PENGERUSI, PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
(Warga Malaysia, umur 66)

01

Dilantik pada:
25 Mac 2011

Keahlian Jawatankuasa:
Tiada

Kelayakan:
Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya

Pengalaman:
Beliau pernah memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO Teluk Kemang, Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Linggi dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri bagi Negeri Sembilan, mantan Ketua Menteri Negeri Sembilan, mantan Menteri Wilayah Persekutuan dan mantan Naib Presiden UMNO. Terkini beliau adalah Ahli Parlimen Jempol, Negeri Sembilan dan Ketua UMNO Teluk Kemang.

Pengarah syarikat awam:
Federal Land Development Authority (FELDA), Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), Felda Holdings Bhd (FHB), Pontian United Plantations Berhad dan Encorp Berhad.

DATO' ZAINAL HAJI ISMAIL

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
(Warga Malaysia, umur 72)

02

Dilantik pada:
25 Mac 2011

Keahlian Jawatankuasa:
Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran – Pengerusi
Jawatankuasa Audit – Ahli
Jawatankuasa Pelaburan – Ahli

Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Universiti Malaya
- Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Malaya

Pengalaman:
Mantan Pengarah Latihan & Pembangunan Kerjaya, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Pengarah pertama Jabatan Pembangunan Sarawak, Pengurus Besar Yayasan Pahang dan Pegawai Kewangan Negeri bagi Negeri Pahang.

Pengarah syarikat awam:
Tiada

DATO' HAJJAH ROSNI HAJI ZAHARI

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
(Warga Malaysia, umur 55)

03

Dilantik pada:
25 Mac 2011

Keahlian Jawatankuasa:

Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran – Ahli
Jawatankuasa Audit – Ahli
Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko – Ahli

Kelayakan:

Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA

Pengalaman:

Peguambela & Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaysia sejak 1990 dan juga sebagai Peguam Syariah di firma Tetuan Rosni, Francis Tan & Co. Ketua Pergerakan Wanita UMNO Maran (sejak 1992) dan Pahang sejak tahun 2008, Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pergerakan Wanita UMNO Malaysia sejak 2004, Ketua Penerangan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dan Pegawai Tugas Khas (Parlimen) kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Pengarah syarikat awam:

Tiada

YB DATUK NOOR EHSANUDDIN MOHD HARUN NARRASHID

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BUKAN BEBAS
(Warga Malaysia, umur 52)

04

Dilantik pada:
22 Ogos 2013

Keahlian Jawatankuasa:

Jawatankuasa Audit – Ahli

Kelayakan:

Ijazah Kejuruteraan Awam dan Mekanikal, Southern Illinois University, Carbondale, Amerika Syarikat

Pengalaman:

Memulakan kerjayanya sebagai Jurutera, bertugas untuk beberapa syarikat swasta termasuk Alfa Laval Sdn Bhd dan Milford Haven Automation Sdn Bhd. Mantan Pengarah SERANTA (FELDA) di Jabatan Perdana Menteri (2008-2013). Terkini beliau adalah Ahli Parlimen Kota Tinggi, Johor.

Pengarah syarikat awam:

FELDA, FGV, Encorp Berhad dan Iris Corporation Berhad.

PROFIL PARA PENGARAH

DATUK LIM THEAN SHIANG

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS
(Warga Malaysia, umur 44)

05

Dilantik pada:
23 Ogos 2013

Keahlian Jawatankuasa:

Jawatankuasa Pelaburan – Pengerusi
Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urusan dan
Pengurusan Risiko – Pengerusi

Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Utara Malaysia
- Ijazah Sarjana Undang-Undang, University of London

Pengalaman:

Mantan Pengarah Glotel Sdn Bhd, Tripo Engineering Sdn Bhd, Focus Indera Sdn Bhd, Latimax Engineering Sdn Bhd, El Medical Systems Sdn Bhd, WWE Holdings Bhd, Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang dan Pengerusi Eksekutif Zon Bebas Pelabuhan Klang. Terkini beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Daya Materials Berhad.

Pengarah syarikat awam:

Daya Materials Berhad dan Pontian United Plantations Berhad.

DATO' ROSINI ABD SAMAD

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS
(Warga Malaysia, umur 61)

06

Dilantik pada:
7 Januari 2015

Keahlian Jawatankuasa:

Jawatankuasa – Pengerusi
Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran – Ahli

Kelayakan:

- Fellow Kehormat CPA Australia
- Ahli, Institut Akauntan Malaysia
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Cardiff, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) (Kepujian), Universiti Malaya, Malaysia
- Diploma Lulusan Ijazah Perakaunan, Universiti Malaya, Malaysia

Pengalaman:

Mantan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) di Jabatan Akauntan Negara (Malaysia), wakil Akauntan Negara dalam Majlis Institut Akauntan Malaysia, mantan Ahli Lembaga Pengarah Percetakan Nasional Malaysia Berhad (2007 – 2014) dan pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit, ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran, Jawatankuasa Tender dan Jawatankuasa Disiplin syarikat tersebut.

Pengarah syarikat awam:

Tiada

DATO' MOHD EMIR MAVANI ABDULLAH

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
(Warga Malaysia, umur 52)

07

Dilantik pada:
23 Ogos 2013

Keahlian Jawatankuasa:

Jawatankuasa Pelaburan – Ahli
Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko – Ahli

Kelayakan:

- Ijazah Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sarjana Pengurusan Kejuruteraan, Warwick University, UK

Pengalaman:

Mantan Penasihat Kanan kepada Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (1998-2004), Penyelaras Tadbir Urus Terbaik bagi Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan bagi rantau Arab (2002-2004), Penasihat kepada Menteri Kewangan Emiriah Arab Bersatu (2002 hingga 2007) dan Penasihat Strategik kepada Majlis Eksekutif Abu Dhabi (2008-2010). Bekas Pengarah yang bertanggungjawab ke atas Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC) di Jabatan Perdana Menteri dan Pengarah Perbadanan Tenaga Nuklear Malaysia (MNPC) dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV (2013-2016). Beliau meletak jawatan sebagai pengarah nomini FGV berkuatkuasa 1 April 2016.

Pengarah syarikat awam:

Tiada

DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD

PENGARAH BUKAN BEBAS EKSEKUTIF
(Warga Malaysia, umur 56)

08

Dilantik pada:
20 Ogos 2014

Keahlian Jawatankuasa:

Tiada

Kelayakan:

Ijazah Sarjana Muda Sains, Oklahoma State University, Amerika Syarikat

Pengalaman:

Mantan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian International Merchant Bank (2003-2004), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Affin Investment Bank (2005-2007) dan Pengerusi PECD Bhd (2007-2010). Terkini, beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Kewangan & Pelaburan dan Pengerusi Lembaga Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko, Percetakan Nasional Malaysia Bhd, Pengerusi Axis Consultancy & Advisory Services Sdn Bhd. Beliau juga adalah Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM.

Pengarah syarikat awam:

Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

PROFIL PARA PENGARAH

DATUK HANAPI SUHADA

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
(Warga Malaysia, umur 58)

09

Dilantik pada:
7 Oktober 2015

Keahlian Jawatankuasa:
Tiada

Kelayakan:
Ijazah Sarjana Muda (Kepujian), (1977) Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengalaman:
Memegang pelbagai jawatan di dalam FELDA hingga sekarang bermula dari Pegawai Sosio Ekonomi hingga Pengurus Besar Wilayah di Mempaga, Kuantan dan Johor Bahru. Terkini beliau adalah Pengarah Besar FELDA (sejak April 2015).

Pengarah syarikat awam:
Encorp Berhad dan Pantech Group Holdings Berhad.

DATO' ZAKARIA ARSHAD

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
(Warga Malaysia, umur 56)

10

Dilantik pada:
1 April 2016

Keahlian Jawatankuasa:
Tiada

Kelayakan:
Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan Ekonomi (Kepujian) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (1984)

Pengalaman:
Pengurus Pentadbiran dan Pemasaran Felda Rubber Industries Sdn Bhd (1984-1999), Pengurus (Perniagaan) Malaysia Cocoa Manufacturing Sdn Bhd (1999-2002), Pengurus Besar (Komersil & Pentadbiran) Felda Rubber Products Sdn Bhd (2002-2004), Pengurus Besar Felda Marketing Services Sdn Bhd (2004-2005), Pengurus Besar Kanan Felda Rubber Industries Sdn Bhd (2006-2010), Ketua Pegawai Eksekutif Delima Oil Products Sdn Bhd (2010-2013), Ketua Pegawai Eksekutif Felda Vegetable Oil Products Sdn Bhd (2012-2013), Naib Presiden Eksekutif/Ketua Kluster Sawit Hiliran Felda Global Ventures Holdings Berhad (2014-Mac 2016) dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV sejak 1 April 2016.

Pengarah syarikat awam:
FGV

Maklumat tambahan

1. Tiada seorang pun Pengarah mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dan tidak berkaitan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama MSM Malaysia Holdings Berhad.
2. Tiada seorang pun Pengarah mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan MSM Malaysia Holdings Berhad atau disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu selain daripada kesalahan trafik, jika ada.
3. Butir-butir kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di mukasurat 96 Laporan Tahunan ini.
4. Profil penuh para Pengarah boleh didapati dalam talian di www.msmsugar.com

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA SYARIKAT



KOO SHUANG YEN

SETIAUSAHA SYARIKAT
(Warga Malaysia, umur 53)

01

Dilantik pada:
20 Mei 2011

Pengalaman:

- Associate, Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia

Kemahiran dan pengalaman:

Mantan Ketua Kewangan Felda Engineering Services Sdn Bhd (1991-2006) dan Felda Enterprises Sdn Bhd (2007-2008). Seterusnya Akauntan Kumpulan, Bahagian Hiliran, FHB (2009-2010), Pengurus Besar Kanan, Kewangan Kumpulan, FHB (2011-2012), Setiausaha Syarikat, FHB dan Kumpulan Syarikat (1995-2012). Terkini, beliau adalah Ketua Kluster Kewangan & Unit Perakaunan (sejak 2013), Ketua Unit Belanjawan (sejak 2015), Setiausaha Syarikat, MSM dan Kumpulan Syarikatnya (sejak 2011) dan Setiausaha Syarikat FGV dan Kumpulan Syarikatnya (sejak 2014).

Pengaruh dalam MSM dan syarikat-syarikat berkaitan:

Tiada



ABD RASHID ATAN

ABD RASHID ATAN

SETIAUSAHA SYARIKAT
(Warga Malaysia, umur 54)

02

Dilantik pada:
11 Februari 2015

Pengalaman:

- Diploma Pengajian Perniagaan – Institut Teknologi MARA
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) – Drake University, Iowa, USA
- Ijazah Perakaunan (kepujian) (Hons) – Universiti Teknologi MARA
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia


Kemahiran dan pengalaman:

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pegawai Penaksiran Lembaga Hasil Dalam Negeri (1998), Pengurus di HBM Management Sdn Bhd (1995) dan Setiausaha Syarikat Kumpulan UDA Holdings Berhad (1997-2013). Pada masa ini, beliau adalah Setiausaha Syarikat FGV dan Kumpulan Syarikatnya.

Pengaruh dalam MSM dan syarikat-syarikat berkaitan


Tiada

PENGURUSAN KANAN



**MOHAMAD AMRI
SAHARI**

02



**DATO' SHEIKH AWAB
SHEIKH ABOD**

01



**AZNUR KAMA
AZMIR**

03



**HA CHARM
MUN**

04

**ISMAIL
SAMSU**

05

**ISMAIL
ABDULLAH**

06

**AHMAD FARID
KAMARUDIN**

07

PROFIL PENGURUSAN KANAN

DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD

PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
(Warga Malaysia, umur 56)

01

Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Sains – Oklahoma State University, Amerika Syarikat

Kemahiran dan pengalaman:

Mantan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia International Merchant Bank (2003-2004), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Affin Investment Bank Bhd (2005-2007) dan Pengerusi PECD Bhd (2007-2010). Terkini, beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Kewangan & Pelaburan dan Pengerusi Lembaga Tadbir Urus dan Risiko, Percetakan Nasional Malaysia Bhd, Pengerusi Axis Consultancy & Advisory Services Sdn Bhd dan Ketua Kluster Gula, Felda Global Ventures Berhad (FGV).

Pengaruh dalam MSM dan syarikat berkaitan:

Beberapa syarikat di dalam Kumpulan MSM.

MOHAMAD AMRI SAHARI @ KHUZARI

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Warga Malaysia, umur 51)

02

Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Mekanikal) – South Dakota State University, Amerika Syarikat
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Strategik) – Universiti Teknologi Malaysia

Kemahiran dan pengalaman:

Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Kilang, Felda Palm Industries Sdn Bhd (1989), Pengurus Kilang, Hamparan Badai Oil Mill (1996) dan Pengurus Besar, Felda Palm Industries Sdn Bhd (2004). Beliau kemudian ditugaskan ke MSM Perlis Sdn Bhd sebagai Pengurus Besar (2004), Pengurus Besar Kanan (2008) dan seterusnya Ketua Pegawai Eksekutif (2010).

Pengaruh dalam MSM dan syarikat berkaitan:

Beberapa syarikat di dalam Kumpulan MSM.

AZNUR KAMA AZMIR

KETUA PEGAWAI KEWANGAN
(Warga Malaysia, umur 41)

03

Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) – Universiti Utara Malaysia
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia
- Fellow Association of Chartered Certified Accountants (FCCA), United Kingdom
- Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), United Kingdom
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) – Royal Melbourne Institute of Technology, Australia

Kemahiran dan pengalaman:

Beliau memulakan kerjaya sebagai pelatih audit di Shamsir Jasani & Co dan sebagai Juruaudit di PwC (1997). Beliau Meletak Jawatan di PwC sebagai Juruaudit Kanan untuk menyertai Felda Transport Services sebagai Akauntan pada 2001 dan Ketua Kewangan. Pada tahun 2006, beliau ditugaskan ke Felda Holdings Berhad sebagai Akauntan Kumpulan dan kemudian ke Felda Global Ventures Holdings Berhad pada tahun 2012 sebagai Pengurus Besar Kanan/Naib Presiden yang bertanggungjawab bagi Akaun Kumpulan, Laporan Kewangan dan Belanjawan.

Pengaruh dalam MSM dan syarikat berkaitan:

Beberapa syarikat dalam Kumpulan MSM.

HA CHARM MUN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, MSM PRAI BERHAD
(Warga Malaysia, umur 57)

04

Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Mekanikal) – University of Sussex, United Kingdom

Kemahiran & pengalaman:

Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Mekanikal, MSM Prai Berhad (1982), Jurutera Kanan, Dupont Singapura (1992), Pengurus Penyelenggaraan, Idemitsu SM (Malaysia) Sdn Bhd (1999) dan Pengurus Besar, MSM Prai Berhad (2004).

Pengaruh dalam MSM dan syarikat berkaitan:

Tiada

PROFIL PENGURUSAN KANAN

ISMAIL SAMSU

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, MSM PERLIS SDN BHD
(Warga Malaysia, umur 53)

05

Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Aeronautikal – University of Glasgow, Scotland
- Jurutera Stim Gred 1

Kemahiran dan pengalaman:

Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Mekanikal di Linatex Process Rubber Berhad (1992) kemudian sebagai Jurutera Mekanikal di Kedah Cement Sdn Bhd (1991). Beliau menyertai MSM Perlis Sdn Bhd pada tahun 1994 sebagai Jurutera Mekanikal, Pengurus (2005) dan Pengurus Kanan (2008), Penyelaras Teknikal (2008) dan Penolong Pengurus Besar (2014).

Pengarah dalam MSM dan syarikat-syarikat berkaitan:

Tiada

ISMAIL ABDULLAH

PENGURUS BESAR KANAN, MSM LOGISTICS SDN BHD
(Warga Malaysia, umur 66)

06

Kelayakan:

- Diploma Sains Kepolisian - Universiti Kebangsaan Malaysia

Kemahiran dan pengalaman:

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Inspektor Percubaan, Pasukan Polis Diraja Malaysia (1970) Penolong Pesuruhjaya Kanan, Polis Diraja Malaysia (2006) dan menyertai MSM Logistics Sdn Bhd sebagai Pengurus Besar (2007).

Pengarah dalam MSM dan syarikat-syarikat berkaitan:

Tiada

AHMAD FARID KAMARUDIN

PENGURUS BESAR, MSM TRADING INTERNATIONAL DMCC
(Warga Malaysia, umur 38)

07

Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) (kepujian) – Universiti Tenaga Nasional
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan – Universiti Utara Malaysia

Kemahiran dan pengalaman:

Beliau memulakan kerjayanya di MSM Perlis Sdn Bhd sebagai Eksekutif Komersil pada tahun 2004. Beliau kemudian ditugaskan ke MSM Malaysia Holdings Berhad sebagai Ketua Bahagian Perdagangan dan Perniagaan Antarabangsa pada tahun 2012. Terkini, beliau menyelia semua operasi perdagangan yang berpangkalan di Dubai, UAE dan memainkan peranan penting dalam menubuhkan cabang dagangan MSM. Disepanjang 12 tahun pengalaman dengan Kumpulan, beliau telah berkhidmat di pelbagai bidang seperti di bahagian Perolehan, Pengurusan Bahan, Logistik, Pemasaran dan Perdagangan Gula.

Pengarah dalam MSM atau syarikat berkaitan:

Tiada

Nota:

Profil penuh Pengurusan Kanan boleh didapati dalam talian di www.msmsugar.com

Dalam misi kami untuk menjadi peneraju utama gula, kami percaya ia adalah penting untuk memupuk persekitaran kerja yang memberi peluang kepada kakitangan dalam merealisasikan potensi mereka. Kami percaya bahawa tenaga kerja yang berbakat dan berkualiti adalah asas untuk memastikan pekerja sentiasa bermotivasi dan berdaya saing di dalam organisasi.

ASAS BAGI PERTUM



BUHAIN

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH KOMITED SEPENUHNYA BAGI MENGEKALKAN PIAWAIAN TADBIR URUS, PROFESIONALISME DAN INTEGRITI KORPORAT TERTINGGI DALAM MENDORONG MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (“MSM” ATAU “SYARIKAT”) MENCIPTA DAN MENYEDIAKAN NILAI JANGKA PANJANG YANG MAMPAN KEPADA PEMEGANG SAHAM. LEMBAGA PENGARAH PERCAYA BAHAWA DALAM MENGURUSKAN PERNIAGAAN MSM ATAU KUMPULAN MSM DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH TADBIR URUS YANG MENGUTAMAKAN AMALAN TADBIR URUS YANG TERTINGGI MERENTASI KUMPULAN AKAN SENTIASA MEMAKSIMUMKAN NILAI PEMEGANG BERKEPENTINGAN, MENINGKATKAN KEYAKINAN PELABUR, MEWUJUDKAN KEPERCAYAAN PELANGGAN DAN MEMBINA SEBUAH ORGANISASI YANG BERDAYA SAING. LEMBAGA PENGARAH DIPANDU OLEH PRINSIP-PRINSIP DAN CADANGAN AMALAN TERBAIK DINYATAKAN DALAM PRINSIP 28 DAN 26 CADANGAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2012 (KOD), BAB-BAB YANG BERKAITAN DALAM KEPERLUAN PENYENARAIAN PASARAN UTAMA (MMLR) BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (BURSA SECURITIES) SERTA PENGGUNAAN AMALAN BAIK SEPERTI YANG DIGARISKAN DALAM PANDUAN TADBIR URUS KORPORAT EDISI KE-2 (PANDUAN) YANG DITERBITKAN OLEH BURSA SECURITIES.

RANGKA KERJA TADBIR URUS

Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah terus mengkaji dan menanda aras struktur tadbir urus dan proses Kumpulan bagi memastikan mereka menyokong kepimpinan yang berkesan dan beretika, warga korporat yang baik dan kemampuan. Rangka kerja Tadbir Urus kami adalah seperti di bawah:



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah memastikan bahawa piawaian tertinggi dalam tadbir urus korporat dipatuhi, supaya MSM mencapai prestasi kewangan yang kukuh bagi setiap tahun kewangan, dan yang lebih penting menyampaikan nilai jangka panjang yang berterusan kepada pihak berkepentingan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menggubal dan mengkaji pelan strategik dan polisi utama Syarikat, dan menentukan hala perjalanan operasi perniagaan Syarikat di samping menyediakan pemantauan berkesan prestasi pihak Pengurusan, penilaian risiko dan kawalan ke atas operasi perniagaan. Lembaga Pengarah memastikan proses dalaman, garis panduan dan sistem Kumpulan disemak dan/atau selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang mantap. Selain melaksanakan tanggungjawab berkanun, fungsi dan tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

- (1) Mengkaji dan melaksanakan pelan strategik untuk Syarikat.
- (2) Mengawasi pengendalian perniagaan Syarikat untuk menyelia prestasi pengurusan bagi menentukan sama ada perniagaan diuruskan dengan betul.
- (3) Mengenal pasti risiko asas dan memastikan pelaksanaan kawalan dalaman yang sesuai dan langkah-langkah mitigasi.
- (4) Perancangan barisan pelapis bagi jawatan pengurusan kanan.
- (5) Mengawasi pembangunan dan pelaksanaan dasar komunikasi pemegang saham untuk syarikat.
- (6) Mengkaji semula kemampuan dan integriti pengurusan sistem maklumat dan kawalan dalaman Syarikat.

KOD TATACARA

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara bersama kepada pelaksanaan keseluruhan perniagaan Kumpulan dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap prestasi Syarikat dan Kumpulan. Ahli-ahli Lembaga menjalankan usaha yang wajar dan cermat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka bagi memastikan piawaian etika yang tinggi digunakan, dengan mematuhi peraturan yang relevan dan peraturan-peraturan, arahan dan garis panduan di samping mempraktikkan amalan terbaik dalam Kod dan Panduan, dan bertindak demi kepentingan terbaik Kumpulan dan pemegang saham.

Lembaga berpegang pada kod etika sejajar dengan Kod Etika dan Tingkah Laku (CoEC) dan Kod Amalan Perniagaan (CoBP) yang ditubuhkan oleh FGV. CoEC dan CoBP menggariskan

piawaian etika tingkah laku dan kelakuan yang diharapkan daripada semua Pengarah Kumpulan FGV. Lembaga Pengarah memastikan pematuhan dipantau melalui proses deklarasi tahunan yang memerlukan semua Pengarah untuk mengisytiharkan pematuhan mereka, termasuk sebarang konflik yang sedia ada dan/atau potensi konflik kepentingan.

PIAGAM LEMBAGA

Lembaga Pengarah sedar akan keperluan untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingan Kumpulan. Dalam usaha untuk memudahkan keberkesanan pelaksanaan tugasnya, Lembaga Pengarah berpandukan Piagam Lembaga. Piagam Lembaga Pengarah berfungsi untuk memastikan semua ahli Lembaga yang bertindak bagi pihak Kumpulan menyedari peranan dan tanggungjawab mereka untuk memastikan akauntabiliti. Piagam Lembaga menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, baki dan komposisi Lembaga, pihak berkuasa Lembaga Pengarah, senarai perkara-perkara yang diperuntukkan kepada Lembaga, penubuhan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, proses dan prosedur untuk mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah, penilaian Lembaga Pengarah dan kajian semula prestasi, pematuhan kepada piawaian etika, akses Lembaga Pengarah kepada maklumat dan nasihat dan pengisytiharan konflik kepentingan.

Butiran penuh Piagam Lembaga ada disediakan di laman web korporat Syarikat di www.msmsugar.com.

KESEIMBANGAN DAN KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam MMLR. Lembaga Pengarah pada masa ini terdiri daripada sembilan (9) orang ahli:

- satu (1) Pengarah Eksekutif,
- empat (4) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, dan
- empat (4) Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas.

Pada 17 Disember 2015, YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid telah dinamai semula daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif kepada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Lembaga Pengarah masih mencari ahli lembaga baru dalam usaha untuk memastikan bahawa komposisi Lembaga Pengarah ini mematuhi syarat di bawah Kod.

Komposisi Lembaga Pengarah ini menggambarkan kepentingan pemegang saham utama, tanpa menjejaskan kepentingan pemegang saham minoriti. Lembaga Pengarah terdiri daripada ahli-ahli yang berkaliber dan berwibawa dengan latar belakang profesional, kemahiran dan pengalaman yang luas dan

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

pengetahuan dalam bidang perakaunan, kewangan, undang-undang, sumber manusia, perbankan dan korporat yang diperlukan bagi hala tuju kejayaan Kumpulan. Kehadiran empat (4) orang Pengarah Bebas dalam Lembaga Pengarah menyediakan pemeriksaan dan keseimbangan yang diperlukan mengenai cara pengurusan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dalam menguruskan perniagaan Kumpulan. Kepakaran yang mereka miliki membolehkan mereka untuk menyediakan penilaian bebas mengenai isu-isu strategi, prestasi perniagaan, sumber dan pawaian tatalaku. Mereka juga memberikan pandangan bebas dalam perbincangan Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa strategi yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan dibincangkan dan dikaji untuk kepentingan jangka panjang Kumpulan sepenuhnya, serta untuk para pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain.

Lembaga Pengarah menggalakkan penyertaan wanita di dalam Lembaga Pengarah. Pada masa ini, Dato' Hajah Rosni Haji Zahari dan Dato' Rosini Abd Samad berada di Lembaga Pengarah sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Lembaga Pengarah akan terus menyokong representasi wanita dalam Lembaga Pengarah.

Profil setiap daripada ahli Lembaga Pengarah adalah seperti yang dibentangkan pada muka surat 76 hingga 80 laporan tahunan ini.

Lembaga Pengarah percaya bahawa Pengerusi semasa mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk memastikan sekatan dan imbalan yang baik bagi memudahkan perbicaraan Lembaga Pengarah dan membuat keputusan. Ia juga adalah penting untuk ambil perhatian bahawa terdapat pemisahan kuasa antara Pengerusi dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Tugas dan tanggungjawab mereka adalah berbeza dan berasingan bagi memudahkan semakan dan imbalan dalam operasi Syarikat.

- (1) Untuk menyediakan rangka kerja bagi mengenal pasti, pemantauan, penilaian, pelaporan dan kelulusan Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Pihak Berkaitan Yang Berulang Kumpulan.
- (2) Untuk melaksanakan garis panduan dan proses untuk memastikan Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Pihak Berkaitan Yang Berulang dilaksanakan berasaskan syarat yang tidak lebih memihak kepada Pihak Berkaitan berbanding yang ditawarkan kepada umum, dan tidak menjejaskan para pemegang saham minoriti dan demi kepentingan terbaik Kumpulan.

Syarikat telah mendapatkan mandat pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas pada 2015 bagi Urusniaga Pihak Berkaitan Yang Berulang yang bersifat hasil atau perdagangan. Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, Syarikat akan mendapatkan mandat pemegang saham bagi Urusniaga Pihak Berkaitan Yang Berulang yang bersifat hasil atau perdagangan. Butiran mengenai Urusniaga Pihak Berkaitan Yang Berulang yang memerlukan mandat pemegang saham disediakan di dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham yang akan dihantar bersama-sama dengan Laporan Tahunan.

JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah menyedari potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar Syarikat menyediakan perkhidmatan bukan audit kepada Kumpulan lain.

Jawatankuasa Audit memperoleh pengesahan bertulis daripada juruaudit luar bahawa juruaudit berada, dan telah bebas sepanjang menjalankan tugas audit mengikut keperluan profesional dan perundangan yang relevan dan selaras dengan dasar dalaman juruaudit luaran. Juruaudit luar juga menyediakan pengesahan bertulis bahawa mereka telah mengkaji semula perkhidmatan bukan audit yang disediakan kepada Kumpulan sepanjang tahun.

Hubungan Syarikat dengan juruaudit luar dikekalkan melalui Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Ciri-ciri utama yang mendasari hubungan Jawatankuasa Audit dengan juruaudit luar dinyatakan secara terperinci dalam Laporan Jawatankuasa Audit dari muka surat 119 hingga 122 Laporan Tahunan ini.

Laporan Tahunan Syarikat juga mendedahkan bayaran yang diterima oleh juruaudit luar untuk kerja-kerja bukan audit.

INTEGRITI KORPORAT

Melalui pelaksanaan inisiatif integriti oleh Kumpulan FGV, iaitu Kod Etika & Kelakuan, Kod Amalan Perniagaan, Polisi Hadiah, Ikrar Integriti Korporat, MSM komited untuk menegakkan prinsip integriti dan berusaha ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dalam pengendalian perniagaan dan dalam interaksi dengan rakan-rakan perniagaan dan pihak berkuasa.

KEMAMPANAN

Kumpulan MSM menguruskan perniagaannya secara bertanggungjawab dengan menguruskan aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus operasi dan komited kepada kesemua tiga prinsip kemampanan iaitu insan, planet dan keuntungan (asas tiga serangkai). MSM sentiasa menggalakkan keseimbangan antara asas tiga serangkai dan peranannya sebagai sebuah warga korporat yang bertanggungjawab menerusi pendekatan empat dimensi iaitu pasaran, komuniti, tempat kerja dan alam sekitar.

PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH

Penyata Tadbir Urus Korporat ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 31 Mac 2016.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
Pengerusi

PROGRAM LATIHAN YANG DIHADIRI OLEH PENGARAH

Setiasaha Syarikat sentiasa menerima maklumat mengenai program latihan dari pelbagai organisasi termasuk badan-badan pengawal seliaan. Maklumat ini telah diedarkan kepada semua Pengarah untuk pertimbangan mereka.

Dalam tahun kewangan yang dikaji, ahli-ahli Lembaga Pengarah secara individu telah menghadiri kursus-kursus latihan luaran dan seminar berikut untuk memastikan mereka dimaklumkan mengenai perkembangan terkini dan untuk meningkatkan pengetahuan mereka:

Bulan/Tahun	Topik	Penganjur
Januari 2015	• World Economic Forum Annual Meeting 2015	World Economic Forum
	• Biomass Supply Chain & Biofuels Worlds, Jakarta	Centre for Management Technology
Februari 2015	• 11 th Annual Kingsman Dubai Sugar Conference	PLATTS MCGRAW HILL FINANCIAL
	• Gulfood Dubai 2015	Dubai World Trade Centre
	• Leadership Team Boot Camp, Putrajaya	Human Capital Development, FGV
Mac 2015	• Audit Committee Conference 2015	Institut Akauntan Malaysia (MIA) & Institut Juruaudit Dalaman (IIA)
	• Mandatory Accreditation Programme (MAP) for Directors of Public Listed Companies (Berdasarkan para 15.08 kepada Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama)	Bursa Malaysia
	• Bursa Malaysia Palm & Lauric Oils Price Outlook Conference & Exhibition (POC 2015)	Bursa Malaysia
April 2015	• Seminar Perladangan 2015	Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn Bhd
Mei 2015	• 9 th ISO Datagro Sugar & Ethanol Conference	Datagro
	• 3 rd Cranfield Global Leadership Programme	Cranfield University
Ogos 2015	• 21 st Asia International Sugar Conference	ED&F Man
	• 3 rd Oleochemical Outlook Conference	Centre of Management Technology
	• Seminar Kepimpinan dan Strategik Pengurus	Institut Semarak FELDA (ISEF)
September 2015	• Mandatory Accreditation Programme (MAP) for Directors of Public Listed Companies (Pursuant to Paragraph 15.08 of MMLR)	Bursa Malaysia
	• 2015 National Conference on Governance, Risks and Control – Gearing for Innovation	Institut Juruaudit Dalaman (IIA)
Oktober 2015	• MIA International Accountants Conference 2015 – Today's Synergy, Tomorrow's Reality	Institut Akauntan Malaysia (MIA)
November 2015	• 13 th Annual Roundtable Conference on Sustainable Palm Oil	Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)
	• 11 th Indonesian Palm Oil Conference & 2016 Price Outlook	Indonesian Palm Oil Association (GAPKI)
Disember 2015	• Cooking the Books: The Malaysian Recipe of Financial Fraud	Bursa Malaysia
	• Enforcement of Latest Bursa Revamp Listing Requirements	Smart Business Consulting
	• National Seminar on Trans Pacific Partnership Agreement	Federation of Public Listed Companies Bhd (FPLC)

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

SELARAS DENGAN PERENGGAN 15.26(B) KEPERLUAN PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD, AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT-SYARIKAT TERSENARAI DIKEHENDAKI MENYERTAKAN SATU “PENYATA MENGENAI KEADAAN KAWALAN DALAMAN KUMPULAN” DALAM LAPORAN TAHUNAN MEREKA. DI SAMPING ITU, KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2012 DISEMAK SEMULA, YANG DITERBITKAN OLEH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA MENGEHENDAKI LEMBAGA PENGARAH MENGEKALKAN SATU SISTEM KAWALAN DALAMAN DAN RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO YANG BERWIBAWA. AHLI LEMBAGA PENGARAH DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN PENYATA BERIKUT YANG TELAH DISEDIAKAN MENURUT GARIS PANDUAN YANG DISEDIAKAN OLEH “PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN BURSA SECURITIES: GARIS PANDUAN BAGI PENGARAH SYARIKAT TERSENARAI”. YANG DISAHKAN OLEH BURSA SECURITIES DAN MENGGARISKAN SIFAT DAN SKOP PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN KUMPULAN BAGI TAHUN KEWANGAN YANG DIKAJI.

TANGGUNGJAWAB DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawab keseluruhannya ke atas pembentukan dan pemantauan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan MSM. Lembaga Pengarah komited dalam memastikan kewujudan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang berkesan di dalam Kumpulan MSM dengan menilai keberkesanan dan kecukupan sistem ini secara berterusan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah mengiktiraf bahawa sistem-sistem seumpama ini dibentuk untuk mengurus dan mengurangkan risiko-risiko yang dikenal pasti ke tahap yang boleh diterima, dan bukannya untuk menghapuskan sama sekali risiko-risiko ini. Oleh itu, rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan dibentuk untuk mengenalpasti dan menguruskan risiko-risiko ke tahap boleh terima yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kawalan dalaman yang telah dilaksanakan hanya boleh memberikan perlindungan yang munasabah, dan bukannya jaminan terhadap berlakunya salah nyata atau kerugian.

Bagi memudahkan pelaksanaan peranan tanggungjawab dan pemantauan di dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

- Lembaga Pengarah Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko (“BGRMC”) – Mengawasi pengurusan risiko dan tadbir urus aspek Kumpulan.
- Jawatankuasa Audit (“AC”) – Menilai pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus aspek Kumpulan.
- Jawatankuasa Pelaburan (“IC”) – Menyelia bahawa semua pelaburan adalah sejajar dengan objektif dan rancangan Kumpulan.


Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini diberi kuasa dengan jelas dan terma rujukan yang dipersetujui/diluluskan merangkumi tanggungjawab yang dinyatakan di atas.

PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko adalah satu bahagian penting dalam proses organisasi Kumpulan, dengan objektif untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang berwibawa dan memastikan kecukupan dan integritinya yang berterusan.


Fungsi bagi Kumpulan diterajui oleh Ketua Risiko MSM. Ketua Risiko MSM disokong oleh Ketua Risiko Subsidiari dan Pemilik Risiko. Ketua Risiko Subsidiari adalah individu yang dicalonkan sebagai wakil anak syarikat masing-masing, untuk menyelaraskan dengan Pemilik Risiko Subsidiari dalam mengenal pasti, menilai, mengurus dan memantau risiko-risiko utama masing-masing. Mereka juga bertanggungjawab memastikan pelaksanaan pelan tindakan berkesan mengurangkan risiko yang dikenal pasti. Laporan mengenai risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah & dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun. Bahagian Pengurusan Risiko Kumpulan FGV menyelia dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko keseluruhan dalam Kumpulan. Gambaran keseluruhan rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan digambarkan seperti di bawah:

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN



Kumpulan telah menerima pakai Dasar Pengurusan Risiko dan prosedur yang selaras dengan ISO 31000 Pengurusan Standard Risiko, yang dibangunkan untuk membantu akuanji tanggungjawab pengurusan risiko mereka.

Proses pengurusan risiko yang digunakan oleh Kumpulan digambarkan seperti di bawah:



Aktiviti-Aktiviti Pengurusan Risiko Utama 2015

Aktiviti-aktiviti pengurusan risiko utama yang dilaksanakan sepanjang tahun kewangan yang dikaji adalah seperti berikut:

Laporan Suku Tahun Risiko Perusahaan

Risiko perusahaan utama dilaporkan setiap suku tahun kepada BGRMC. Semua pusat korporat dan anak syarikat dalam Kumpulan mengemaskinikan Daftar Risiko melalui Sistem Pengurusan Risiko, yang dilaporkan kepada BGRMC oleh Ketua Risiko MSM.

Pembangunan Budaya dan Kesedaran Pengurusan Risiko

Sesi Kesedaran Pengurusan Risiko Perusahaan dan latihan telah diadakan untuk kumpulan sasaran seperti di bawah. Ini adalah untuk memupuk kepentingan budaya pengurusan risiko yang kukuh dan berkesan di dalam Kumpulan.


Subsidiari (Lokasi)	Tarikh Latihan
MSM Holdings Berhad (Menara Felda, Kuala Lumpur)	13 Januari 2015
MSM Holdings Berhad (Menara Felda, Kuala Lumpur)	16-18 Mac 2015
MSM Holdings Berhad (Menara Felda, Kuala Lumpur)	21 April 2015
MSM Prai Berhad (Prai, Penang)	9 Julai 2015
MSM Perlis Sdn Bhd (Chuping, Perlis)	10 Ogos 2015
MSM Logistics Sdn Bhd (Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur)	13 Oktober 2015
MSM Holdings Berhad (Menara Felda, Kuala Lumpur)	17 November 2015

Audit Pengurusan Risiko

Audit Pengurusan Risiko telah dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Risiko Kumpulan FGV untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan laporan risiko.

RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Kumpulan menguruskan risikonya dengan melaksanakan pelbagai mekanisma kawalan dalaman. Unsur-unsur utama struktur kawalan dalaman Kumpulan adalah seperti berikut:



1. Etika dan Integriti

a. Kod Etika Perniagaan bagi Kakitangan

Kumpulan mempunyai satu set Kod Etika Perniagaan bagi Kakitangan (Kod) yang menggariskan prinsip-prinsip untuk membimbing kakitangan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka mengikut piawaian integriti peribadi dan korporat tertinggi. Kod ini meliputi bidang-bidang seperti pematuhan, tatalaku di tempat kerja, polisi dan prosedur aduan dan disiplin, kerahsiaan dan percanggahan kepentingan. Kod ini telah diperbadankan di dalam Buku Panduan Pekerja Kumpulan yang telah diwujudkan pada 1 September 2014.

b. Inisiatif Integriti

Inisiatif integriti telah dikendalikan oleh Bahagian Tadbir Urus Kumpulan FGV untuk disampaikan

kepada semua Kumpulan Syarikat FGV termasuk Kumpulan MSM. Kumpulan komited untuk meningkatkan prestasi perniagaannya dengan memberi penekanan kepada ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik. Pada tahun 2015, MSM telah mengambil bahagian dalam Roadshow Kesedaran Integriti melalui program Jelajah Integriti yang dihadiri 41 kakitangan MSM.

c. Dasar dan prosedur Pendedahan Maklumat

Kumpulan mempunyai Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat yang berfungsi sebagai saluran rasmi pekerjaannya untuk menyatakan keperihatinan mereka dengan cara yang selamat dan sulit. Butiran mengenai Polisi Pendedahan dinyatakan dalam Penyata MSM Tadbir Urus Korporat.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

2. Kuasa dan Tanggungjawab

a. Struktur Organisasi

Kumpulan mempunyai struktur organisasi komprehensif yang menyusun operasi perniagaan. Struktur organisasi menyediakan aliran yang jelas bagi laporan, kuasa dan pembahagian tugas yang menggalakkan pemilikan dan kebertanggungjawaban dalam pengambilan risiko selain mentakrif had-had kebertanggungjawaban dan kuasa yang diwakilkan untuk perancangan, pelaksanaan, pengawalan dan pemantauan operasi perniagaan. Struktur organisasi ini dikaji secara berkala untuk disertakan dengan sebarang keperluan perniagaan baharu.

b. Had Kuasa Budi Bicara Kumpulan (DAL)

Selaras dengan semangat penambahbaikan kawalan dalaman secara berterusan, DAL Kumpulan dikaji semula dan dikemaskini bagi mengutarakan keberkesanan organisasi sambil memastikan bahawa ianya selaras dengan tahap risiko yang boleh diterima oleh Lembaga Pengarah.

c. Senarai Tugas

Setiap jawatan di dalam struktur organisasi disokong oleh penerangan tanggungjawab tugas yang jelas yang berpaut kepada wawasan dan matlamat Kumpulan. Menerusi tanggungjawab yang jelas dan perhubungan fungsi, kerjasama di dalam Kumpulan akan bertambah baik sejurus meningkatkan keberkesanan operasi Kumpulan.

3. Dasar dan Prosedur

Dasar dan Prosedur direka untuk mengurus risiko dan memastikan pematuhan kepada keperluan yang berkaitan dengan operasi Kumpulan. Dasar-dasar baru digubal sebagai keperluan perniagaan atau risiko dan untuk menyokong pelaksanaan tadbir urus yang betul Kumpulan MSM. Ia dikaji semula secara berkala untuk kekal berkesan dan relevan dengan aktiviti perniagaan Kumpulan kerana ia terus berkembang, berubah dan merentasi sempadan. Dasar-dasar Kumpulan dikategorikan seperti berikut:

Dasar Lembaga

Dasar peringkat Lembaga Pengarah terdiri daripada Piagam Lembaga, Terma Rujukan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan dasar sokongan berkaitan yang memastikan tugas Lembaga yang sesuai dalam pengendalian perkara berkaitan risiko dan kawalan Kumpulan. Ini dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

Dasar Kumpulan

Dasar Kumpulan merujuk kepada dasar-dasar peringkat tinggi yang selaras atau disesuaikan daripada dasar Kumpulan FGV dan berkaitan dengan risiko utama Kumpulan MSM. Ini hendaklah terpakai di seluruh Kumpulan MSM. Contoh ini (menyatakan apa-apa yang telah diterima pakai).

Berikut adalah dasar dan prosedur baru yang telah ditubuhkan dan kemudiannya disahkan oleh BGRMC dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2015:

- Teknologi Maklumat Kumpulan

Dasar dan Prosedur Operasi

Dasar dan Prosedur Operasi disesuaikan untuk operasi tertentu fungsi sokongan atau subsidiari dalam Kumpulan MSM. Berikut adalah dasar dan prosedur baru yang telah ditubuhkan dan kemudiannya disahkan oleh BGRMC dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 2015:

- MSM Perlis Sdn Bhd (Bahagian Perladangan)
- MSM Trading International DMCC Raw/Refined Sugar Trading Policy

4. Pemantauan

a. Kajian Kewangan dan Operasi

Kumpulan membentangkan penyata kewangannya kepada Jawatankuasa Audit untuk semakan setiap suku tahun sebelum yang sama dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan pengumuman dibuat di Bursa Malaysia. Kajian suku tahunan membolehkan Jawatankuasa Audit untuk membincangkan dan menilai keputusan kewangan Kumpulan, prestasi operasi dan perubahan berbanding dengan belanjawan bagi membolehkan mereka memantau dan menyumbang ke arah meningkatkan prestasi Kumpulan.

b. Proses Belanjawan

Kumpulan melaksanakan proses belanjawan dan unjuran tahunan yang merangkumi pembangunan strategi perniagaan dan kewujudan penunjuk prestasi utama (“KPI”) Kumpulan. KPI merangkumi prestasi segmen perniagaan dan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan yang boleh diukur dan dinilai. Satu keperluan operasi dan perbelanjaan modal yang terperinci dibentangkan kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan sebelum mulanya tahun kewangan yang baru. Parameter utama yang diluluskan yang berkaitan pelbagai segmen perniagaan kemudiannya diubahkan kepada KPI bagi tujuan pengukuran dan pentaksiran prestasi.

c. Fungsi Audit Dalaman

Kumpulan menggunakan perkhidmatan Audit Dalaman Kumpulan FGV bagi fungsi audit dalamannya. Kumpulan merujuk kepada saranan daripada Audit Dalaman Kumpulan bagi penambahbaikan di dalam sistem kawalan dalaman. Laporan penuh aktiviti audit dalaman bagi Kumpulan disertakan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 119 hingga 122.

SEMAKAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Seperti yang dikehendaki oleh Perenggan 15.23 Keperluan Penyenaiaan Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Semakan mereka dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan yang Disyorkan (“RPG”) 5 (Disemak Semula) yang diterbitkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 (Disemak Semula) tidak memerlukan juruaudit luar untuk membentuk pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

KESIMPULAN


Berdasarkan proses-proses dan langkah-langkah yang diambil menerusi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasanya sepanjang tahun kewangan dan tarikh laporan ini serta jaminan yang disediakan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman seperti yang dinyatakan di dalam Penyata ini adalah mantap dan berkesan dalam melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 23 Februari 2016.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

Dokumentasi Pengurusan Kesinambungan Perniagaan disediakan untuk menyokong Kumpulan MSM supaya mempunyai tindak balas yang berkesan dan pelan pemulihan yang cepat apabila berlaku bencana yang tidak diduga. Pelan Kesinambungan Perniagaan, Analisis Impak Perniagaan dan Penilaian Risiko telah dikaji semula untuk mengekalkan perancangan kukuh bagi melindungi kepentingan pihak yang berkepentingan.

Proses Pengurusan Kesinambungan Perniagaan adalah seperti ilustrasi di bawah:



Selain itu, Ujian Pengurusan Kesinambungan Perniagaan telah dijalankan di anak-anak syarikat seperti di bawah:

Anak Syarikat (Lokasi)	Tarikh	Jenis Ujian	Status
MSM Perlis Sdn Bhd (Chuping, Perlis)	26 Ogos 2015	Serangan pengganas	Berjaya
MSM Malaysia Holdings Berhad (Ibu Pejabat)	31 Disember 2015	Kegagalan rangkaian jalur lebar	Berjaya

INTEGRITI KORPORAT

KUMPULAN MSM KOMITED KEPADA SATU BUDAYA INTEGRITI. KOD ETIKA & TATALAKU DAN KOD AMALAN PERNIAGAAN YANG TELAH DILANCARKAN OLEH KUMPULAN FGV MENETAPKAN PRINSIP-PRINSIP ETIKA PERNIAGAAN YANG PERLU DIPATUHI, DITERIMA PAKAI DAN DITERAPKAN KE DALAM SEMUA OPERASI DAN PERNIAGAAN MSM SERTA KUMPULAN SYARIKATNYA. INI BAGI MEMASTIKAN KUMPULAN MSM SENTIASA MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN NILAI ETIKA DALAM MENGENDALIKAN PERNIAGAANNYA DI SELURUH DUNIA.

Menerusi pengenalan dan pelaksanaan Kod Etika & Tatalaku, Kod Amalan Perniagaan, Dasar Hadiah, Akur Janji Integriti Korporat oleh Kumpulan FGV, Kumpulan MSM sebagai sebuah subsidiari Kumpulan FGV komited untuk:

- Mematuhi kesemua undang-undang, dasar-dasar, prosedur, aturan, peraturan dan garis panduan,
- Mengendalikan operasi kami dengan sebaik usaha menurut piawaian antarabangsa, sementara sentiasa meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan kami,
- Membekalkan produk dan perkhidmatan kepada para pelanggan menurut akur janji kami,
- Bangga dalam menyumbang terhadap kejayaan MSM,
- Menjunjung nilai-nilai teras FGV; PRIDE (Kerjasama, Hormat, Integriti, Dinamisma, Semangat); dan
- Mengamalkan sikap terbuka dan jujur dalam kesemua aspek.

LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

LEMBAGA PENGARAH PERCAYA BAHAWA KOMPOSISI JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN SEMASA MEMBERI IMBANGAN YANG SESUAI DALAM BIDANG KEMAHIRAN, PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN UNTUK MENGGALAKKAN KEPENTINGAN SEMUA PEMEGANG SAHAM DAN MEMENUHI KEPERLUAN KUMPULAN.

LEMBAGA PENGARAH DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015.

KOMPOSISI DAN MESYUARAT

Ahli-ahli	Dilantik	Kehadiran
Dato' Zainal Haji Ismail	Mac 2011	11/11
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari	Mac 2011	11/11
Dato' Rosini Abd Samad	Mei 2015	6/6

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan secara eksklusif terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan semua ahli-ahlinya adalah Pengarah Bebas. Komposisi Jawatankuasa mematuhi kedua-dua Keperluan Penyenaiaan dan Kod.

Jawatankuasa telah mengadakan sejumlah 11 mesyuarat sepanjang tahun 2015. Daripada jumlah itu, 5 mesyuarat adalah mesyuarat tidak berjadual yang antara lain membincangkan perkara-perkara mengenai bonus dan bayaran kenaikan gaji untuk kakitangan dan Pengurusan dan pelantikan pengarah baru.

RINGKASAN TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Matlamat

Matlamat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, yang ditetapkan di bawah Keperluan Penyenaiaan, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam memenuhi peranan dan tanggungjawab mereka dalam perkara yang berikut:

1. Komposisi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, jawatan pengarah dalam Kumpulan dan Pengurusan Teratas Kumpulan;
2. Proses pencalonan dan pemilihan dan pelantikan dan pelantikan semula/proses pemilihan semula;
3. Sumbangan dan komitmen Pengarah;
4. Surat pelantikan;
5. Induksi dan program pembelajaran berterusan;

6. Penilaian Lembaga Pengarah;
7. Perancangan Barisan Pelapis;
8. Hal-hal Imbuhan (Dasar Imbuhan);
9. Imbuhan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan para Pengarah Eksekutif;
10. Imbuhan Pengurusan Teratas Kumpulan; dan
11. Lain-lain imbuhan merentasi Kumpulan.

Kewujudan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan tidak melenyapkan tanggungjawab berkanun dan fidusiari utama Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan berhubung fungsi dan tugas Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

Kuasa

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan berdasarkan skop tugas dan tanggungjawab yang dinyatakan dalam Terma-terma Rujukan untuk:

1. Menjalankan aktiviti-aktiviti yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawabnya yang terangkum di dalam Terma-terma Rujukannya dan membuat saranan-saranan yang berkaitan kepada Lembaga Pengarah;
2. Memperoleh sumber-sumber yang diperlukan bagi melaksanakan tugasnya;
3. Memiliki akses penuh dan tanpa halangan kepada maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan, rekod, hartanah dan kakitangan;
4. Mendapatkan nasihat profesional bebas, apabila difikirkan perlu, bagi membantu Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dengan betul, dengan perbelanjaan adalah ditanggung oleh Syarikat. Sekiranya Jawatankuasa mengekalkan mana-mana perunding tersebut, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mempunyai kuasa untuk meluluskan pelantikan dan yuran mereka dan terma-terma lain bagi pelantikan tersebut menurut perwakilan kuasa Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan;
5. Bermesyuarat secara eksklusif di kalangan mereka, apabila perlu.

LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Tanggungjawab dan Tugas Utama

Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini antara lain adalah seperti di bawah:

1. Komposisi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, dan semua jawatan pengarah dalam Kumpulan

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mengkaji struktur, saiz dan komposisi (termasuk kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan kepelbagaian) Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan semua jawatan pengarah dalam Kumpulan dengan tujuan untuk menentukan impak bilangan Pengarah ke atas keberkesanan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Kumpulan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai apa-apa penambahbaikan yang perlu dibuat.

2. Kontrak Pekerjaan

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan:

- Pelantikan Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Teratas dalam Kumpulan;
- Pelanjutan kontrak Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Pengarah Eksekutif, Pengurusan Teratas Kumpulan dan mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah;
- Perkara-perkara lain yang berkaitan dengan jawatan yang dipegang termasuk penggantungan atau penamatan perkhidmatan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, para Pengarah Eksekutif, Pengurusan Teratas Kumpulan dan mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan kontrak perkhidmatan mereka.

3. Proses pelantikan/pelantikan semula/pemilihan semula dan semua kriteria-kriteria yang terlibat

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, calon-calon untuk Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, termasuk Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan semua jawatan Pengarah di dalam Kumpulan. Ketika membuat cadangan, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan juga mengambilkira calon-calon yang dicadangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa dan dalam lingkungan batas-batas praktikal, oleh mana-mana Pengarah atau pemegang saham.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan juga mengambilkira perwatakan, pengalaman, kecekapan, integriti dan komitmen masa bakal Pengarah, seperti yang ditetapkan oleh Perenggan 2.20A Keperluan Penyeneraian dan juga faktor-faktor berikut:

- kemahiran, pengetahuan dan pengalaman;
- sumbangan dan prestasi;
- perwatakan, profesionalisme dan integriti;
- bilangan jawatan pengarah dan tanggungjawab luar lain yang boleh menjejaskan komitmen Pengarah, termasuk komitmen masa dan sumbangan nilai;
- dalam hal calon untuk jawatan Pengarah Bebas, Jawatankuasa juga hendaklah menilai keupayaan calon dalam menjalankan apa-apa tanggungjawab/fungsi sebagaimana yang diharapkan daripada Pengarah Bebas; dan
- sebelum pelantikan, bakal Pengarah dikehendaki mendedahkan apa-apa kepentingan perniagaan lain yang boleh menyebabkan konflik kepentingan.

Jawatankuasa juga mengkaji dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah bagi tujuan kelulusan berhubung calon bagi jawatan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, dan Pengurusan Teratas Kumpulan.

4. Sumbangan dan komitmen Pengarah

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan hendaklah menyatakan dan menyampaikan jangkaan Lembaga Pengarah mengenai tahap sumbangan dan komitmen masa yang diharapkan daripada mereka, dan mendapatkan komitmen bertulis termasuk anggaran masa yang diperlukan bagi setiap lantikan, dari Pengarah.

5. Induksi dan program pembelajaran berterusan

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah dan membantu pelaksanaan program pembelajaran yang sesuai bagi pelantikan Pengarah baru dan Pengarah yang sedia ada.

6. Penilaian Lembaga Pengarah

- Menilai kecekapan teras yang perlu dan wajar para Pengarah supaya keseimbangan kemahiran, pengalaman, kepakaran dan kepelbagaian yang sesuai dikekalkan dan agar Lembaga Pengarah dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

- b. Menilai, pada setiap tahun, keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, Pengarah secara individu, kebebasan Pengarah Bebas, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah, termasuk Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan memastikan semua taksiran dan penilaian didokumenkan dengan betul;
- c. Menilai hasil Penilaian Lembaga Pengarah dan merangka tindakan sewajarnya yang perlu diambil untuk menangani sebarang jurang yang dikenalpasti daripada proses Penilaian Lembaga Pengarah dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan dan kelulusan;
- d. Mengkaji, pada setiap tahun, kebebasan Pengarah Bebas, sekurang-kurangnya, dengan merujuk kepada takrif "Pengarah Bebas" seperti yang ditetapkan oleh Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian. Tempoh pelantikan Pengarah Bebas tidak boleh melebihi tempoh terkumpul sembilan (9) tahun.

7. Perancangan Barisan Pelapis

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mengkaji dan menyelia pembangunan rangka kerja perancangan barisan pelapis bagi ahli Lembaga Pengarah (termasuk jawatan di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah), Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Lembaga Pengarah Anak Syarikat dan Pengurusan Teratas Kumpulan.

8. Perkara-perkara berkenaan Imbuan

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mengkaji perkara-perkara berkenaan imbuan termasuk polisi yang berkaitan dengan imbuan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengurusan Teratas Kumpulan.

PRESTASI JAWATANKUASA

Lembaga Pengarah akan menilai prestasi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan setiap tahun dan sejauh mana Jawatankuasa telah memenuhi keperluan bidang tugasnya, termasuk syarat-syarat jawatan dan prestasi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini adalah sebahagian daripada Penilaian Keberkesanan Lembaga tahunan, yang berkaitan dengan penilaian Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Butiran penuh Terma Rujukan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan boleh didapati di laman web korporat Syarikat di www.msmsugar.com.

AKTIVITI JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN SEPANJANG TAHUN

Komposisi Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mengkaji dan mengesyorkan dua pengarah baru iaitu Dato' Rosini Abd Samad, Pengarah Bebas dan Datuk Hanapi Suhada, Pengarah Bukan Bebas, yang dicalonkan oleh KPF, pemegang saham utama MSM. Dato' Rosini Abd Samad telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit pada 7 Januari 2015.

Beliau kemudiannya dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan pada 26 Mei 2015.

Pada Disember 2015, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan telah mengesyorkan untuk penamaan semula pelantikan YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid sebagai Pengarah Bukan Bebas setelah menerima surat pencalonan daripada FGV di atas pelantikan beliau sebagai wakil FGV di MSM.

Pembayaran Bonus bagi Tahun Kewangan 2014, kenaikan gaji tahunan 2015 dan penyelarasan gaji

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mengkaji dan mengesyorkan Pembayaran Bonus 2014 dan kenaikan gaji tahunan 2015.

Kenaikan Pangkat Pengurusan Kanan Kumpulan MSM

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mengkaji dan mengesyorkan kenaikan pangkat Pengurusan Kanan Kumpulan MSM selepas mengambilkira penilaian pertengahan tahun yang telah dilengkapkan oleh Jabatan Sumber Manusia pada Julai 2015. Kenaikan pangkat ini adalah selaras dengan pelaksanaan Program Pengharmonian Sumber Manusia yang menyelaraskan proses pengurusan prestasi di seluruh Syarikat Kumpulan MSM.

Penyelarasan pasaran gaji

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mengkaji dan mengesyorkan untuk penyelarasan gaji berdasarkan penemuan penandaaras gaji luaran terutamanya bagi kakitangan dengan gaji di bawah median pasaran gaji.

LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengarah Individu termasuk penilaian Pengarah Bebas

Bagi tahun 2015, penilaian prestasi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Pengarah dan Pengarah Individu telah dijalankan oleh pihak luar yang dilantik seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan. Penilaian adalah mengambilkira faktor kebebasan, konflik kepentingan, keseimbangan kemahiran, pengetahuan mengenai Syarikat dan kepelbagaian. Butiran lanjut mengenai penilaian ini boleh didapati di muka surat 76 hingga 80 Laporan Tahunan ini.

Pelantikan Setiausaha Syarikat Bersama

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mengkaji dan mengesyorkan pelantikan En. Abd Rashid Atan sebagai Setiausaha Syarikat Bersama pada bulan Februari 2015.

Pelantikan Ketua Pegawai Kewangan baru

Jawatankuasa-jawatankuasa telah membincangkan secara terperinci mengenai cadangan pelantikan Ketua Pegawai Kewangan baru sebelum disyorkan kepada Lembaga Pengarah. Pelantikan calon yang berjaya, Puan Aznur Kama Azmir telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada Jun 2015 dan pengumuman awam di Bursa Malaysia telah dibuat dengan sewajarnya.

Pembaharuan Perjanjian Kolektif

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mengkaji dan mengesyorkan pembaharuan Perjanjian Kolektif untuk Kesatuan Pekerja untuk anak-anak syarikat MSM iaitu MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn Bhd.

Pelantikan semula/pemilihan semula Pengarah yang bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) 2015

Para Pengarah yang baru dilantik adalah tertakluk kepada pemilihan di MAT yang pertama selepas pelantikan mereka dan dipilih semula pada setiap MAT berikutnya. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mengesyorkan pemilihan semula pengarah untuk MAT 2015 dan untuk MAT akan datang. Butiran biografi penuh para pengarah masing-masing boleh didapati di muka surat 76 hingga 80 Laporan Tahunan ini.

KENYATAAN OLEH LEMBAGA PANGARAH

Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 31 Mac 2016.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

LEMBAGA PENGARAH MSM DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015.

JAWATANKUASA AUDIT TELAH DITUBUHKAN PADA 25 MAC 2011 UNTUK BERTINDAK SEBAGAI JAWATANKUASA LEMBAGA.

KOMPOSISI DAN MESYUARAT

Lembaga Pengarah yakin bahawa komposisi Jawatankuasa Audit sedia ada menyediakan keseimbangan dari segi kemahiran, pengetahuan dan pengalaman untuk menjaga kepentingan semua pemegang saham dan untuk memenuhi keperluan Kumpulan.

Ahli	Dilantik	Kehadiran
Dato' Rosini Abd Samad (Pengerusi)	Januari 2015	5/5
Dato' Zainal Haji Ismail	Mac 2011	5/5
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari	Mac 2011	5/5
YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid	Mac 2016	T/B

Tiga (3) daripada empat (4) orang ahli termasuk Pengerusi adalah Pengarah Bebas kecuali YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid. Komposisi sedia ada adalah selaras dengan Keperluan Penyenaraian.

Dato' Rosini Abd Samad, Pengerusi Jawatankuasa Audit adalah Pengarah Bebas dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga merupakan Fellow Kehormat CPA Australia. Dato' Rosini Abd Samad telah memenuhi kelayakan yang diperlukan seperti yang ditetapkan dalam perenggan 15.09(1)(c)(i) Keperluan Penyenaraian. YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid merupakan Pengarah Bukan Bebas dan dilantik sebagai ahli tambahan Jawatankuasa Audit berkuatkuasa 1 Mac 2016.

RINGKASAN TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT

Matlamat

Matlamat Jawatankuasa Audit yang ditubuhkan di bawah Keperluan Penyenaraian, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam memenuhi peranan dan tanggungjawabnya dalam hal:

- 1) Menilai risiko-risiko dan kawalan persekitaran;
- 2) Memantau laporan kewangan;
- 3) Menilai proses audit dalaman dan luar dan keputusan;
- 4) Mengkaji percanggahan kepentingan dan urusan pihak berkaitan; dan
- 5) Melaksanakan sebarang fungsi sepertimana yang ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa;

Kewujudan Jawatankuasa Audit tidak melenyapkan tanggungjawab berkanun dan fidusiari utama Lembaga Pengarah bagi membuat keputusan berhubung fungsi dan tugas Jawatankuasa Audit.

Kuasa

Lembaga telah membenarkan Jawatankuasa Audit, dalam skop tugas dan tanggungjawab yang dinyatakan di dalam Terma Rujukan Jawatankuasa Audit untuk:

1. menyasiat sebarang aktiviti atau perkara yang terkandung dalam Terma Rujukannya;
2. mendapatkan sumber-sumber yang diperlukan bagi menjalankan tugasnya;
3. memiliki akses penuh tanpa halangan ke atas sesiapa sahaja di dalam Kumpulan untuk menjalankan apa-apa penyiasatan dan untuk mendapatkan sebarang maklumat berkaitan operasi Kumpulan;
4. memiliki akses penuh tanpa halangan ke atas maklumat yang berkaitan kepada Kumpulan, rekod, hartanah dan kakitangan;
5. mengekalkan saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan Ketua Juruaudit Dalaman (atau setara), dan juga dengan Pengerusi Jawatankuasa Audit;
6. mendapatkan nasihat profesional bebas atau lain-lain bagi membantu Jawatankuasa Audit atau sebarang ahli individu Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugasnya, di mana perbelanjaan akan ditanggung oleh Syarikat dan menurut peruntukan kuasa Jawatankuasa;
7. mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar, juruaudit dalaman atau kedua-duanya, tanpa kehadiran pengarah lain dan kakitangan Kumpulan, apabila perlu; dan
8. bermesyuarat secara eksklusif di kalangan mereka, apabila perlu.

Jawatankuasa Audit boleh memberi kuasa kepada seorang atau lebih daripada seorang ahlinya untuk bertemu atau berkomunikasi dengan juruaudit luar dan/atau juruaudit dalaman secara bebas.

Tanggungjawab Utama dan Tugas

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit antara lain diringkaskan seperti di bawah:

1. **Menilai risiko dan kawalan persekitaran**
 - Mengkaji kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko perniagaan keseluruhan Kumpulan, strategi, dasar dan sistem.
 - Menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman dan risiko, kawalan persekitaran dan keperluan pematuhan Kumpulan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

2. Memantau laporan kewangan

- Mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan bagi tahun berakhir Kumpulan sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Mengkaji dan mencadangkan sebarang perubahan dalam dasar perakaunan atau penambahbaikan dalam sistem kawalan dalaman.
- Mengkaji Laporan Jawatankuasa Audit, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan MSM dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

3. Menilai proses dan keputusan audit dalaman dan luar

- Mengkaji dengan juruaudit luar rancangan audit mereka, penilaian sistem kawalan dalaman, laporan audit, masalah dan cadangan yang timbul daripada audit interim dan akhir, surat pengurusan dan maklum balas dan kecukupan bantuan yang diberikan oleh kakitangan Kumpulan MSM.
- Mengkaji dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai sebarang surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar.
- Mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan semula juruaudit luar termasuk perkara berkaitan dengan yuran audit.
- Memastikan dasar-dasar dan prosedur yang betul diwujudkan dan untuk menilai kesesuaian dan kebebasan juruaudit luar.
- Menetapkan dasar dan prosedur mengenai perkhidmatan bukan audit yang boleh disediakan oleh juruaudit luar dan mengkaji penglibatan bagi memastikan kebebasan mereka dikekalkan.
- Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan skop Juruaudit Dalaman, fungsi, kecekapan dan sumber yang diperuntukkan kepada Kumpulan MSM.
- Meluluskan pelan audit dalaman dan mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah keputusan rancangan audit dalaman yang dijalankan.
- Mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah keberkesanan fungsi audit dalaman termasuk pematuhan Kumpulan MSM dengan Piawaian Antarabangsa Juruaudit Dalaman bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalaman.
- Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah penilaian prestasi Ketua Juruaudit Dalaman.

4. Mengkaji situasi konflik kepentingan dan transaksi pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam Kumpulan termasuk sebarang urusan niaga, prosedur atau tatacara yang menimbulkan persoalan terhadap integriti pengurusan

- Mengkaji sebarang situasi konflik kepentingan dan transaksi pihak berkaitan termasuk urusan niaga yang Berulang Dengan Pihak Berkaitan sedia ada yang mungkin timbul dalam Kumpulan MSM termasuk sebarang urusan niaga, prosedur atau tatacara yang menimbulkan persoalan terhadap integriti Pengurusan.

5. Tanggungjawab lain dan fungsi sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah

- Mengkaji pengaturan di mana kakitangan boleh dengan yakin menimbulkan kebimbangan tentang salah laku yang mungkin dalam laporan kewangan dan lain-lain perkara termasuk apa-apa aduan pemberitahuan maklumat dan laporan siasatan yang diterima daripada Jawatankuasa Pendedahan Maklumat.
- Mengekalkan dan sentiasa mengkaji mekanisme pemberitahuan maklumat serta set prosedur siasatan yang berkesan dan cekap.
- Mempertimbangkan sebarang kebimbangan yang dibangkitkan oleh juruaudit luar yang berkaitan dengan pelanggaran atau ketidaklaksanaan mana-mana kaedah atau perkara-perkara yang boleh menjejaskan secara material kedudukan kewangan Kumpulan MSM.

Penilaian Prestasi

Lembaga Pengarah akan menilai prestasi Jawatankuasa Audit setiap tahun dan sejauh mana Jawatankuasa Audit telah memenuhi keperluan Terma Rujukan, termasuk tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini boleh membentuk sebahagian daripada Penilaian Keberkesanan Lembaga tahunan, yang berkaitan dengan penilaian Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Terma Rujukan Jawatankuasa Audit yang lengkap boleh didapati di laman web korporat Syarikat di www.msmsugar.com.

RINGKASAN AKTIVITI JAWATANKUASA AUDIT SEPANJANG TAHUN

Menilai Risiko dan Persekitaran Kawalan

Menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dengan mengkaji hasil kerja yang dilakukan oleh juruaudit dalaman dan luaran dan perbincangan dengan Pihak Pengurusan atasan.

Memantau Laporan Kewangan

Mengkaji perkara berikut dan kemudiannya mengesyorkan kelulusan mereka kepada Lembaga Pengarah:

- Pengumuman keputusan Kewangan Suku Tahun Belum Diaudit bagi tahun kewangan.
- Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi Kumpulan MSM bagi tahun kewangan 2014 untuk memastikan bahawa laporan kewangan yang dibentangkan memberi gambaran yang benar dan saksama tentang prestasi kewangan Syarikat dan mematuhi keperluan peraturan.
- Cadangan dividen oleh Syarikat adalah sejajar dengan Polisi Dividen.
- Laporan mengenai Jawatankuasa Audit, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman dan Penyata Tadbir Urus Korporat untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun kewangan 2014.

Mengkaji Proses Audit Dalaman

- Mengkaji dan meluluskan pelan tahunan Audit Dalaman Kumpulan, yang disediakan mengikut sistem keutamaan kedudukan berdasarkan penilaian risiko dalam rangkuman audit untuk menyediakan liputan audit yang mencukupi.
- Mengkaji kecukupan kecekapan dan sumber Audit Dalaman Kumpulan FGV untuk melaksanakan pelan tahunan Audit Dalaman Kumpulan.
- Membincangkan laporan audit dalaman dan cadangan dan maklum balas Pengurusan terhadap cadangan ini. Di mana sesuai, Jawatankuasa Audit telah mengarahkan Pengurusan untuk membetulkan dan memperbaiki prosedur kawalan berdasarkan cadangan Audit Dalaman Kumpulan FGV.
- Mengkaji hasil siasatan, termasuk laporan penyiasatan yang timbul daripada aduan pendedahan maklumat, dan memantau kemajuan dan hasil daripada tindakan yang diambil oleh pihak Pengurusan mengenai salah laku, penipuan dan ketidakpatuhan yang telah disahkan.
- Menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman.

Mengkaji Proses Audit Luaran

- Mengkaji dan meluluskan terma penglibatan juruaudit luar, pelan audit dan penyelarasan dengan firma audit lain yang terlibat dalam mengaudit operasi Kumpulan bagi tahun kewangan.
- Mengkaji dan menilai faktor-faktor berkaitan kebebasan juruaudit luar, sebagai tambahan kepada perakuan kebebasan yang telah dibuat oleh juruaudit luar di dalam pelan audit.
- Mengkaji yuran audit luaran dicadangkan bagi skop kerja yang diperlukan bagi tahun kewangan dan mengesyorkan yang sama untuk kelulusan oleh Lembaga Pengarah.
- Mengkaji keputusan dan isu-isu yang timbul daripada audit luaran bagi tahun kewangan dan dari ulasan penyata kewangan separuh tahun dalam tahun kewangan termasuk penyelesaian isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan mereka kepada Jawatankuasa Audit dan maklum balas pihak Pengurusan. Pada tahun 2015, juruaudit luar telah hadir di Mesyuarat Jawatankuasa Audit pada 30 Januari 2015 dan 12 Ogos 2015 di mana mesyuarat telah diadakan tanpa kehadiran Pengurusan.
- Mengkaji penilaian juruaudit luar bagi tahun kewangan 2014 bagi pelantikan semula berdasarkan cadangan daripada Pengurusan dan mengesyorkan yang sama untuk kelulusan oleh Lembaga Pengarah.

Mengkaji Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Mengkaji laporan suku tahunan mengenai Urusniaga Yang Berulang Dengan Pihak Berkaitan (RRPT) bagi memantau transaksi terhadap mandat pemegang saham.
- Mengkaji Pekeliling kepada para pemegang saham untuk mendapatkan mandat Urusniaga Yang Berulang Dengan Pihak Berkaitan yang baru dan sedia ada Kumpulan dan mengesyorkan yang sama untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- Mengkaji laporan audit dalaman mengenai Urusniaga Yang Berulang Dengan Pihak Berkaitan.

POLISI AUDIT LUARAN

Lembaga Pengarah pada 23 Februari 2016 telah meluluskan Polisi Juruaudit Luar (“Polisi”) untuk menyediakan panduan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan firma akauntan profesional yang atau akan dilantik sebagai Ketua Juruaudit Luar untuk audit berkanun Kumpulan MSM.

Polisi ini meliputi pelantikan dan pelantikan semula juruaudit luar, menilai prestasi dan kebebasan mereka, penggiliran rakan kongsi audit, serahan audit dan laporan, penglibatan juruaudit luar bagi perkhidmatan bukan audit dan penyingkiran juruaudit luaran.

KEMASKINI MAKLUMAT BERKAITAN

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit secara konsisten dikemaskini mengenai perubahan kepada piawaian perakaunan dan isu-isu yang berkaitan dengan laporan kewangan melalui mesyuarat suku tahunan.

Sepanjang tahun kewangan 2015, semua ahli Jawatankuasa Audit telah menghadiri pelbagai seminar, program latihan dan persidangan untuk mengikuti perubahan dalam persekitaran industri dan perniagaan. Butiran lanjut adalah seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di bawah Latihan Pengarah di muka surat 108 dalam Laporan ini.

PENILAIAN JAWATANKUASA AUDIT

Pada tahun 2015, Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah yang merangkumi prestasi Jawatankuasa Audit dan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan juga Kebebasan Pengarah Bebas telah dijalankan. Penilaian ini memberi tumpuan kepada struktur dan proses termasuk komposisi, tempoh ahli-ahli Jawatankuasa Audit dan tahap akauntabiliti yang ditunjukkan. Berdasarkan penilaian yang dijalankan, Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa Jawatankuasa Audit dan Pengerusi telah menunjukkan tahap ketekunan yang tinggi, bebas dan komitmen dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Kumpulan dijalankan oleh Audit Dalaman Kumpulan syarikat induk, FGV. Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan memberi laporan terus kepada Jawatankuasa Audit MSM. Pelaksanaan Audit Dalaman Kumpulan adalah berdasarkan kepada Piagam Audit Dalaman Kumpulan yang ditubuhkan selaras dengan keperluan Piawaian Antarabangsa IIA bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalaman.

Ketua Audit Dalaman Kumpulan, Puan Zalily Mohd. Zaman Khan, mengetuai seluruh juruaudit dalaman Kumpulan MSM. Terdapat lima (5) juruaudit dalaman khusus mengaudit Kumpulan MSM sepanjang tahun kewangan. Semua juruaudit dalaman mempunyai kelayakan yang berkaitan dan mempunyai kepakaran yang diperlukan seperti yang dikehendaki berdasarkan keperluan audit Kumpulan

Status Profesional	Bilangan Juruaudit
Ijazah Lanjutan	1
Siswazah	3
Siswazah mengikuti pensijilan Juruaudit Dalaman Bertauliah (CIA)	1
Jumlah	5

Audit Dalaman Kumpulan memberi jaminan bebas dan objektif terhadap kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus Kumpulan yang meliputi semua operasi Kumpulan. Selain peranan jaminan, Audit Dalaman Kumpulan juga menjalankan peranan perundingan dan peranan penyiasatan. Untuk mengekalkan objektif peranan jaminan itu, satu pasukan audit penyiasatan khusus diperuntukkan untuk audit penyiasatan.

Dalam menjalankan audit bebas mereka, Kumpulan Audit Dalaman mengamalkan pendekatan audit dalaman berasaskan risiko dengan memberi tumpuan kepada penilaian kawalan risiko. Setiap tugas audit dalaman dilaksanakan berdasarkan perancangan yang teliti untuk memberi tumpuan kepada pengurusan risiko untuk mencapai objektif; ekonomi, kecekapan dan keberkesanan operasi; melindungi aset; ketepatan, kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat yang dilaporkan; dan mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar-dasar dan prosedur dalaman.

RINGKASAN AKTIVITI FUNGSI AUDIT DALAMAN

Sepanjang tahun kewangan, Audit Dalaman Kumpulan telah menjalankan aktiviti-aktiviti utama berikut:

- Menjalankan audit dalaman mengikut Pelan Tahunan Audit Dalaman Kumpulan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan melaporkan penemuan, cadangan dan tindakan pembedahan Pengurusan kepada Jawatankuasa Audit setiap suku tahun.
- Menjalankan penyiasatan berdasarkan keperluan Jawatankuasa Audit, Pengurusan dan Jawatankuasa Pendedahan dan melaporkan hasil siasatan itu kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan.
- Menjalankan kajian Urusniaga Yang Berulang Dengan Pihak Berkaitan untuk tujuan menyokong kenyataan Jawatankuasa Audit dalam Pekeliling kepada para pemegang saham untuk mendapatkan mandat baru dan sedia ada Urusniaga Yang Berulang Dengan Pihak Berkaitan
- Mengkaji semula deraf dokumen untuk memberikan pendapat mengenai Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman 2014, Laporan Jawatankuasa Audit 2014 dan Penyata Tadbir Urus Korporat 2014.
- Melalui inisiatif di peringkat FGV, mekanisma susulan secara berkala dilaksanakan untuk semua cadangan audit, termasuk susulan daripada perkara yang dilaporkan oleh juruaudit luaran dalam laporan Jawatankuasa Audit. Status pelaksanaan telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Pengurusan di peringkat FGV.

Jumlah kos yang kepada Audit Dalaman Kumpulan FGV bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah RM1,925,878 (2014: RM1,681,973).

KENYATAAN OLEH LEMBAGA PENGARAH

Laporan ini berkenaan Jawatankuasa Audit dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 31 Mac 2016.

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

Selaras dengan pematuhan Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, maklumat berikut diberikan:

- | | |
|---|---|
| <p>1. PENGGUNAAN PENDAPAT DARI CADANGAN-CADANGAN KORPORAT</p> <p>Tiada pendapatan dari cadangan-cadangan korporat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.</p> | <p>6. YURAN BUKAN AUDIT</p> <p>Jumlah yuran bukan audit yang ditanggung bagi perkhidmatan yang diberi kepada Syarikat oleh juruaudit luar, PricewaterhouseCoopers bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 berjumlah RM1,001,202.</p> |
| <p>2. BELIAN BALIK SAHAM</p> <p>Syarikat tidak membuat sebarang cadangan belian balik saham sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.</p> | <p>7. PERUBAHAN DALAM KEPUTUSAN</p> <p>Tiada anggaran keuntungan, ramalan atau unjuran yang dibuat atau disiarkan oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.</p> |
| <p>3. OPSYEN, WARAN DAN SEKURITI BOLEH TUKAR</p> <p>Syarikat tidak menerbitkan sebarang opsyen, waran atau sekuriti boleh tukar sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.</p> | <p>8. JAMINAN KEUNTUNGAN</p> <p>Tiada sebarang jaminan keuntungan yang telah diberikan oleh Syarikat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.</p> |
| <p>4. PROGRAM PENERIMAAN DEPOSITORI AMERIKA (ADR) ATAU PENERIMAAN DEPOSITORI GLOBAL (GDR)</p> <p>Syarikat tidak menaja sebarang program ADR atau GDR sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.</p> | <p>9. KONTRAK PENTING</p> <p>Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dan/atau sehingga penghujung tahun kewangan sebelumnya, Syarikat dan/atau anak-anak syarikat menandatangani perjanjian untuk pinjaman berjangka-i/kredit berdokumen-I sehingga RM1.25 bilion dengan CIMB Islamic dan HSBC Amanah Malaysia Berhad bagi membiayai loji penapisan baru di Pusat Perindustrian Tanjung Langsung, Pasir Gudang, Johor ("Tanah Projek").</p> |
| <p>5. SEKATAN DAN/ATAU PENALTI PENTING</p> <p>Tidak ada sekatan dan/atau penalti penting yang dikenakan ke atas Syarikat, anak-anak syarikatnya, para Pengarah atau Pengurusannya, oleh badan-badan kawal selia yang berkaitan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.</p> | |

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

10. PENDEDAHAN URUSNIAGA-URUSNIAGA BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN YANG BERBENTUK HASIL (RRPT)

Pihak Berurusniaga	Jenis hubungan	Jenis Urusniaga	Nilai urusniaga bagi tahun berakhir 31 Disember	
			2015 (anggaran) RM'000	2015 (sebenar) RM'000
Felda Trading and MSM Prai Berhad (MSM Prai)	<u>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) <u>Pengarah berkepentingan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • Nil 	Penjualan gula	30,000	21,792
MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) and FGV	<u>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <u>Pengarah berkepentingan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad • YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid • Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah 	Yuran Pengurusan	9,000	5,800
MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) and Felda Prodata	<u>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • KPF • FGV • FELDA • FAHC <u>Pengarah berkepentingan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad • Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah 	Penyediaan perkhidmatan teknologi maklumat (IT)	1,000	327

10. PENDEDAHAN URUSNIAGA-URUSNIAGA BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN YANG BERBENTUK HASIL (RRPT) (SAMBUNGAN)

Pihak Berurusniaga	Jenis hubungan	Jenis Urusniaga	Nilai urusniaga bagi tahun berakhir 31 Disember	
			2015 (anggaran) RM'000	2015 (sebenar) RM'000
MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) and Felda Security	<u>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • KPF • FGV • FAHC • FELDA <u>Pengarah berkepentingan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad 	Penyediaan perkhidmatan keselamatan	1,500	596
MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) and FELDA	<u>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • FAHC • FGV <u>Pengarah berkepentingan:</u> <ul style="list-style-type: none"> • YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad • YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid • Datuk Hanapi Suhada 	Sewaan pejabat: <u>Alamat:</u> Aras 44, Menara Felda, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur <u>Saiz:</u> 14,596 kaki persegi <u>Tempoh:</u> 1 September 2012 – 31 Ogos 2015* <u>Bayaran sewa:</u> bulanan	1,500	1,376

Nota: Perjanjian Sewaan Pejabat pada masa ini tertakluk kepada penelitian akhir syarat antara MSM Holdings dan FELDA.



PENYATA KEWANGAN

127. Penyata Tanggungjawab Pengarah / 128. Laporan Para Pengarah / 132. Penyata Para Pengarah / 132. Perakuan Berkanun / 133. Laporan
Juruaudit Bebas / 135. Penyata Pendapatan Komprehensif / 136. Penyata Kedudukan Kewangan / 138. Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan
/ 139. Penyata Perubahan Dalam Ekuiti / 140. Penyata Aliran Tunai / 142. Nota kepada Penyata Kewangan / 199. Maklumat Tambahan

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH

Akta Syarikat, 1965 mengkehendaki para pengarah menyediakan penyata kewangan (termasuk penyata kedudukan kewangan yang disatukan dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan kumpulan) bagi setiap tahun kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) bagi entiti-entiti selain daripada entiti-entiti swasta dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan keperluan penyenaian pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia), bagi membentangkan penyata kewangan syarikat di mesyuarat agung tahunannya.

Disertakan di muka surat 135 hingga 198 Laporan Tahunan ini adalah penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. Akta Syarikat, 1965 meletakkan tanggungjawab ke atas para Pengarah bagi mereka memastikan bahawa penyata kedudukan kewangan yang disatukan memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai urusan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai keputusan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Dalam melaksanakan tanggungjawab mereka mengikut undang-undang, para Pengarah bergantung kepada sistem kawalan dalaman Kumpulan bagi memberikan mereka kepercayaan munasabah bahawa rekod perakaunan Kumpulan dan rekod-rekod lain yang berkaitan yang diuruskan oleh Kumpulan membolehkan para Pengarah menjelaskan urusan niaga dan kedudukan kewangan Kumpulan dengan sewajarnya. Ini juga membolehkan para Pengarah memastikan bahawa penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan serta dokumen-dokumen lain yang disertakan adalah benar dan saksama selaras dengan keperluan Akta Syarikat, 1965, dan disediakan bagi tahun kewangan berkait kepada penyata kewangan tersebut.

Akta Syarikat, 1965 juga memerlukan para Pengarah memastikan bahawa Syarikat menyimpan segala rekod perakaunan dan lain-lain rekod di dalam keadaan di mana para Pengarah boleh menjelaskan urusan niaga dan kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan dengan sewajarnya, dan menyediakan penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan serta dokumen-dokumen lain yang disertakan adalah benar dan saksama, dan juga membolehkan rekod-rekod perakaunan tersebut diaudit dengan mudah dan sewajarnya.

Para Pengarah juga memiliki tanggungjawab am untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi melindungi aset Kumpulan dan Syarikat serta mengesan dan membanteras penipuan dan kesalahan-kesalahan lain.

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama dengan penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dinyatakan dalam Nota 18 kepada penyata kewangan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan bagi Kumpulan dan Syarikat ini dalam tahun kewangan.

KEPUTUSAN-KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	275,296	182,352

DIVIDEN

Dividen ke atas saham-saham biasa dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014:	
Dividen akhir satu peringkat sebanyak 14 sen setiap saham, dibayar pada 2 Julai 2015	98,417
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015:	
Dividen interim satu peringkat sebanyak 12 sen setiap saham, dibayar pada 29 Disember 2015	84,358
	182,775

Lembaga Pengarah mengesyorkan bayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak 14 sen setiap saham berjumlah RM98.42 juta yang tidak dikenakan cukai di tangan pemegang-pemegang saham selaras dengan perenggan 12B Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967, tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan material kepada dan daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini dinyatakan dalam penyata kewangan.

TERBITAN SAHAM-SAHAM

Syarikat tidak menerbitkan sebarang saham atau debentur dalam tahun kewangan.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir adalah seperti berikut:

YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad
 Dato' Zainal Haji Ismail
 Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari
 YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid
 Datuk Lim Thean Shiang
 Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah
 Dato' Rosini Abd Samad
 Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod
 Datuk Hanapi Suhada
 Datuk Haji Faizoull Ahmad

(Dilantik pada 7 Oktober 2015)
 (Bersara pada 2 Jun 2015)

MANFAAT PARA PENGARAH

Semasa dan pada akhir tahun kewangan, tiada perancangan diatur di mana Syarikat merupakan satu pihak, kepada sebarang perancangan dengan tujuan atau tujuan-tujuan bagi membolehkan para Pengarah Syarikat untuk memperoleh manfaat melalui perolehan saham, atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima manfaat (selain daripada sebagaimana dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana beliau adalah ahli, atau dengan Syarikat dalam mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Mengikut Daftar Pemegangan Saham Pengarah, para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dan kepentingan mereka dalam saham-saham Syarikat dan perbadanan-perbadanan berkaitannya adalah seperti berikut:

Pemegangan saham dalam MSM Malaysia Holdings Berhad

	Bilangan saham biasa bernilai RM0.50 sesaham			
	Pada 1.1.2015	Diperolehi	(Dilupuskan)	Pada 31.12.2015
YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad	20,000	–	–	20,000
Dato' Zainal Haji Ismail	20,000	–	–	20,000
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari	20,000	–	–	20,000

LAPORAN PARA PENGARAH

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR (SAMBUNGAN)

Pemegangan saham dalam Felda Global Ventures Holdings Berhad, syarikat pemegang utama

	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham			
	Pada 1.1.2015	Diperolehi	(Dilupuskan)	Pada 31.12.2015
YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad	180,000	–	–	180,000
YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid	150,000	–	(145,000)	5,000
Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah	150,000	–	–	150,000

Selain daripada yang dinyatakan di atas, menurut Daftar Pegangan Saham Pengarah, para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam saham dan opsyen ke atas saham dalam Syarikat atau saham, opsyen ke atas saham dan debentur syarikat-syarikat yang berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

- untuk memastikan agar tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan pelupusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
- untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan untuk direalisasikan dalam perjalanan biasa perniagaan, nilainya ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilai kepada satu jumlah mungkin dijangkakan dapat direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

- yang mungkin menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang ketara; atau
- yang mungkin menjadikan nilai dikaitkan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- yang telah timbul dan menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.

Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang gadaian ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti manamana orang lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari akan sebarang keadaan yang dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang mungkin menjadikan mana-mana jumlah dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah,

- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan
- (b) tidak timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang berkemungkinan akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan dilaporkan.

SYARIKAT PEMEGANGAN UTAMA

Para Pengarah menganggap Felda Global Ventures Holdings Berhad, sebuah syarikat diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, sebagai syarikat pemegang utama.


JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi bertarikh 21 Mac 2016.



YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
PENGERUSI



DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD
PENGARAH

Kuala Lumpur

PENYATA PARA PENGARAH

MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT, 1965


Kami, Tan Sri Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad dan Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod, dua daripada Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, set penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 135 hingga 198 disediakan untuk memberikan gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965.

Maklumat tambahan yang dinyatakan dalam Nota 41 pada muka surat 199 telah disediakan selaras dengan Garis Panduan mengenai Perkara Khas No.1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalis dan Tidak Direalis dalam Konteks Pendedahan Selaras Dengan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, sebagaimana dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi bertarikh 21 Mac 2016.



YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
PENGERUSI



DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD
PENGARAH

Kuala Lumpur

PERAKUAN BERKANUN

MENURUT SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT, 1965


Saya, Aznur Kama Azmir, sebagai pegawai utama bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan MSM Malaysia Holdings Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya memperakui bahawa, set penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 135 hingga 198 adalah, pada pendapat saya, betul dan saya membuat perakuan ini dengan secara sedar dipercayai yang sama sebagai benar, dan selaras dengan peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.



AZNUR KAMA AZMIR

Ditandatangani dan sesungguhnya diperakui di hadapan saya oleh Aznur Kama Azmir di Kuala Lumpur dalam Malaysia pada 21 Mac 2016, di hadapan saya.

PESURUHJAYA SUMPAH



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia) (No. Syarikat. 935722 K)

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan MSM Malaysia Holdings Berhad pada muka surat 135 hingga 198, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015 Kumpulan dan Syarikat, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada ketika itu, dan ringkasan polisi-polisi perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, sebagaimana dikemukakan pada Nota 1 hingga 40.

Tanggungjawab para Pengarah Bagi Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran sebenar dan saksama selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman tertentu sebagaimana para Pengarah putuskan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang adalah bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan oleh penyelewengan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami melaksanakan audit kami selaras dengan piawaian-piawaian diluluskan mengenai pengauditan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini memerlukan agar kami mematuhi syarat-syarat etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan munasabah mengenai sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyataan material.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyataan material penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penyelewengan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami menimbangkan kawalan dalaman yang berkenaan kepada penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran sebenar dan saksama untuk mereka prosedur-prosedur audit yang sesuai dalam keadaan-keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh para Pengarah, serta juga menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit kami yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberikan gambaran sebenar dan saksama kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan dan keperluan-keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disusun dengan teratur selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta.
- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat dalam bentuk dan kandungan sewajarnya dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan memuaskan yang diperlukan oleh kami untuk tujuan tersebut.
- (c) Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan anak-anak syarikat tidak mengandungi sebarang syarat atau sebarang ulasan kurang baik yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta.

LAIN-LAIN TANGGUNGJAWAB PELAPORAN

Maklumat tambahan dinyatakan dalam Nota 41 pada muka surat 199 dinyatakan untuk memenuhi keperluan Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan sebahagian daripada penyata kewangan. Para Pengarah bertanggungjawab bagi penyediaan maklumat tambahan selaras dengan Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalis dan Tidak Direalis dalam Konteks Pendedahan Selaras dengan Syarat-syarat Penyenaian Bursa Malaysia, sebagaimana dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("Panduan MIA") dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, maklumat tambahan disediakan dalam semua hubungan material, selaras dengan Panduan MIA dan arahan Bursa Malaysia.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain bagi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS

(No. AF: 1146)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
21 Mac 2016

AZIZAN BIN ZAKARIA

(No. 2930/05/16 (J))
Akauntan Bertauliah

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Hasil	6	2,307,263	2,281,493	210,957	183,425
Kos jualan		(1,818,173)	(1,814,139)	(25,008)	(9,772)
Keuntungan kasar		489,090	467,354	185,949	173,653
Lain-lain pendapatan kendalian	7	4,686	6,169	–	–
Perbelanjaan jualan dan pengedaran		(71,914)	(75,402)	–	–
Perbelanjaan pentadbiran		(70,734)	(53,122)	–	–
Lain-lain perbelanjaan kendalian		(5,085)	(5,527)	–	–
Lain-lain perbelanjaan kendalian	8	25,769	(4,345)	–	–
Keuntungan daripada operasi		371,812	335,127	185,949	173,653
Pendapatan kewangan	9	7,862	12,891	–	–
Kos kewangan	9	(7,546)	(3,719)	–	–
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	10	372,128	344,299	185,949	173,653
Zakat	11	(5,000)	(4,500)	(500)	(150)
Cukai	12	(91,832)	(82,786)	(3,097)	(1,006)
Keuntungan bagi tahun kewangan		275,296	257,013	182,352	172,497
Lain-lain pendapatan komprehensif		–	–	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat		275,296	257,013	182,352	172,497
Perolehan asas setiap saham boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat (sen)	13	39.16	36.56		

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
ASET					
<u>Aset bukan semasa</u>					
Hartanah, loji dan peralatan	15	660,615	473,975	91,063	1,731
Bayaran pajakan prabayar	16	687	775	–	–
Aset tidak ketara	17	648,474	649,557	928	420
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	18	–	–	2,027,406	2,022,929
Aset biologi	19	41,392	33,590	–	–
Pinjaman kepada anak-anak syarikat	20	–	–	35,000	35,000
Penghutang	21	16,533	6,651	–	–
		1,367,701	1,164,548	2,154,397	2,060,080
<u>Aset semasa</u>					
Inventori	22	729,910	674,270	–	–
Penghutang	21	500,294	202,440	6,118	60
Cukai boleh didapati semula		277	3,015	277	1,104
Jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat	23	–	–	155,935	15,895
Jumlah terhutang daripada lain-lain syarikat berkaitan	24	1	3,875	–	–
Pinjaman kepada anak-anak syarikat	20	–	–	143,200	157,000
Aset kewangan derivatif	26	313	38	–	–
Deposit, tunai dan baki di bank	27	123,902	469,999	19,512	234,657
		1,354,697	1,353,637	325,042	408,716
Aset dipegang untuk jualan	28	7	18	–	–
Jumlah Aset		2,722,405	2,518,203	2,479,439	2,468,796

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
EKUITI DAN LIABILITI					
<u>Modal dan rizab</u>					
Modal saham	29	351,490	351,490	351,490	351,490
Premium saham	30	366,765	366,765	366,765	366,765
Defisit penyusunan semula	30	(1,039,632)	(1,039,632)	–	–
Rizab relief penggabungan	30	1,733,939	1,733,939	1,733,939	1,733,939
Perolehan tertahan	30	624,454	531,933	5,534	5,957
Ekuiti boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat		2,037,016	1,944,495	2,457,728	2,458,151
<u>Liabiliti bukan semasa</u>					
Liabiliti cukai tertunda	31	75,378	76,699	–	–
		75,378	76,699	–	–
<u>Liabiliti semasa</u>					
Pemiutang	32	176,197	231,216	12,415	7,172
Jumlah terhutang kepada anak-anak syarikat	23	–	–	5,362	309
Jumlah terhutang kepada lain-lain syarikat berkaitan	24	510	2,336	133	2,025
Jumlah terhutang kepada syarikat pemegang utama	25	11,785	8,918	3,483	1,139
Pinjaman Matang kepada syarikat berkaitan	24	60,000	–	–	–
Pinjaman	33	359,537	248,390	–	–
Liabiliti cukai semasa		1,982	6,149	318	–
		610,011	497,009	21,711	10,645
Jumlah liabiliti		685,389	573,708	21,711	10,645
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		2,722,405	2,518,203	2,479,439	2,468,796

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI DISATUKAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	Modal saham (Nota 29) RM'000	Premium saham (Nota 30) RM'000	Defisit- penyusunan semula (Nota 30) RM'000	Rizab relief penggabungan (Nota 30) RM'000	Perolehan tertahan (Nota 30) RM'000	Jumlah RM'000
<u>Kumpulan</u>							
Pada 1 Januari 2015		351,490	366,765	(1,039,632)	1,733,939	531,933	1,944,495
Jumlah pendapatan komprehensif		-	-	-	-	275,296	275,296
<u>Urus niaga dengan pemilik-pemilik:</u>							
Dividen	14	-	-	-	-	(182,775)	(182,775)
Pada 31 Disember 2015		351,490	366,765	(1,039,632)	1,733,939	624,454	2,037,016
<u>Pada 1 Januari 2014</u>							
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		351,490	366,765	(1,039,632)	1,733,939	443,635	1,856,197
Jumlah pendapatan komprehensif		-	-	-	-	257,013	257,013
<u>Jumlah pendapatan komprehensif</u>							
Dividen	14	-	-	-	-	(168,715)	(168,715)
Pada 31 Disember 2014		351,490	366,765	(1,039,632)	1,733,939	531,933	1,944,495

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	Modal saham (Nota 29) RM'000	Premium saham (Nota 30) RM'000	Rizab relief penggabungan (Nota 30) RM'000	Perolehan Tertahan (Nota 30) RM'000	Jumlah RM'000
<u>Syarikat</u>						
Pada 1 Januari 2015		351,490	366,765	1,733,939	5,957	2,458,151
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	182,352	182,352
<u>Urus niaga dengan pemilik-pemilik:</u>						
Dividen	14	-	-	-	(182,775)	(182,775)
Pada 31 Disember 2015		351,490	366,765	1,733,939	5,534	2,457,728
<u>Syarikat</u>						
Pada 1 Januari 2014		351,490	366,765	1,733,939	2,175	2,454,369
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	172,497	172,497
<u>Urus niaga dengan pemilik-pemilik:</u>						
Dividen	14	-	-	-	(168,715)	(168,715)
Pada 31 Disember 2014		351,490	366,765	1,733,939	5,957	2,458,151

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN				
Keuntungan bagi tahun kewangan	275,296	257,013	182,352	172,497
Pelarasan bagi:				
Cukai	91,832	82,786	3,097	1,006
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	37,979	43,842	1,412	146
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan – bersih	95	(11)	–	–
Keuntungan atas pelupusan aset dipegang untuk jualan	(22)	(57)	–	–
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	1,681	342	317	119
Pelunasan bayaran pajakan prabayar	88	73	–	–
Pelunasan aset tidak ketara	3,315	3,228	77	2
Pelunasan bayaran terdahulu	928	773	–	–
Keuntungan tidak direalis ke atas derivatif	(313)	(38)	–	–
Pendapatan dividen	–	–	(188,775)	(168,715)
Pendapatan faedah	(7,862)	(12,891)	(12,100)	(14,710)
Perbelanjaan faedah	7,546	3,719	–	–
Pelunasan aset biologi	1	1	–	–
Keterbalikan kerosotan nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan	(2,956)	–	–	–
Keuntungan tidak direalis ke atas terjemahan pertukaran asing	19	(3,248)	–	–
Zakat	5,000	4,500	500	150
	412,627	380,032	(13,120)	(9,505)
Keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja:				
Inventori	(55,640)	(103,408)	–	–
Penghutang	(282,970)	7,986	(6,058)	(53)
Pemiutang	(73,236)	38,144	5,878	1,232
Antara syarikat	4,914	3,381	(6,667)	(5,797)
Tunai dihasilkan daripada/(digunakan dalam) operasi	5,695	326,135	(19,967)	(14,123)
Zakat dibayar	(5,000)	(4,500)	(500)	(150)
Cukai dibayar	(91,724)	(81,791)	(2,588)	(533)
Tunai bersih dihasilkan daripada/ (digunakan dalam) kegiatan kendalian	(91,029)	239,844	(23,055)	(14,806)

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN					
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	35	(224,360)	(70,885)	(91,751)	(1,451)
Pembelian aset tidak ketara		(2,140)	(1,083)	(493)	(287)
Perolehan daripada pelupusan hartanah loji dan peralatan		829	307	599	–
Perolehan daripada pelupusan aset dipegang untuk jualan		33	75	–	–
Aset biologi tambahan		(7,803)	(10,227)	–	–
Tambahan bayaran pemajakan prabayar		–	(202)	–	–
Faedah diterima		1,655	2,286	12,100	14,709
Dividen diterima		–	–	188,775	168,715
Pinjaman kepada anak-anak syarikat		–	–	(178,200)	(192,000)
Bayaran balik pinjaman oleh anak-anak syarikat		–	–	192,000	202,000
Pelaburan dalam anak-anak syarikat		–	–	(4,477)	–
Pembayaran bagi pihak anak syarikat		–	–	(127,868)	–
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada kegiatan pelaburan		(231,786)	(79,729)	(9,315)	191,686
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN					
Pengeluaran pinjaman daripada syarikat berkaitan		60,000	–	–	–
Pengeluaran pinjaman		1,039,276	1,081,690	–	–
Bayaran balik pinjaman		(928,551)	(862,300)	–	–
Dividen dibayar		(182,775)	(168,715)	(182,775)	(168,715)
Faedah dibayar		(11,232)	(7,945)	–	–
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) kegiatan pembiayaan		(23,282)	42,730	(182,775)	(168,715)
PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI		(346,097)	202,845	(215,145)	8,165
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN		469,999	267,154	234,657	226,492
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	27	123,902	469,999	19,512	234,657

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1 MAKLUMAT AM

Syarikat telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat awam berhad. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Aras 45, Menara Felda, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur. Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Aras 44, Menara Felda, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dikemukakan dalam Nota 18 penyata kewangan. Tiada perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama Syarikat semasa tahun kewangan.

Syarikat adalah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia, dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Syarikat pemegang utama adalah Felda Global Ventures Holdings Berhad (“FGVH”), syarikat yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia, dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

2 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan (“FRS”) dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Kumpulan termasuk entiti-entiti peralihan dan telah memilih untuk terus menggunakan FRS dalam tahun kewangan. Kumpulan akan menerima pakai rangka kerja mematuhi IFRS yang baru, Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) bagi tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2017. Dalam menerima pakai rangka kerja baru, Kumpulan akan menggunakan MFRS 1 “Penerimaan pakai kali pertama MFRS”.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam penyata polisi individu dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi FRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan penting tertentu. Ia memerlukan para Pengarah membuat anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah aset dan liabiliti dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti bersyarat pada tarikh penyata kewangan dan jumlah hasil dan perbelanjaan dilaporkan dalam tempoh dilaporkan.

Keputusan-keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran ini. Ia juga memerlukan pengurusan untuk melaksanakan pertimbangan dalam proses menggunakan polisi-polisi perakaunan Kumpulan dan Syarikat. Bidang-bidang melibatkan tahap pertimbangan kekompleksan lebih tinggi, atau bidang-bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 5.

2 ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(i) Pengumuman perakaunan yang berkesan dan telah diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat pada 1 Januari 2015:

- Putaran Penambahbaikan Tahunan kepada IFRS 2010 - 2012 (Pindaan kepada FRS 2 'Bayaran Berasaskan Saham', FRS 3 'Perniagaan', FRS 8 'Segmen Operasi', FRS 13 'Pengukuran Nilai Saksama', FRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan', FRS 124' Pendedahan Pihak Berkaitan dan FRS 138 'Aset Tidak ketara')
- Putaran Penambahbaikan Tahunan kepada IFRS 2010 - 2012 (Pindaan kepada FRS 2 'Bayaran Berasaskan Saham', FRS 3 'Perniagaan', FRS 8 'Segmen Operasi', FRS 13 'Pengukuran Nilai Saksama', FRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan', FRS 124' Pendedahan Pihak Berkaitan dan FRS 138 'Aset Tidak ketara')

Menerimaipakai Putaran Penambahbaikan Tahunan kepada IFRS 2010 – 2012 mempunyai memerlukan pendedahan tambahan mengenai pengagregatan segmen. Selain daripada itu, penggunaan pindaan ini tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas semasa atau mana-mana tahun sebelumnya dan tidak mungkin memberi kesan kepada tempoh masa hadapan.

(ii) Pengumuman perakaunan yang belum dikuatkuasakan dan belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat:

Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016 dengan permohonan yang terdahulu dibenarkan

- Pindaan kepada FRS 101 'Pembentangan Penyata Kewangan' – Inisiatif Pendedahan
- Pindaan kepada FRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan' dan FRS 138 'Aset Tidak Ketara' – Penjelasan kaedah susut nilai dan pelunasan yang boleh diterima
- Pindaan kepada FRS 127 'Penyata Kewangan Berasingan' – Perakaunan ekuiti dalam penyata kewangan berasingan
- Pindaan kepada FRS 10 'Penyata Kewangan Disatukan' dan FRS 128 'Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama' – Jualan atau sumbangan aset antara pelabur dan syarikat-syarikat bersekutu/usaha samanya
- Pindaan kepada FRS 10 'Penyata Kewangan Disatukan', 'Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain' FRS 12 dan Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama' FRS 128 – entiti Pelaburan: memohon pengecualian penyatuan
- Penambahbaikan Tahunan kepada IFRS 2012 – 2014 (Pindaan kepada Aset Bukan Semasa FRS 5 'Dipegang untuk Jualan dan Operasi Dihentikan', FRS 7 'Instrumen Kewangan: Pendedahan', FRS 119 'Manfaat Pekerja' dan FRS 134 'Laporan Kewangan Interim')

Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 dengan permohonan yang terdahulu dibenarkan

- MFRS 9 'Instrumen Kewangan'
- IFRS 15 'Hasil'
- Pindaan kepada FRS 141 'Pertanian: Tanaman pembawa' (berkuat kuasa 1 Januari 2016, tetapi diterima pakai oleh Kumpulan selepas 1 Januari 2018 selepas penggunaan MFRS)

Kesan pengumuman perakaunan di atas kini sedang dinilai oleh para Pengarah.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya:

(a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan semua anak-anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun. Anak-anak syarikat adalah semua entiti (termasuk entiti berstruktur) ke atas yang mana Kumpulan mempunyai kawalan. Kumpulan mengawal entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak kepada, pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti yang mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh bila mana kawalan dipindah kepada Kumpulan. Ia dinyahsatukan dari tarikh kawalan berhenti.

Perakaunan pengambilalihan

Kaedah pengambilalihan perakaunan digunakan untuk mengakaunkan pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan. Pertimbangan dipindah bagi pengambilalihan anak syarikat adalah nilai saksama aset dipindah, liabiliti ditanggung bekas pemilik syarikat mengambil alih dan kepentingan ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan. Pertimbangan dipindah termasuk nilai saksama sebarang aset atau liabiliti berpunca daripada pengaturan pertimbangan bersyarat. Kos berkaitan pengambilalihan dijadikan perbelanjaan apabila ditanggung. Aset-aset boleh dikenal pasti diambil alih dan liabiliti dan liabiliti bersyarat diambil alih dalam kombinasi perniagaan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap kepentingan tak mengawal. Kumpulan mengiktiraf mana-mana kepentingan tak mengawal dalam syarikat mengambil alih atas dasar pengambilalihan-demi-pengambilalihan, sama ada pada nilai saksama atau bahagian berkadar kepentingan tak mengawal daripada jumlah diiktiraf aset bersih boleh dikenal pasti syarikat diambil alih. Pada akhir tempoh pelaporan, kepentingan tak mengawal terdiri daripada jumlah dikira pada tarikh kombinasi dan bahagian daripada perubahannya dalam ekuiti anak syarikat sejak tarikh kombinasi.

Sekiranya kombinasi perniagaan dicapai secara berperingkat, tarikh pengambilalihan nilai dibawa kepentingan ekuiti dipegang oleh syarikat mengambil alih sebelumnya dalam syarikat yang diambil alih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui keuntungan atau kerugian.

Sebarang pertimbangan bersyarat yang akan dipindah oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan-perubahan berikutnya kepada nilai saksama pertimbangan bersyarat yang dianggap sebagai aset atau liabiliti diiktiraf selaras dengan FRS 139 sama ada dalam keuntungan atau kerugian atau sebagai perubahan kepada lain-lain pendapatan komprehensif. Pertimbangan bersyarat yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula, dan penyelesaian berikutnya diakaunkan dalam ekuiti.

Lebih pertimbangan dipindah, jumlah mana-mana kepentingan tak mengawal dalam syarikat yang diambil alih dan tarikh pengambilalihan nilai saksama akan mana-mana kepentingan ekuiti sebelum ini dalam syarikat diambil alih ke atas nilai saksama aset bersih boleh dikenal pasti diambil alih diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya jumlah pertimbangan dipindah, kepentingan tak mengawal diiktiraf dan kepentingan dipegang sebelum ini diukur adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih anak syarikat diambil alih dalam kes tawaran pembelian, perbezaan diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian (Nota 3(d)).

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat (sambungan)

Perakaunan dengan syarikat-syarikat terdahulu

Pengambilalihan anak-anak syarikat dan perniagaan-perniagaan di bawah kawalan bersama yang memenuhi syarat-syarat penggabungan diakaunkan dengan menggunakan asas perakaunan terdahulu.

Di bawah kaedah perakaunan syarikat-syarikat terdahulu, keputusan anak-anak syarikat atau perniagaan di bawah kawalan bersama dibentangkan seolah-olah penggabungan telah berlaku di sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti digabung diakaunkan berdasarkan jumlah dibawa daripada perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh pindahan. Apabila perniagaan digabungkan, kos penggabungan dibatalkan dengan nilai saham yang diterima. Sebarang kredit terhasil atau perbezaan debit dikelaskan sebagai rizab penyusunan semula organisasi. Sebarang saham premium, rizab tebusan modal dan sebarang rizab lain yang berpunca daripada modal saham entiti gabungan, kepada tahap di mana ianya tidak dipermodalkan oleh perbezaan debit, dikelaskan dan dibentangkan sebagai pergerakan di dalam rizab modal lain.

Urus niaga antara syarikat, baki dan keuntungan tidak direalis ke atas urus niaga antara syarikat-syarikat Kumpulan dihapus kira, kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan kos tidak boleh dipulih semula. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan kekonsistenan dengan polisi-polisi yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Kepentingan bukan mengawal adalah ekuiti dalam anak syarikat yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada syarikat induk. Menurut pengambilalihan demi pengambilalihan, Kumpulan mengukur apa jua kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih kadar bahagian kepentingan bukan kawalan dalam aset bersih boleh dikenal pasti. Pada tempoh pelaporan akhir, kepentingan bukan kawalan terdiri daripada amaun yang dikira pada tarikh kombinasi dan bahagiannya dalam perubahan dalam ekuiti subsidiari sejak tarikh gabungan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan subsidiari adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan dalam aset bersihnya pada tarikh pelupusan termasuk jumlah terkumpul sebarang perbezaan pertukaran atau rizab lain yang berkaitan dengan syarikat subsidiari dan diiktiraf di keuntungan atau kerugian.

Semua perolehan dan kerugian anak syarikat dikaitkan kepada syarikat induk dan kepentingan tak mengawal, walaupun sekiranya pengaitan kerugian kepada kepentingan tak mengawal mengakibatkan baki debit dalam kepentingan tak mengawal.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam anak-anak syarikat ditunjukkan pada kos tolak kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, jumlah dibawa pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperoleh semulanya (Nota 3(g)).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(b) Perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam anak-anak syarikat tanpa perubahan kawalan

Urus niaga dengan kepentingan tak mengawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diakaunkan sebagai urus niaga ekuiti – iaitu, sebagai urus niaga dengan pemilik-pemilik dalam keupayaan mereka sebagai pemilik-pemilik. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang pertimbangan dibayar dan saham berkenaan diambil alih nilai dibawa aset bersih anak syarikat direkodkan dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan kepada kepentingan tak mengawal juga direkodkan dalam ekuiti.

(c) Pelupusan anak-anak syarikat

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan mana-mana kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksamanya pada tarikh apabila kawalan hilang, dengan perubahan dalam jumlah dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Nilai saksama adalah jumlah dibawa pada awal bagi tujuan perakaunan berikutnya bagi kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Selain itu, sebarang jumlah diiktiraf sebelum ini dalam lain-lain pendapatan komprehensif berhubung dengan entiti tersebut diakaunkan seolah-olah Kumpulan secara langsung telah melupuskan aset atau liabiliti berkaitan. Ini mungkin bermaksud jumlah diiktiraf sebelum ini dalam lain-lain pendapatan komprehensif dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian.

(d) Muhibah

Muhibah mewakili lebih kos pengambilalihan anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti dikawal bersama ke atas bahagian Kumpulan daripada nilai saksama aset bersihnya yang boleh dikenal pasti termasuk liabiliti bersyarat pada tarikh pengambilalihan. Muhibah atas pengambilalihan berhubung dengan anak syarikat dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan sebagai aset tidak ketara, atau sekiranya timbul berhubung dengan syarikat bersekutu atau entiti dikawal bersama, dimasukkan dalam pelaburan dalam syarikat bersekutu atau entiti dikawal bersama. Muhibah negatif mewakili sejumlah Pertimbangan yang dipindahkan, kepentingan bukan kawalan diiktiraf dan sebelum ini memegang kepentingan diukur kurang daripada di mana nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih dalam kes pembelian murah, perbezanya diiktiraf terus dalam penyata kerugian.

Untuk tujuan pengujian kerosotan nilai, muhibah diambil alih dalam kombinasi perniagaan diperuntukkan kepada setiap unit penghasilan tunai ("CGU"), atau kumpulan CGU yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi-sinergi kombinasi. Setiap unit atau kumpulan unit kepada yang mana muhibah diperuntukkan mewakili tahap paling rendah dalam entiti pada mana muhibah diawasi bagi tujuan pengurusan dalaman.

Samakan kerosotan nilai muhibah dilaksanakan secara tahunan atau dengan lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan potensi kerosotan nilai. Nilai dibawa muhibah dibandingkan dengan jumlah boleh diperoleh semula, yang merupakan nilai dalam penggunaan dan nilai saksama yang mana lebih tinggi tolak kos untuk menjual. Sebarang kerosotan nilai diiktiraf dengan serta-merta sebagai perbelanjaan dan tidak diterbalikkan kemudiannya.

(e) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara diperoleh secara berasingan diukur atas pengiktirafan awal pada kos. Kos aset tidak ketara diperoleh dalam kombinasi perniagaan adalah nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Berikutan pengiktirafan awal, aset tidak ketara dibawa pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Hayat berguna aset tidak ketara dinilai sama ada sebagai pasti atau tidak pasti. Aset tidak ketara dengan hayat pasti dilunas atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat ekonomi berguna dan dinilai bagi kerosotan nilai di mana sahaja terdapat petunjuk bahawa aset tidak ketara mungkin rosot nilai.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(e) Aset tidak ketara (sambungan)

Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperoleh semulanya sekiranya jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada anggaran jumlah boleh diperoleh semulanya. Lihat polisi-polisi perakaunan penting Nota 3(l) mengenai kerosotan nilai aset bukan kewangan.

Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat berguna pasti disemak sekurang-kurangnya pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Aset tidak ketara dengan hayat berguna tidak pasti dan aset tidak ketara di bawah pembangunan tidak dilunas tetapi diuji bagi kerosotan nilai secara tahunan atau dengan lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin rosot nilai sama ada secara individu atau pada tahap unit penghasilan tunai. Hayat berguna aset tidak ketara dengan hayat tidak pasti juga disemak secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna terus menjadi boleh disokong.

Aset tidak ketara dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaan seperti berikut:

Jenama	20 tahun
Perisian	3 – 5 tahun

Pelunasan aset tidak ketara di bawah pembangunan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan.

Sifat aset tidak ketara adalah seperti berikut:

- (i) Jenama berkaitan dengan jenama gula 'Prai' diperoleh sebagai sebahagian daripada pengambilalihan perniagaan gula.
- (ii) Perisian berkaitan dengan teknologi maklumat ("IT") yang digunakan di dalam Kumpulan

(f) Aset kewangan

Pengelasan

Kumpulan mengelaskan aset kewangannya dalam kategori-kategori berikut: pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan pinjaman dan penghutang. Pengelasan bergantung atas tujuan untuk apa aset kewangan telah diperoleh. Pengurusan menentukan pengelasan aset kewangannya pada pengiktirafan awal.

- (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah aset kewangan yang dipegang untuk perdagangan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini sekiranya ia diperoleh atau ditanggung terutamanya untuk tujuan penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat. Derivatif-derivatif dikategorikan sebagai dipegang untuk perdagangan melainkan ia ditetapkan sebagai pelindung nilai. Aset-aset dalam kategori ini dikelaskan sebagai aset semasa sekiranya dijangka akan diselesaikan dalam tempoh 12 bulan; sekiranya tidak, ia dikelaskan sebagai bukan semasa.

Derivatif-derivatif pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif ditandatangani dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksamanya. Kaedah mengiktiraf keuntungan atau kerugian terhasil bergantung sama ada derivatif dinamakan sebagai instrumen melindungi nilai, dan sekiranya demikian, sifat perkara telah dilindungi nilai. Kumpulan tidak menggunakan perakaunan melindungi nilai dalam akhir tahun kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(f) Aset Kewangan (sambungan)

Penjelasan (sambungan)

(ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dimasukkan dalam aset semasa, kecuali bagi kematangan melebihi 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan. Ianya dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan penghutang Kumpulan dinyatakan dalam Nota 38.

Pengiktirafan dan pengukuran awal

Pembelian dan jualan biasa aset kewangan diiktiraf pada tarikh-perdagangan, tarikh bila mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset.

Aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama campur kos urus niaga bagi semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Aset kewangan dinyatakan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga dijadikan perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian.

Pengukuran berikutnya – keuntungan dan kerugian

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, termasuk kesan-kesan terjemahan mata wang, pendapatan faedah dan dividen diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh dalam mana perubahan timbul.

Penyahiktirafan

Aset kewangan tidak lagi diiktiraf apabila hak-hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat atau telah dipindah dan Kumpulan telah memindah sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.

Penghutang yang difaktorkan kepada bank-bank dan lain-lain institusi kewangan dengan rekursa kepada Kumpulan tidak lagi diiktiraf sehingga tempoh rekursa telah tamat dan risiko dan ganjaran penghutang telah dipindah sepenuhnya. Tunai sepadan diterima daripada institusi kewangan direkodkan sebagai pinjaman.

Pengimbangan

Aset dan liabiliti kewangan diseimbangkan dan jumlah bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk mengimbangkan jumlah diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(g) Kerosotan nilai aset kewangan

Aset dibawa pada kos dilunas

Kumpulan menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan adalah terjejas dan kerugian penjejasan nilai ditanggung hanya sekiranya terdapat bukti objektif penjejasan nilai berpunca daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ('peristiwa kerugian') dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan betul.

Kriteria yang digunakan Kumpulan untuk menentukan bahawa terdapat bukti objektif kerugian penjejasan nilai termasuk:

- Kesukaran kewangan ketara pembuat terbitan atau pemikul tanggungjawab; atau
- Kemungkiran kontrak, seperti pemungkiran atau delinkuens dalam faedah atau bayaran pokok; atau
- Kumpulan, atas alasan ekonomi atau undang-undang berkaitan dengan kesukaran kewangan peminjam, memberi kepada peminjam konsesi yang pemberi pinjaman tidak akan pertimbangkan sebaliknya; atau
- Ia menjadi berkemungkinan bahawa peminjam akan mengisytiharkan muflis atau lain-lain penyusunan semula kewangan; atau
- Kehilangan pasaran aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh kesukaran kewangan; atau
- Data boleh diperhatikan menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada portfolio aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset tersebut, walaupun pengurangan masih belum dapat dikenal pasti dengan aset kewangan individu dalam portfolio, termasuk:
 - (i) Perubahan kurang baik dalam status bayaran peminjam dalam portfolio; dan
 - (ii) Keadaan ekonomi negara atau tempatan yang berkait dengan kemungkiran ke atas aset di dalam portfolio.

Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang belum ditanggung) didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Jumlah dibawa aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf di dalam keuntungan dan kerugian. Sekiranya pinjaman atau pelaburan dipegang sehingga matang mempunyai kadar faedah boleh ubah, kadar diskaun bagi mengukur mana-mana kerugian kerosotan nilai adalah kadar faedah berkesan semasa ditentukan di bawah kontrak. Sebagai suai manfaat yang praktikal Kumpulan mungkin mengukur kerosotan nilai atas dasar nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran boleh diperhatikan.

Sekiranya, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian kerosotan nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerosotan nilai diiktiraf (seperti penambahbaikan dalam penarafan kredit penghutang), keterbalikan kerugian kerosotan nilai yang diiktiraf sebelum ini diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila aset menjadi tidak dapat dikutip, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan berkaitan. Aset-aset sedemikian dihapus kira selepas semua prosedur diperlukan telah selesai dilaksanakan dan jumlah kerugian telah ditentukan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(h) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, campur, dalam kes liabiliti kewangan selain daripada derivatif, kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung.

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan kecuali bagi derivatif dalam kedudukan kerugian, sekiranya ada, yang diukur pada nilai saksama.

Bagi liabiliti kewangan selain daripada derivatif, keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang berpunca daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian bersih ke atas derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti bagi sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan.

Kos pinjaman yang boleh dikaitkan secara langsung kepada pembelian, pembinaan atau pengeluaran aset-aset yang layak, di mana aset-aset ini mengambil tempoh yang lama untuk tersedia bagi tujuan kegunaan atau jualannya, ditambah kepada kos aset-aset tersebut, sehingga suatu masa tertentu apabila sebahagian besar aset-aset tersedia bagi tujuan kegunaan atau jualannya.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian di dalam tempoh ianya ditanggung.

Yuran dibayar atas pewujudan kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa beberapa atau semua kemudahan telah dikeluarkan. Dalam kes ini, yuran ditunda sehingga pengeluaran berlaku. Sehingga tahap tidak ada bukti yang ia berkemungkinan bahawa beberapa atau semua kemudahan akan dikeluarkan, yuran dipermodalkan sebagai prabayaran bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh kemudahan kepada mana ia berkait.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada diganti oleh liabiliti yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama atas terma-terma yang berbeza secara ketaranya, atau terma-terma liabiliti sedia ada yang sebahagian besarnya diubah suai, seperti pertukaran atau modifikasi dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam jumlah dibawa masing-masing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(i) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos. Hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan nilai. Kos item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuklah harga pembeliannya dan mana-mana kos yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pembawaan masuk aset ke kawasan dan keadaan yang perlu bagi membolehkan ia beroperasi dalam cara yang dihasratkan oleh pengurusan. Kos juga termasuk kos pinjaman yang secara langsung boleh dikaitkan dengan pembelian, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak.

Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dikaitkan dengan perkara akan mengalir kepada Kumpulan dan kos perkara boleh diukur dengan betul. Jumlah dibawa alat yang digantikan dinyahiktirafkan. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj di dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh kewangan di mana ianya ditanggung.

Alat ganti utama, peralatan tunggu sedia dan peralatan penyelenggaraan dikelaskan sebagai hartanah, loji dan peralatan selain daripada inventori apabila ia dijangka akan digunakan lebih daripada satu tempoh.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat tidak pasti dan aset sedang dalam pembinaan tidak disusutnilaikan sehingga aset sedia untuk tujuan kegunaannya.

Lain-lain hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai baki selebihnya sepanjang anggaran hayat bergunanya

Kadar tahunan utama digunakan diringkaskan seperti berikut:

<u>Hartanah, loji dan peralatan</u>	<u>Anggaran hayat Kegunaan (tahun)</u>
Tanah pegangan pajak	66 – 99 tahun
Bangunan	5 – 20 tahun
Loji dan mesin	3 – 20 tahun
Perabot, pemasangan, peralatan dan kenderaan bermotor	3 – 11 tahun

Nilai baki aset dan hayat berguna dikaji, dan diselaraskan sekiranya sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan. Kesan dari sebarang semakan semula nilai sisa dan hayat berguna adalah termasuk dalam keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan di mana perubahan timbul. Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah menyemak semula hayat berguna loji dan peralatan tertentu daripada 14 tahun kepada purata 20 tahun. Semakan ini telah diambil kira sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan dan hasilnya, caj susut nilai bagi tempoh semasa telah dikurangkan sebanyak RM9,891,668.

Susutnilai hartanah, loji dan peralatan tidak lagi di awal pengiktirafan dan dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan. Susutnilai ke atas aset dalam pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan pendapatan dengan jumlah bawa dan dimasukkan dalam pendapatan operasi lain dalam keuntungan atau kerugian.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan nilai. Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperoleh semula sekiranya jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada anggaran jumlah boleh diperoleh semulanya. Lihat polisi-polisi perakaunan penting nota 3(I) mengenai kerosotan nilai aset bukan kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(j) Aset biologi

Aset biologi dinyatakan pada kos sejarah tolak kerugian kerosotan nilai terkumpul. Aset biologi terdiri daripada kos pembangunan penanaman baru ditanggung bagi penanaman baru getah, kelapa sawit dan lain-lain tanaman yang diakaunkan di bawah kaedah penyelenggaraan modal. Di bawah kaedah penyelenggaraan modal, kos pembangunan penanaman baru ditanggung (sebagai contoh pembersihan tanah, penanaman dan penjagaan pokok-pokok) sehingga tempoh matangnya dipermodalkan dan tidak dilunas.

Aset biologi akan tertakluk kepada susut nilai dipercepatkan jika kawasan tanaman yang sedia ada telah ditetapkan oleh para Pengarah untuk dengan tadi tanam semula dengan tanaman yang berbeza, selepas menetapkan jumlah yang dibawa kepada amaun boleh pulih.

Perbelanjaan penanaman semula dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tahun di mana ia ditanggung. Apabila kawasan yang ditanam ditanam dengan tanaman yang berbeza, nilai bawaan aset biologi yang sedia ada disusutnilai sepenuhnya pada kos keuntungan atau kerugian dan pembangunan penanaman berkenaan dengan tanaman baru dipermodalkan.

Kos tapak samaian terdiri daripada kos pembenihan kelapa sawit dan getah dan kos pembangunan berkaitan ditanggung (sebagai contoh pembajaan dan pembersihan rumput-rumpai) dalam menyediakan tapak samaian.

Kos tapak samaian berkaitan penanaman baru dipindah kepada perladangan kelapa sawit dan getah selepas mencapai tahap kematangan tertentu, yang adalah di antara 10 hingga 12 bulan bagi kelapa sawit dan 5 hingga 6 bulan bagi getah, manakala lain-lain jenis (dijual semula atau ditanam semula) dicaj kepada keuntungan atau kerugian.

(k) Inventori

Inventori yang terdiri daripada bahan mentah, kerja dalam pelaksanaan, barangan siap, molases dan barangan pakai habis dinyatakan pada kos terendah dan nilai boleh direalis bersih.

Kos ditentukan atas dasar purata wajar kos. Kos bahan mentah terdiri daripada kos berkaitan tanah barangan dibeli dan dalam hal kerja dalam pelaksanaan dan barangan siap, termasuk bahan, buruh langsung, lain-lain caj langsung dan bahagian sewajarnya bagi overhead kilang. Barangan pakai habis terdiri daripada kos pembelian asal.

Nilai boleh direalis bersih mewakili anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos jualan dan pengedaran dan lain-lain anggaran kos sehingga penyiapan.

(l) Kerosotan nilai aset bukan kewangan

Aset-aset yang mempunyai hayat berguna yang tidak tetap sebagai contoh muhibah atau aset tidak ketara tidak sedia untuk kegunaan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji secara tahunan bagi kerosotan nilai, atau apabila peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan berlaku menunjukkan bahawa kerosotan nilai mungkin wujud. Hartanah, loji dan peralatan dan lain-lain aset bukan semasa, termasuk aset tidak ketara dengan hayat berguna pasti, disemak bagi kerosotan nilai apabila peristiwa-peristiwa atau perubahan-perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa jumlah dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula.

Kerugian kerosotan nilai diiktiraf bagi jumlah yang mana jumlah dibawa aset melebihi jumlah boleh dipulih. Kerugian kerosotan nilai dicaj kepada keuntungan atau kerugian. Jumlah boleh dipulih semula adalah nilai saksama aset tolak kos untuk menjual yang mana lebih tinggi dan nilai dalam penggunaan. Untuk tujuan menilai kerosotan nilai, aset-aset dikumpulkan pada tahap paling rendah untuk yang mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penghasilan tunai). Aset-aset yang telah rosot nilai kecuali muhibah disemak bagi keterbalikan yang mungkin akan kerosotan nilai pada setiap tarikh pelaporan.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(m) Cukai pendapatan semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai bagi tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali sehingga tahap yang ia berkait dengan perkara-perkara yang diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam kes ini, cukai masing-masing juga diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti.

Cukai semasa dan tertunda diukur menggunakan kadar cukai berkanun atau diperundangkan kemudiannya pada tarikh penyata kedudukan kewangan di dalam negara-negara di mana anak-anak syarikat Kumpulan beroperasi menjanakan pendapatan yang boleh dicukai.

Cukai tertunda diperuntukkan atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset-aset dan liabiliti-liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia untuk digunakan terhadap perbezaan sementara boleh ditolak dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusaniaga selain daripada kombinasi perniagaan yang pada masa urusaniaga tersebut tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai atau kerugian.

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan atas perbezaan sementara yang timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, kecuali bagi liabiliti cukai pendapatan tertunda di mana pemasaan daripada keterbalikan perbezaan sementara dikawal oleh Kumpulan dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan diterbalikkan pada masa hadapan boleh diramal.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dan cukai pendapatan diseimbangkan apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk mengimbangkan aset cukai semasa sekali lagi liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkait dengan cukai dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama sama ada entiti boleh dicukai atau entiti-entiti boleh dicukai yang berlainan di mana terdapat hasrat untuk menyelesaikan baki atas dasar bersih.

Manfaat cukai daripada elaun pelaburan semula diiktiraf apabila kredit cukai digunakan.

(n) Zakat

Kumpulan mengiktiraf tanggungjawabnya terhadap pembayaran zakat ke atas perniagaan. Zakat bagi tempoh semasa diiktiraf bila dan apabila Kumpulan mempunyai tanggungan zakat semasa berpunca daripada taksiran zakat. Jumlah perbelanjaan zakat akan ditaksir apabila sebuah syarikat di dalam Kumpulan telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan, iaitu bagi tempoh dikenali sebagai "haul (tempoh layak)".

Perbelanjaan Zakat ini telah dipilih berdasarkan keputusan kewangan Kumpulan bagi tahun ini. Jumlah zakat dibayar diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana ia ditanggung.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan kecuali dinyatakan sebaliknya:

(o) Mata wang asing

Mata wang kefungisian dan pembentangan

Perkara-perkara termasuk dalam penyata kewangan Kumpulan diukur dengan menggunakan mata wang daripada persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti beroperasi ('mata wang kefungisian'). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang kefungisian dan mata wang pembentangan Kumpulan dan Syarikat.

Urus niaga dan baki

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang kefungisian dengan menggunakan kadar pertukaran yang tersedia ada pada tarikh urus niaga atau penilaian di mana perkara-perkara diukur semula. Keuntungan dan kerugian mata wang asing berpunca daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran akhir tahun aset dan liabiliti monetari didenominasi dalam mata wang asing diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian.

Keuntungan dan kerugian mata wang asing berkaitan dengan pinjaman dan tunai dan setara tunai dibentangkan dalam keuntungan dan kerugian. Keuntungan dan kerugian mata wang asing berkaitan dengan kontrak hadapan mata wang asing dibentangkan dalam keuntungan dan kerugian dalam "lain-lain (kerugian)/keuntungan – bersih".

(p) Pengiktirafan hasil

Hasil merangkumi nilai saksama pertimbangan yang diterima atau boleh diterima bagi penjualan barangan dan perkhidmatan dalam kebiasaan. Hasil dinyatakan selepas menolak barangan dan perkhidmatan, rebat dan diskaun dan selepas mengeluarkan jualan di dalam Kumpulan.

(i) Hasil daripada jualan barangan

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf selepas penghantaran barangan, apabila risiko ketara dan ganjaran pemilikan barangan dipindahkan kepada pembeli.

Rang Undang-Undang dan pegangan jualan adalah kontrak jualan yang, atas permintaan pelanggan, memindahkan hak milik sah inventori kepada pelanggan sebelum inventori meninggalkan gudang. Rang Undang-Undang dan pegangan jualan diiktiraf sebagai pendapatan apabila hak milik sah dipindahkan, dengan syarat ia adalah berkemungkinan bahawa penghantaran akan dibuat, dalam inventori adalah bersedia untuk penghantaran, secara fizikal diasingkan daripada inventori yang belum dijual, pelanggan telah secara khusus mengakui arahan penghantaran tertunda dan biasa terma pembayaran dikenakan.

(ii) Hasil daripada pemberian perkhidmatan

Hasil daripada pemberian perkhidmatan termasuk yuran pengurusan dan perkhidmatan pengangkutan diiktiraf apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan dengan merujuk kepada penyiapan perkhidmatan tertentu.

(iii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Apabila pinjaman dan belum terima rosot nilai, Kumpulan mengurangkan jumlah dibawa kepada jumlah boleh dipulih semula, merupakan anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal instrumen, dan terus meleraikan diskaun sebagai pendapatan faedah. Pendapatan faedah ke atas pinjaman rosot nilai dan belum terima diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan asal.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan kecuali dinyatakan sebaliknya (sambungan)

(p) Pengiktirafan hasil (sambungan)

(iv) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang-pemegang saham untuk menerima dibuktikan. Ini diguna-pakai walaupun jika ianya dibayar daripada keuntungan pra-pengambilalihan. Namun, akibatnya pelaburan mungkin perlu diuji bagi rosot nilai.

(q) Pengagihan dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila dicadangkan atau diisytiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen dicadangkan atau diisytiharkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk terbitan, tidak diiktiraf sebagai liabiliti pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(r) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai termasuk tunai dalam tangan, deposit dipegang pada panggilan dengan bank, lain-lain pelaburan jangka pendek mudah ditunaikan dengan kematangan asal selama tiga bulan atau kurang.

(s) Pajakan

Pengelasan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindah sebahagian besar kepada Kumpulan semua risiko dan ganjaran sampingan kepada pemilikan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan kendalian pajakan kewangan dalam cara yang sama sebagai pajakan lain-lain aset dan ciri-ciri pajakan tanah dan bangunan dipertimbangkan secara berasingan untuk tujuan pengelasan pajakan. Kesemua pajakan yang tidak memindahkan sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kendalian – Kumpulan sebagai pemajak

Bayaran pajakan kendalian diiktiraf sebagai perbelanjaan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan. Agregat manfaat insentif disediakan oleh pemajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan atas dasar garisan lurus.

Apabila pajakan kendalian ditamatkan sebelum tempoh pajakan telah tamat, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada pemajak melalui penalti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana penamatan berlaku.

Kos langsung awal yang ditanggung oleh Syarikat dalam merunding dan mengatur pajakan kendalian diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian apabila ditanggung.

Bayaran bagi hak penggunaan tanah dan bangunan sepanjang tempoh yang ditentukan terlebih dahulu, dikelaskan sebagai bayaran pajakan prabayar dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul. Bayaran pajakan prabayar dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan berkisar dari 15 hingga 60 tahun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan kecuali dinyatakan sebaliknya (sambungan)

(s) Pajakan (sambungan)

Pajakan kewangan – Kumpulan sebagai Pemajak

Pajakan hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mempunyai sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada nilai saksama hartanah dipajak dan nilai semasa bayaran pajakan minimum yang mana lebih rendah.

Setiap bayaran pajakan diperuntukkan di antara caj liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar faedah berkala tidak berubah ke atas baki liabiliti yang selebihnya. Obligasi-obligasi sewa yang sepadan, tolak caj kewangan, dimasukkan dalam lain-lain pemiutang jangka panjang. Ciri faedah kos kewangan dicaj kepada keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala tidak berubah ke atas baki liabiliti selebihnya bagi setiap tempoh.

Hartanah, loji dan peralatan diperoleh di bawah pajakan kewangan disusutnilaikan sepanjang hayat berguna dan tempoh pajakan aset yang mana lebih pendek.

Kos langsung awal ditanggung oleh Kumpulan dalam merundingkan dan mengatur pajakan kewangan ditambah kepada jumlah dibawa aset dipajak dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajakan atas dasar yang sama seperti perbelanjaan pajakan.

(t) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan berupa wang diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakan mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan masa hadapan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman tetap

Pelan caruman tetap adalah pelan manfaat pasca perkhidmatan di mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti atau dana berasingan dan tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya mana-mana daripada dana tidak mempunyai aset mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tahun-tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan dan kerugian sebagaimana ditanggung.

(iii) Manfaat penamatan

Kumpulan membayar manfaat penamatan dalam hal-hal penamatan pekerjaan di dalam rangka kerja penyusunan semula. Kumpulan mengiktiraf manfaat Penamatan sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila ianya mempunyai pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan penarikan balik yang realistik.

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan kecuali dinyatakan sebaliknya (sambungan)

(u) Instrumen ekuiti

Saham-saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti

Kos urus niaga daripada urus niaga ekuiti diakaunkan sebagai penolakan daripada ekuiti, tolak cukai bersih. Urus niaga ekuiti terdiri hanya daripada kos luaran tambahan secara langsung boleh dikaitkan kepada urus niaga ekuiti yang akan sebaliknya dielakkan.

(v) Liabiliti bersyarat

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti bersyarat tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti bersyarat adalah kemungkinan obligasi yang timbul daripada peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa hadapan tidak pasti yang di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf disebabkan ia tidak berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti bersyarat juga timbul dalam keadaan yang amat jarang berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak boleh diukur dengan betul. Walau bagaimanapun liabiliti bersyarat tidak termasuk kontrak jaminan kewangan.

(w) Pelaporan berseghmen

Maklumat segmen dibentangkan dalam cara yang seimbang dengan pelaporan dalaman yang disediakan oleh ketua pembuat keputusan kendalian. Ketua pembuat keputusan kendalian, yang bertanggungjawab bagi memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen kendalian, telah disahkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

(x) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila:

- Kumpulan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif berpunca daripada peristiwa lepas; dan
- ia berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi; dan
- anggaran yang betul jumlah boleh dibuat.

Di mana Kumpulan menjangkakan peruntukan akan dibayar balik (sebagai contoh, di bawah kontrak insurans), bayaran balik diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila bayaran balik adalah hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian kendalian masa hadapan.

Di mana terdapat beberapa obligasi serupa, kemungkinan bahawa aliran keluar akan diperlukan dalam penyelesaian ditentukan dengan menimbang kelas obligasi secara menyeluruh. Peruntukan diiktiraf walaupun sekiranya kemungkinan aliran keluar berhubung dengan mana-mana satu perkara dimasukkan dalam kelas obligasi yang sama mungkin kecil.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar pra-cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko-risiko khusus kepada obligasi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan kecuali dinyatakan sebaliknya (sambungan)

(y) Kontrak membebankan

Kumpulan mengiktiraf peruntukan bagi kontrak-kontrak membebankan apabila manfaat dijangka untuk diperoleh daripada kontrak adalah kurang daripada kos memenuhi obligasi yang tidak dapat dielakkan di bawah kontrak.

(z) Aset bukan semasa dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan apabila jumlah dibawanya akan dipulih semula terutamanya melalui urus niaga jualan dan jualan dianggap amat berkemungkinan. Ia dinyatakan pada jumlah dibawa dan nilai saksama yang mana lebih rendah tolak kos untuk menjual.

(aa) Pendapatan sesaham

Kumpulan membentangkan data pendapatan sesaham asas dan tercair ("EPS") bagi saham biasanya. EPS asas dikira berdasarkan keuntungan selepas cukai yang disatukan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham ekuiti Syarikat dan dibahagikan oleh bilangan wajaran saham biasa dalam terbitan.

(ab) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti, kecuali bagi bayaran berdasarkan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang akan diterima bagi menjual sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti di dalam suatu pengaturan teratur di antara pesaing-pesaing pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku di pasaran utama atau sekiranya tiada pasaran utama, di pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan pesaing pasaran menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam penggunaan tertinggi dan terbaik atau dengan menjualnya kepada pesaing pasaran lain yang akan menggunakan aset dalam penggunaan tertinggi dan terbaiknya.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Polisi pengurusan risiko kewangan

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran (termasuk risiko mata wang asing, risiko harga komoditi dan risiko kadar faedah), risiko kredit dan risiko kecairan yang timbul daripada kegiatan perniagaannya. Strategi pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan adalah untuk meminimumkan kesan-kesan negatif pasaran kewangan yang tidak dapat diramal ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif berkaitan untuk melindungi nilai risiko daripada pendedahan komersial sedemikian dan untuk memastikan pelaksanaan pelan tindakan risiko bagi mengurangkan risiko-risiko sedemikian secara berkesan. Instrumen kewangan derivatif sedemikian tidak dipegang bagi perdagangan atau untuk tujuan spekulatif.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh bagi memantau pengurusan risiko kewangan yang termasuk pengenalpastian risiko, operasi atau strategik, dan pelan-pelan tindakan berikutnya untuk menguruskan risiko-risiko ini. Pengurusan bertanggungjawab bagi mengenal pasti, mengawasi dan mengurus pendedahan risiko Kumpulan.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko pasaran

(i) Risiko pertukaran mata wang asing

Kumpulan beroperasi secara global dan terdedah kepada risiko pertukaran asing yang timbul daripada pelbagai pendedahan mata wang, terutamanya kepada Dolar Amerika Syarikat. ("USD").

Kumpulan menggalas pendedahan mata wangnya menerusi kontrak hadapan mata wang asing.

10% pengukuhan/kelemahan USD terhadap Ringgit Malaysia ('RM') pada tarikh penyata kedudukan kewangan akan memberi kesan yang lebih rendah/tinggi kepada keuntungan Kumpulan selepas cukai lebih kurang RM5,311,902 (2014: RM3,285,231).

Pendedahan di atas terutamanya akibat daripada keuntungan pertukaran wang asing/kerugian terjemahan penghutang perdagangan dan pemiutang. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain kekal malar.

(ii) Risiko harga komoditi

Kumpulan terdedah kepada harga gula mentah yang turun naik disebabkan oleh faktor tidak menentu seperti cuaca, perubahan permintaan global dan pengeluaran global.

Pengurusan bertanggungjawab untuk mengawal pendedahan Kumpulan kepada kos input gula mentah terhadap harga jualan gula bertapis yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pengurusan bermesyuarat dengan kerap untuk menyemak keperluan gula mentahnya dan trend harga dan kemudiannya memutuskan masa pembelian dan harga konsainan gula mentah agar margin penapisan dikunci bagi memastikan matlamat keuntungan dapat dicapai.

Analisis kesensitifan telah dilaksanakan berdasarkan pendedahan Kumpulan kepada kontrak hadapan gula pada akhir tahun. Sekiranya harga gula mentah meningkat atau merosot sebanyak 10% dengan kemalaran kesemua angka boleh ubah keuntungan sebelum cukai dan ekuiti Kumpulan meningkat atau merosot sebanyak sifar (2014: RM3,275,372).

(iii) Risiko kadar kewangan

Risiko kadar kewangan adalah risiko bahawa nilai saksama aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan dalam kadar kewangan pasaran.

Pada 31 Disember 2015, Kumpulan dan Syarikat tidak terdedah kepada risiko kadar kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko kredit

Risiko kredit merujuk kepada risiko bahawa pihak berlawanan akan memungkirkan obligasi-obligasi kontraknya mengakibatkan kerugian kewangan kepada Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat menerima pakai polisi dalam berurusan dengan pelanggan-pelanggan dengan sejarah kredit yang sesuai, dan memperoleh cagaran mencukupi termasuk jaminan bank dan bayaran pendahuluan di mana sesuai untuk mengurangkan risiko kredit. Anggaran pendedahan maksimum menyamai dengan jumlah dibawa aset kewangan.

Selain itu, pendedahan penghutang perdagangan terus diawasi dan disusuli dengan teliti oleh jabatan kewangan dan pemasaran. 10 pelanggan utama terdiri daripada 53% penghutang perdagangan pada 31 Disember 2015.

Kumpulan bermatlamat meningkatkan aset tunainya secara berhemat dengan mendepositkannya dengan institusi-institusi kewangan berlesen.

Baki bank dan tunai Kumpulan sebahagian besarnya diletakkan dengan institusi-institusi kewangan utama di Malaysia. Para Pengarah berpendapat bahawa kemungkinan ketidaklaksanaan oleh institusi-institusi kewangan ini, termasuk institusi-institusi kewangan bukan bertaraf tersebut, adalah amat kecil berdasarkan kekukuhan kewangan institusi-institusi kewangan tersebut.

Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi obligasi-obligasi disebabkan oleh kekurangan dana. Kumpulan mengekalkan tahap tunai dan setara tunai mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja Kumpulan dengan mengawasi secara teliti aliran tunainya. Disebabkan oleh sifat perniagaannya, Kumpulan telah menerima pakai pengurusan risiko kecairan berhemat dalam mengekalkan dan memperoleh kemudahan kredit mencukupi daripada institusi-institusi kewangan.

Peramalan aliran tunai dilaksanakan dalam entiti-entiti kendalian Kumpulan dan kemudiannya diagregatkan oleh pengurusan. Pengurusan mengawasi ramalan berkisar keperluan kecairan Kumpulan untuk memastikan ia mempunyai tunai mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi manakala mengekalkan lebihan mencukupi ke atas kemudahan pinjaman komited tidak dikeluarkannya pada sepanjang masa agar Kumpulan tidak melanggar had atau waad pinjaman (di mana berkenaan) ke atas mana-mana daripada kemudahan pinjamannya. Peramalan sedemikian mengambil kira pelan pembiayaan hutang, pematuhan waad, pematuhan dengan penyata sasaran nisbah kedudukan kewangan dalaman Kumpulan dan, sekiranya terpakai, keperluan berperaturan atau undang-undang luaran – sebagai contoh, sekatan mata wang.

Lebihan tunai dilaburkan dalam akaun semasa menerima keuntungan, deposit masa, deposit pasaran wang dan sekuriti boleh pasar, memilih instrumen dengan kematangan sesuai atau kecairan mencukupi untuk menyediakan lebihan mencukupi sebagaimana ditentukan oleh ramalan tersebut di atas. Pada tarikh pelaporan, Kumpulan memegang pelaburan tunai sebanyak RM67,592,000 (2014: RM424,043,000) dan lain-lain aset kecairan sebanyak RM56,310,000 (2014: RM45,956,000) yang dijangka mudah menghasilkan aliran masuk tunai bagi mengurus risiko kecairan. Pada tarikh pelaporan, Syarikat memegang pelaburan tunai sebanyak RM16,761,000 (2014: RM233,891,000) dan lain-lain aset kecairan sebanyak RM2,751,000 (2014: RM766,000) yang dijangka mudah menghasilkan aliran masuk tunai bagi mengurus risiko kecairan.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko Kecairan (sambungan)

Jadual di bawah menganalisis liabiliti kewangan bukan derivatif Kumpulan ke dalam pengumpulan kematangan berkenaan berdasarkan tempoh-tempoh kematangan selebihnya pada tarikh pelaporan sehingga tarikh kematangan kontrak. Liabiliti kewangan derivatif dimasukkan dalam analisis sekiranya kematangan kontraknya adalah penting bagi memahami pemasaan aliran tunai. Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat berdasarkan tempoh-tempoh kematangan selebihnya pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Jumlah dinyatakan dalam jadual adalah berdasarkan aliran tunai tidak didiskaunkan secara kontrak.

	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1 hingga 2 tahun RM'000	Antara 2 hingga 5 tahun RM'000	Lebih 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
<u>Kumpulan</u>					
<u>Pada 31 Disember 2015</u>					
Pemiutang	176,197	–	–	–	176,197
Jumlah terhutang kepada lain-lain syarikat berkaitan	510	–	–	–	510
Jumlah terhutang kepada syarikat pemegangan utama	11,785	–	–	–	11,785
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	60,000	–	–	–	60,000
Pinjaman	359,537	–	–	–	359,537
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaunkan	608,029	–	–	–	608,029
<u>Pada 31 Disember 2014</u>					
Pemiutang	231,216	–	–	–	231,216
Jumlah terhutang kepada lain-lain syarikat berkaitan	2,336	–	–	–	2,336
Jumlah terhutang kepada syarikat pemegangan utama	8,918	–	–	–	8,918
Pinjaman	248,390	–	–	–	248,390
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaunkan	490,860	–	–	–	490,860

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko Kecairan (sambungan)

Syarikat	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1 hingga 2 tahun RM'000	Antara 2 hingga 5 tahun RM'000	Lebih 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
<u>Pada 31 Disember 2015</u>					
Pemiutang	12,415	–	–	–	12,415
